


LAPORAN TAHUN  
**2004**  
ANNUAL REPORT  
**TABUNG HAJI**



*\* Dajjaa Nana Allah  
Yang Maha Pemurah Lagi  
Maha Pengasih \**



Diecut



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## LAPORAN TAHUNAN 2004



## TETAMU ALLAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, menunaikan ibadah fardu haji adalah merupakan matlamat utama dan impian setiap yang beragama Islam di seluruh dunia. Rukun Islam yang kelima ini telah dapat dan akan terus dinikmati oleh setiap insan yang beragama Islam di negara ini melalui Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), organisasi yang diamanahkan membantu merealisasikan seruan fardu haji.

Tabung Haji telah hampir 50 tahun menabur bakti suci, berkhidmat dan berbudi untuk setiap umat Islam yang menjadi TETAMU ALLAH, mengerjakan haji ke Tanah Suci.

Wajah-wajah tenang, wajah-wajah syahdu serta wajah-wajah mulia kini dipersembahkan sebagai konsep keseluruhan Laporan Tahunan Tabung Haji 2004.

... semoga, Allah memuliakan diri kita di sisiNya.



## " Towering Personality "

*Hasrat saya adalah untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mendukung pemikiran kelas pertama. Pengamalan etika yang luhur, budaya kerja yang mengutamakan prestasi berserta dengan adab sopan yang terpuji berupaya menaikkan nama Malaysia di mata dunia. Ia berupaya memartabatkan kita sebagai rakyat Malaysia.*





*Ya Allah ya Tuhan kami.. muliakanlah diri kami...*





*muliakanlah keluarga kami serta sahabat-sahabat kami...*





*agar kami menjadi umat mulia di sisi Mu.*



Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) yang berkuatkuasa pada 1 Jun 1995. Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 (Akta 8) serta Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973.

#### Matlamat

- Memberi perkhidmatan yang baik, sempurna dan amat memuaskan kepada jemaah haji Malaysia dalam urusan mereka menunaikan fardu haji.
- Memberi keuntungan yang maksimum kepada pendeposit-pendeposit bagi wang simpanan mereka.



# VISI

## TABUNG HAJI

#### Tujuan

- Membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji atau perbelanjaan lain yang berfaedah.
- Membolehkan orang-orang Islam melalui wang simpanan mereka mengambil bahagian dengan lebih berkesan di bidang penanaman modal dalam lapangan perusahaan, perdagangan serta tanah dan bangunan melalui cara yang halal di sisi agama Islam.
- Memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada orang-orang Islam menunaikan fardu haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan.

## Misi Korporat

Lembaga Tabung Haji sebagai sebuah organisasi Islam yang dinamik dan prihatin dalam pengurusan pengendalian haji dan umrah yang sempurna serta berhemat dalam penggembelngan segala sumber untuk pengukuhan ekonomi ummah; beriltizam melaksanakan dan mencapai wawasan ini dengan:

# MISI

## TABUNG HAJI



- Memberi perkhidmatan yang cekap dan cemerlang kepada pelanggan.
- Mengamalkan semangat berpasukan yang beramanah, profesional, produktif dan berhemah tinggi.
- Beriktikad memberikan pulangan yang tinggi dan setanding dengan pasaran.
- Menggunakan teknologi dan sistem terkini untuk pengurusan dan perkhidmatan yang berkualiti.



“Kalau kita bercakap pengurusan haji terbaik,  
Tabung Haji adalah contohnya”

TYT Dr. Iyad Ameen Madani  
Bekas Menteri Haji Arab Saudi

“Satu Kejayaan bagi umat Islam dan patut diikuti  
oleh seluruh dunia mengenai pengurusan simpanan  
dan pengeluaran dan perkhidmatan Haji”


Dr. Farhan Ahmad Nizam, Pengarah Pusat Pengajian Islam,  
Universiti Oxford, England



## FIRMAN

“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh”

Surah Al-Hajj - Ayat 27



Kunci Pintu Ka'abah

## ALLAH SAYS

“And proclamation unto mankind the Pilgrimage. They will come unto thee on foot and on every lean camel; they will come from every deep ravine”

Surah Al-Hajj - Verse 27

# LEMBAGA TABUNG HAJI

## L A P O R A N T A H U N A N | 2 0 0 4

### RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

#### PERUTUSAN PENERUSI

2 Perutusan Pengerusi

#### MAKLUMAT KORPORAT

12 Profil Jemaah Lembaga Pengarah

15 Jemaah Lembaga Pengarah

16 Profil Panel Pelaburan

19 Panel Pelaburan

20 Majlis Penasihat Haji

21 Carta Organisasi

22 Pengurusan Kanan

#### URUSTADBIR KORPORAT

25 Penyata Urustadbir Korporat

31 Penyata Kawalan Dalaman

32 Laporan Jawatankuasa Audit

### TINJAUAN OPERASI

35 Haji

40 Pendeposit

42 Pelaburan

45 Sekitar 2004

48 Struktur Kumpulan Tabung Haji

50 Sektor Perladangan

53 Sektor Pembinaan

55 Sektor Pembangunan Hartanah

57 Sektor Pelancongan  
& Perkhidmatan

#### STATISTIK

60 Statistik

#### PENYATA KEWANGAN

63 Penyata Kewangan

#### SENARAI CAWANGAN

# RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN TABUNG HAJI



لِمْبَاغَا تَابُونِجَا حَايِي  
LEMBAGA TABUNG HAJI

	2004 RM Juta	2003 RM Juta
Pendapatan	837.76	687.95
Zakat	30.71	14.48
Keuntungan Selepas Zakat	499.62	416.61
Bonus Pendeposit	482.16	411.47
Jumlah Aset Bersih	12,439.67	11,635.52
Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit	12,085.42	11,286.64
Jumlah Pelaburan	12,193.50	11,423.49
<b>Kadar Bonus Pendeposit</b>	<b>4.30%</b>	<b>4.00%</b>

PERUTUSAN  
Pengerusi





**Y.Bhg. Tan Sri Dato' Zainol  
Bin Mahmood**  
Pengerusi  
Lembaga Tabung Haji

“ Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, sekali lagi saya bagi pihak Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji, dapat membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004. ”

## PERUTUSAN PENGERUSI

Izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota, para pendeposit dan warga kerja di atas sokongan padu yang telah diberikan kepada Tabung Haji. Tanpa sokongan tersebut, kita tidak mungkin dapat mencapai kejayaan berterusan seperti mana yang tercatat di dalam laporan tahunan ini.

### TINJAUAN AM

Kemampuan Malaysia mengurus ekonomi telah banyak diuji dalam tempoh hampir setengah abad semenjak merdeka. Pada tahun 1985, negara buat pertama kalinya semenjak merdeka telah mengalami kemelesetan ekonomi akibat kejatuhan mendadak semua harga komoditi yang mengakibatkan defisit di dalam imbangan bayaran negara dan akaun kewangan Kerajaan. Kita juga tidak lupa pada tahun 1997 dan 1998 di mana negara telah mengalami krisis kewangan yang hebat dan nilai ringgit telah jatuh teruk. Krisis ini juga turut memberi kesan kepada prestasi kewangan dan portfolio pelaburan Tabung Haji. Semua pengalaman ini telah menjadikan kita lebih bijak dan memberi keyakinan untuk merancang dan mengurus kewangan dan perniagaan dengan lebih baik.

Pada tahun 2004, ekonomi Malaysia terdedah kepada faktor-faktor luar seperti risiko kenaikan harga minyak mentah dunia, ketegangan geopolitik di Asia Barat dan kelemahan Dolar Amerika. Untuk mengurangkan kesan luaran kepada ekonomi tempatan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah berkesan bagi membangunkan sumber baru pertumbuhan seperti kepelbagaian dalam sektor pembuatan dengan pewujudan industri dan produk baru,

peningkatan positif dalam pelaburan dan perbelanjaan swasta, pertumbuhan baru dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta peningkatan kukuh dalam perkhidmatan kewangan dan pemulihan aktiviti pelancongan terus menyokong pertumbuhan sektor perkhidmatan, mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahap 57%. Alhamdulillah, Tabung Haji juga turut merasai peningkatan ekonomi tersebut.

Di samping itu, perancangan mantap dan komitmen tinggi Ahli Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan dan Pengurusan Tabung Haji dalam memantau prestasi kewangan telah memberi pulangan yang kompetitif kepada pendeposit sejak tahun 2001.

Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semenjak Oktober tahun 2003 juga telah mewujudkan suasana kestabilan politik dan kesinambungan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Suasana ekonomi dan politik yang baik ini telah memberi kesan yang positif kepada Tabung Haji. YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menyeru orang Melayu menjayakan pendekatan Islam Hadhari dan yakin bahawa konsep Islam Hadhari boleh mengembalikan semula umat Islam kepada landasan kecemerlangan dalam semua bidang. Beliau menggariskan 10 prinsip utama Islam Hadhari iaitu meliputi keimanan dan ketakwaan kepada Illahi, kerajaan adil dan beramanah, rakyat berjiwa merdeka, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti

42 | 1 9 6 3 - 2 0 0 5 | TAHUN DALAM SEJARAH |



dan wanita, keutuhan budaya dan moral, pemeliharaan alam semulajadi serta kekuatan pertahanan. Menurut beliau, perubahan minda orang Melayu memerlukan satu tindakan secara menyeluruh, drastik, sistematik dan tidak bersifat sektor atau partisan. Ini bagi menjaga, memartabat dan memperkasakan agama, akal, nyawa, harta dan keturunan.

Tabung Haji akan bersama-sama mendukung dan menyumbang ke arah kejayaan pelaksanaan dasar and strategi Kerajaan.

### TINJAUAN KEWANGAN

Prestasi kewangan Tabung Haji semakin bertambah baik dan menunjukkan pertumbuhan setiap tahun bermula dari tahun 2001. Sedia maklum, pelaburan Tabung Haji adalah sebahagian besarnya daripada pelaburan jangka panjang termasuk bidang perladangan dan hartanah.

Pihak pengurusan sentiasa berusaha untuk menyelaraskan pelaburan-pelaburan yang sedia ada dengan tujuan mengatur strategi untuk memantapkan profil portfolio bagi mendapat pulangan yang baik. Pertumbuhan yang sihat ini adalah kesan daripada penstrukturan semula dan juga proses rasionalisasi portfolio pelaburan Tabung Haji yang telah dan masih dilaksanakan. Pertumbuhan ini juga dibantu oleh pemulihan ekonomi Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu.

Alhamdulillah, tahun 2004 mencatatkan satu lagi mercu tanda baru bagi Tabung Haji di mana Tabung Haji telah mencipta sejarah dengan merekodkan pendapatan RM838 juta, iaitu yang

tertinggi sejak ditubuhkan pada tahun 1963. Peningkatan sebanyak RM150 juta atau 22 peratus berbanding RM688 juta pada tahun 2003 ini disumbangkan oleh pertambahan pendapatan dividen sebanyak RM55 juta dan RM85 juta dari hasil keuntungan jualan saham.

Keuntungan operasi selepas zakat dan sebelum bonus pendeposit pula telah meningkat kepada RM500 juta pada tahun 2004 berbanding dengan RM417 juta pada tahun 2003 dan ini merupakan peningkatan sebanyak 20 peratus. Pencapaian ini adalah kerana peningkatan pendapatan daripada sumber-sumber yang disebutkan tadi dan diiringi oleh perbelanjaan operasi yang terkawal.

Walau bagaimanapun, langkah berhati-hati, bijak dan berwawasan yang diamalkan oleh Tabung Haji semenjak krisis ekonomi terus dilaksanakan di mana peruntukan rosot nilai dan hapuskira ke atas pelaburan-pelaburan yang tidak berdaya maju ditambah sebanyak RM101 juta dalam tahun 2004 menjadikan keseluruhan peruntukan terkumpul sebanyak RM217 juta pada 31 Disember 2004. Peruntukan rosot nilai dan hapuskira sebanyak RM101 juta ini menunjukkan peningkatan sebanyak 33 peratus berbanding RM76 juta pada tahun 2003.

Jumlah aset bersih Tabung Haji telah meningkat kepada RM12.4 bilion pada tahun 2004 berbanding dengan RM11.6 bilion pada tahun 2003, sejajar dengan peningkatan simpanan pendeposit.



## 42 | 1 9 6 3 - 2 0 0 5 | TAHUN DALAM SEJARAH




# PERUTUSAN PENGERUSI

## Zakat

Tabung Haji telah melakukan pengiraan zakat mengikut kaedah baru seperti yang disyorkan oleh pakar rujuk JAKIM, Pusat Pungutan Zakat, Mufti dan Ahli Jawatankuasa Majlis Syariah Institusi Kewangan. Mengikut perkiraan kaedah baru dan perubahan tempoh pengiraan zakat daripada tahun Hijrah ke tahun masihi bermula dari tahun 2004, ia melibatkan tempoh 21 bulan berakhir 31 Disember 2004 dan untuk itu, Tabung Haji telah memperuntukkan jumlah zakat sebanyak RM31 juta bagi tahun 2004. Jumlah zakat ini adalah yang tertinggi pernah dicatatkan sejak penubuhan Tabung Haji. Daripada jumlah itu, RM16 juta telah dibayar kepada Pusat Zakat atau Majlis Agama Islam Negeri-Negeri pada pertengahan 2004, manakala baki pembayaran RM15 juta akan dimulakan pada suku kedua 2005. Sebagai makluman, pengagihan bayaran zakat adalah berdasarkan jumlah baki simpanan pendeposit bagi setiap negeri.

Agihan zakat mengikut negeri bagi tahun 2004



YB. Dato' Dr. Abdullah Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyempahkan cek zakat perniagaan Tabung Haji bagi tahun 1424H bagi Pendeposit Negeri Selangor kepada DYMM Tuanku Sultan Selangor.

## Bonus

Jumlah bonus yang dibayar oleh Tabung Haji kepada para pendeposit pada tahun 2004 adalah RM482 juta iaitu meningkat sebanyak 17 peratus berbanding dengan RM411 juta pada tahun 2003.

Perbandingan Pemberian Bonus Tabung Haji Dengan Institusi Kewangan Lain

Tahun	Bank Komersial		Syarikat Kewangan		Tabung Haji
	Simpanan Tetap Purata (%)	Simpanan Purata (%)	Simpanan Tetap Purata (%)	Simpanan Purata (%)	Pulangan (%)
2001	4.0	2.3	4.0	2.9	3.25
2002	4.0	2.1	4.0	2.7	3.5
2003	3.7	1.9	3.7	2.2	4.0
2004	3.7	1.6	3.7	2.0	4.3

## 42 | 1 9 6 3 - 2 0 0 5 | TAHUN DALAM SEJARAH



Dari segi peratusan, Tabung Haji telah membayar 4.3 peratus selepas ditolak zakat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, meningkat 7.5 peratus berbanding 4.0 peratus yang dikeluarkan bagi 2003. Pembayaran bonus ini sekali lagi tidak menggunakan rizab dan ini adalah satu amalan yang sihat.

Perangkaan Bank Negara menunjukkan kadar pulangan purata simpanan tetap dan akaun simpanan di bank komersial dan syarikat kewangan menurun mulai 2001 hingga 2004 manakala pulangan Tabung Haji telah meningkat daripada 3.25 peratus pada 2001 kepada 4.3 peratus pada 2004.

Kadar pulangan yang diberikan Tabung Haji sebanyak 4.3 peratus ini lebih tinggi berbanding produk perbankan Islam seperti akaun simpanan Al-Wadiah (1.2 peratus hingga 1.5 peratus) dan akaun simpanan Al-Mudharabah (1.7 peratus hingga 2.2 peratus). Kadar ini juga lebih tinggi berbanding dengan kadar pulangan bagi pelaburan 12 bulan dalam produk perbankan Islam iaitu antara 2.9 peratus hingga 3.6 peratus.

## TINJAUAN OPERASI

### Haji

Alhamdulillah, operasi haji pada tahun 1425H telah berjalan dengan lancar. Kos untuk mengerjakan haji telah dikekalkan walaupun terdapat peningkatan kos di luar kawalan membabitkan penerbangan dan penginapan di Tanah Suci. Perhubungan yang rapat dan mesra dengan Kerajaan Arab Saudi, khususnya Kementerian Hajinya dan gandingan tenaga antara petugas haji Malaysia dengan petugas Muassasah adalah faktor utama dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada jemaah haji Malaysia.

Saya memberi penghargaan yang tinggi atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat seperti Kementerian Kesihatan, Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Jabatan Agama Islam, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), Malaysian Airports Holdings Berhad (MAHB) dan lain-lain, di mana mereka bekerja secara berpasukan, saling bantu membantu di antara satu sama lain juga telah banyak membantu kelicinan operasi haji di Tanah Air dan di Tanah Suci.

Musim haji tahun ini disifatkan oleh banyak pihak sebagai yang paling berjaya, berlangsung tanpa diwarnai dengan insiden atau tragedi maut seperti tahun lalu di mana seramai 251 jemaah terbunuh ketika melakukan lontaran di Mina akibat daripada kelakuan berasak-asak dan tidak berdisiplin. Walaupun berlaku hujan lebat dan banjir kilat di Makkah dan Mina, keadaan adalah terkawal.

42 | 1 9 6 3 - 2 0 0 5 | TAHUN DALAM SEJARAH |



# PERUTUSAN PENGERUSI


## Pendeposit

Sehingga 31 Disember 2004, kumpulan wang simpanan pendeposit telah mencapai RM12.1 bilion berbanding dengan RM11.3 bilion pada tahun 2003 iaitu peningkatan sebanyak 7 peratus. Bilangan pendeposit terkumpul juga telah meningkat kepada 4.9 juta orang pada tahun 2004, meningkat sebanyak 4.3 peratus dari 4.7 juta orang pada 31 Disember 2003. Ini membuktikan Tabung Haji masih dan terus dipercayai oleh masyarakat Islam dalam mengendalikan simpanan mereka.

Tabung Haji telah membuka cawangan yang terbaru di Kepala Batas, Pulau Pinang dan telah beroperasi secara rasmi mulai 1 Julai 2004 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 120 buah cawangan.

Tabung Haji juga telah melantik 3 lagi bank iaitu Public Bank Berhad, AmBank Berhad dan EON Bank Berhad sebagai ejen kutipan simpanan Tabung Haji tambahan kepada Pos Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Islam, Maybank, Bumiputra Commerce Bank dan RHB Bank.

Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit Mengikut Negeri bagi Tahun 2004



Pejabat Tabung Haji ke-120 di Daerah Kepala Batas yang dibuka secara rasmi pada 1 Julai 2004.

## 42 | 1 9 6 3 - 2 0 0 5 | TAHUN DALAM SEJARAH |



### Perincian Pendeposit Baru Mengikut Negeri bagi Tahun 2004

Negeri	Bilangan Pendeposit
Selangor	21,849
Johor	21,573
Wilayah Persekutuan	18,854
Perak	18,653
Kedah	18,404
Kelantan	16,221
Terengganu	15,259
Pahang	12,726
Melaka	9,957
Negeri Sembilan	9,468
Sabah	8,035
Pulau Pinang	7,050
Sarawak	6,814
Perlis	2,183

### Pelaburan

Peningkatan prestasi Bursa Malaysia pada tahun 2004 melalui pergerakan cergas komposit indeks Bursa Malaysia yang telah mencecah 900 mata telah membantu Tabung Haji meraih keuntungan daripada urusan jual beli saham dan mencatatkan keuntungan yang meningkat. Sebagai sebuah organisasi Islam, Tabung Haji telah meneliti setiap profil risiko pelaburan kerana operasi Tabung Haji yang berlandaskan Syariah tidak sama dengan institusi kewangan lain. Oleh itu, Tabung Haji tidak boleh sewenang-wenangnya meningkatkan risiko untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi.

Harga pasaran minyak sawit mentah yang tinggi telah sekali lagi memberi pulangan yang positif kepada Tabung Haji melalui anak syarikat yang terlibat dalam sektor perladangan. Pada tahun 2004, harga minyak sawit terus meningkat kepada paras purata RM11,610 setan berbanding dengan RM11,540 setan pada tahun 2003.

### Lain-Lain

Proses Pensijilan ISO 9001:2000 telah berjalan dengan lancar untuk dua jabatan di Tabung Haji iaitu Jabatan Pendeposit dan Jabatan Haji. Bagi Jabatan Pendeposit, perkhidmatan deposit dan pengeluaran di kaunter Ibu Pejabat Tabung Haji telah disijilkan pada 19 Oktober 2004 dan bagi Jabatan Haji, urusan pengendalian haji berjaya memperolehi sijil pada 7 Januari 2005. Bagi keseluruhan operasi haji pula, proses pensijilan sedang rancak dijalankan.

42 | 1 9 6 3 - 2 0 0 5 | TAHUN DALAM SEJARAH |



## MASA HADAPAN

Untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan bagi tahun 2005, beberapa langkah penambahbaikan telah dikenalpasti oleh Pengurusan seperti berikut: -

- Meningkatkan usaha-usaha memperbaiki kemudahan kepada jemaah haji secara berterusan. Antara aspek yang ditekankan adalah ilmu mengenai ibadah haji, keselesaan penginapan, perubatan, jarak tempat penginapan ke masjid, pengangkutan dan keselamatan jemaah.
- Memperkemas lagi portfolio pelaburan di mana kajian menyeluruh akan dibuat ke atas pelaburan-pelaburan yang tidak berdaya maju. Tumpuan diutamakan kepada pelaksanaan alokasi aset seperti yang telah dibuat kajian dan diluluskan.
- Mewujudkan bahagian pengurusan risiko.
- Aktiviti pemasaran secara aktif bagi meningkatkan kadar sewaan bangunan-bangunan Tabung Haji.
- Melantik lebih banyak institusi-institusi kewangan menjadi ejen kutipan simpanan Tabung Haji untuk memudahkan para pendeposit membuat urusan simpanan.
- Menambahkan aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan untuk faedah umat Islam selaras dengan dasar dan strategi Kerajaan.
- Akan terus berusaha merapatkan lagi perhubungan bersama rakyat dengan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan mesra.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan anggota Tabung Haji, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB. Dato' Dr. Abdullah Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, atas kepimpinannya dan segala dorongan, sokongan, dan keprihatinan yang telah diberikan semenjak perlantikan beliau pada 30 Mac 2004.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pendeposit serta agensi-agensi kerajaan dan swasta terhadap sokongan yang berterusan serta kepercayaan yang telah diberikan kepada Tabung Haji dan memohon maaf atas sebarang kekurangan.

Penghargaan ini juga turut dirakamkan kepada Ahli Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan, Majlis Penasihat Haji, pengurusan dan semua anggota Tabung Haji yang telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, jujur dan amanah sepanjang tahun 2004. Tanpa usaha dan dedikasi mereka, Tabung Haji pasti tidak akan berjaya meningkatkan prestasinya.

Akhir kata, dengan izin dan rahmat daripada Allah SWT, saya berharap Tabung Haji akan terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dan sentiasa menjaga kepentingan pendeposit selaras dengan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.



Tan Sri Dato' Zainol bin Mahmood  
Pengerusi



Wisma Tabung Haji di Jeddah



The background of the page is a photograph of a mosque minaret in silhouette against a vibrant sunset sky. The sun is a bright yellow circle in the lower right quadrant, casting a warm orange and red glow. The minaret is a tall, slender tower with a pointed top, featuring several balconies or tiers. The overall mood is serene and spiritual.

# MAKLUMAT Korporat

Jemaah Lembaga Pengarah

Profil Jemaah Lembaga Pengarah

Panel Pelaburan

Profil Panel Pelaburan

Majlis Penasihat Haji

Carta Organisasi

Pengurusan Kanan

## PROFIL JEMAAH LEMBAGA PENGARAH



### 1 Y.BHG. TAN SRI DATO' ZAINOL BIN MAHMOOD

PSM, DPMP, DMPN, JMN, JSM  
Advance Management Programme (Harvard),  
Masters In Public Administration (Pittsburgh University),  
B.A. (UM).

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Zainol bin Mahmood dilantik sebagai Pengerusi Jemaah Lembaga Pengarah pada 9 Ogos 2001 hingga kini. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia Berhad, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



### 2 Y.BHG. DATO' MOHD. BAKKE BIN SALLEH

DSIS, DMSM  
FCA(ICAEW), B.Sc (Econs),  
London School of Economics and Political Science, CA(M)

Y.Bhg. Dato' Mohd. Bakke bin Salleh telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif semenjak 15 Oktober 2001. Beliau berpengalaman luas di sektor swasta dengan memegang beberapa jawatan penting di beberapa buah syarikat korporat di antaranya Pengurus Besar Kumpulan Island & Peninsular Bhd, Pengarah Urusan Federal Power Sdn. Bhd. dan Pengarah Urusan Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan. Sebelum menyertai Lembaga Tabung Haji, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah Bahagian Hartanah di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Beliau adalah 'Fellow' Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

### WAKIL JABATAN PERDANA MENTERI

### 3 Y.BHG. DATO' HAJI AB. RAHIM BIN HAJI MA'IN

DIMP, SMJ, AMP  
Masters In Public Administration (Pittsburgh University),  
B.A.(Hons) UM

Y.Bhg. Dato' Haji Ab. Rahim bin Haji Ma'in telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 26 Januari 2004. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan telah menyertai Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) sejak 1974. Beliau berpengalaman luas di dalam pelbagai jabatan Kerajaan sama ada di peringkat daerah, negeri, mahupun Persekutuan.



## WAKIL PERBENDAHARAAN

### 4 **Y.BHG. ENCIK IBRAHIM MAHALUDIN BIN PUTEH**

KMN, BCM

MBA, University of Manchester, United Kingdom,  
B.A (Hons) UM

Y.Bhg. Encik Ibrahim Mahaludin bin Puteh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2005. Dilahirkan pada 17 Oktober 1951 di Kuala Lumpur; Beliau cukup berpengalaman dan pernah berkhidmat di pelbagai bahagian di Kementerian Kewangan semenjak 1974. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat di 'World Bank Group' dari tahun 2003 hingga 2004 sebagai Penasihat Kanan kepada Pengarah Eksekutif Asia Tenggara. Antara tugas yang dipikul termasuk mengkaji pelbagai cadangan untuk pembiayaan selain daripada menilai strategi, tindakan, keputusan dan kesan bagi rantau/negara, rangkaian, sektor dan juga polisi berkaitan World Bank Group. Kini beliau menjawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Kewangan.

## AHLI-AHLI LAIN

### 5 **Y.BHG. DATUK DR. ABDUL SAMAD BIN HAJI ALIAS**

PJN

Honorary Doctorate of Philosophy in Accounting (UUM)

Y.Bhg. Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2003. Dilahirkan pada 26 Mac 1943 di Muar, Johor. Beliau merupakan Presiden Malaysian Institute of Accountants (MIA) dan Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA). Penglibatan beliau yang luas sebagai ahli di dalam beberapa badan profesional bukan sahaja di Malaysia, sebaliknya juga di Australia dan United Kingdom. Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Malaysia Venture Capital Management Berhad, Malaysia Debt Venture Berhad dan Ahli Majlis Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

### 6 **Y.BHG. DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT**

DPMT, PPN, PJK

B Econs (UKM)

Y.Bhg. Dato' Haji Muda bin Mamat dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Ogos 2004. Dilahirkan pada 14 Oktober 1951, di Kg. Jerong Seberang, Marang Terengganu. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Besut dari tahun 1977 hingga 1981 dan menjawat jawatan sebagai Pengarah Pusat Pupuk Semangat, Terengganu pada tahun 1981 sehingga 1982. Di samping itu, beliau juga bergiat aktif di dalam politik semenjak 1982 hingga sekarang. Beliau merupakan Pengarah Urusan Syarikat NPPR Resources Sdn. Bhd.

### 7 **Y.BHG. DATO' DR. NIK NORZRUL THANI BIN NIK HASSAN THANI**

DJMK

Ph.D in Law of SOAS University of London.

Masters in Law Queen Mary & Westfield College, University of London, Barrister at Law Lincoln's Inn,

Y.Bhg. Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Oktober 2004. Dilahirkan pada 29 Jun 1960 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan rakan kongsi Zaid Ibrahim & Co., sebuah firma guaman tempatan. Pernah menjawat jawatan Peguam Antarabangsa di Bakers McKenzie, Singapura dari tahun 1997 hingga 1998 dan menjawat jawatan Dekan Hal Ehwal Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dari tahun 1994 hingga 1996.



**8 Y.BHG. DATUK ZAMANI  
BIN ABDUL GHANI**

DMSM, KMN, DSM  
Master in Management Asian (Institute of Management,  
Manila), B Econs (UM), IBBM Fellow Membership

Y.Bhg. Datuk Zamani bin Abdul Ghani dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 15 Oktober 2004. Dilahirkan pada 19 Januari 1948 di Melaka. Beliau merupakan 'Fellow' membership bagi Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan kini menyandang jawatan sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia.

**9 Y.BHG. PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR  
BIN HAJI HUSIN**

DIMP, JSM  
Ph.D, (M.A) Akidah dan Falsafah, B.A (Hons) Fakulti  
Usuluddin Universiti Al-Azhar; Diploma Pendidikan Ain  
Shams University of Cairo

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 15 Oktober 2004. Dilahirkan pada 10 April 1942 di Jerantut, Pahang. Beliau telah berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam dari tahun 1980 hingga 1981 dan Profesor Jabatan Usuluddin dan Falsafah di Fakulti yang sama dari tahun 1993 hingga 1999. Sepanjang perkhidmatan beliau di UKM, beliau juga pernah menjawat jawatan Dekan di Fakulti Pengajian Islam dari tahun 1985 hingga 1987 dan 1992 hingga 1998. Beliau kini menjawat jawatan Profesor Kanan dan Rektor di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

**10 YB. DATO' PADUKA HAJI BADRUDDIN  
BIN AMIRULDIN**

DHMS, DSDK, BKM, PJK  
Diploma in Business Studies

YB. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2005. Dilahirkan pada 20 Mei 1950 di Yan, Kedah. Beliau mempunyai pengalaman berkhidmat di pelbagai institusi korporat dan badan berkanun mahupun Kerajaan. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi di beberapa buah syarikat dan institusi seperti di UTC (anak Syarikat MARA Holdings) (1986), FAMA (1994), Syarikat Binarul Sdn. Bhd. (1997) dan Larut Consolidated Berhad (1999). Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di beberapa buah syarikat dan Badan Berkanun seperti KTMB (1992), TDC (1994), Kedah Cement (1996), Pemas International Holding Berhad dan Majlis Amanah Rakyat (1997). Selain daripada itu, beliau bergiat aktif di dalam arena politik dan kini menyandang jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat Malaysia, Kawasan Jerai.

Lembaga Pengarah diberi kuasa di bawah Seksyen 4 (1) Akta Tabung Haji untuk mentadbir kumpulan wang dan segala yang berkenaan dengan kebajikan jemaah haji. Lembaga ini juga merumus dasar yang berkaitan dengannya dan perkara-perkara lain yang boleh dilakukan di bawah Akta ini. Penubuhan Jemaah Lembaga Pengarah, Majlis Penasihat Haji dan Panel Pelaburan adalah mengikut Seksyen 11 Akta Tabung Haji 1995.

Berikut adalah senarai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji sehingga tarikh Penyata Kewangan Tabung Haji 2004

**Pengerusi**

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Zainol bin Mahmood  
PSM, DPMP, DMPN, JMN, JSM

**Ahli-Ahli Yang Lain**

Y.Bhg. Datuk Zamani bin Abdul Ghani  
DMSM, KMN, DSM  
(Mulai 15 Oktober 2004)

**Pengarah Urusan Kumpulan Dan  
Ketua Pegawai Eksekutif**

Y.Bhg. Dato' Mohd. Bakke bin Salleh  
DSIS, DMSM

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor  
bin Haji Husin  
DIMP, JSM  
(Mulai 15 Oktober 2004)

**Wakil Jabatan Perdana Menteri**

Y.Bhg. Dato' Haji Ab. Rahim bin Haji Ma'in  
DIMP, SMJ, AMP  
(Mulai 26 Januari 2004)

YB. Dato' Paduka Haji Badruddin bin  
Amiruldin  
DHMS, DSDK, BKM, PJK  
(Mulai 1 Januari 2005)

**Wakil Perbendaharaan**

Y.Bhg. Encik Ibrahim Mahaludin bin Puteh  
KMN, BCM  
(Mulai 1 Januari 2005)

YB. Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji  
Ambok  
ASA, DSPN, SMT, JP  
(Sehingga 31 Disember 2004)

**Menggantikan**

Y.Bhg. Dato' Othman bin Jusoh  
DPMP, JSM, KMN, AMN  
(Sehingga 31 Disember 2005)

YBM. Dato' Raja Haji Ahmad Zainuddin  
bin Raja Haji Omar  
DSAP, DPMP, DMSM, PMP, AMP, PPT, JP  
(Sehingga 14 Ogos 2004)

**Ahli-Ahli Yang Lain**

Y.Bhg. Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias  
PJN  
(Bersara pada 31 Disember 2004 dan dilantik  
semula pada 1 Januari 2005)

Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Zain bin Haji Omar  
DSPN, KMN, PJK, PJM  
(Sehingga 14 Julai 2004)

Y.Bhg. Dato' Haji Muda bin Mamat  
DPMT, PPN, PJK  
(Mulai 1 Ogos 2004)

Y.Bhg. Tuan Haji Mansor bin Haji Zakariya  
BPC, PPT  
(Sehingga 14 Julai 2004)

Y.Bhg. Dato' Dr. Nik Norzrul Thani  
bin Nik Hassan Thani  
DJMK  
(Mulai 1 Oktober 2004)

## PROFIL PANEL PELABURAN



### **Y.BHG. DATIN PADUKA ZAHRIDAH BINTI ISMAIL**

Y.Bhg. Datin Paduka Zahridah Ismail, memulakan kerjayanya di Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) pada tahun 1967. Beliau seterusnya menceburi sektor perbankan dengan perlantikan beliau sebagai Pengurus Kanan/Setiausaha Syarikat di Bank Rakyat pada tahun 1978 dan Kwong Yik Bank Berhad (KYBB) pada tahun 1982 sebagai Pengurus Besar. Berikutan penggabungan KYBB dan D&C Bank Berhad pada tahun 1997, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan dan seterusnya Pengarah Eksekutif RHB Bank Berhad. Beliau memainkan peranan yang penting dalam proses-proses penggabungan dan pembangunan korporat yang telah dilaksanakan oleh pihak Bank.

Setelah berkecimpung dalam industri perbankan selama lebih 22 tahun, beliau memilih untuk bersara awal dalam tahun 2000. Beliau adalah Pemegang Amanah kepada Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan juga memegang jawatan Pengarah dalam beberapa buah syarikat persendirian termasuk Symphony Global Technologies Sdn Bhd.

### **Y.BHG. TO' PUAN DR. HAYATI BINTI MOHAMMAD**

Y.Bhg. To' Puan Dr Hayati Mohammad, telah dilantik menjadi Ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji pada bulan Oktober 2001. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM) selama 15 tahun. Sepanjang penglibatannya sebagai pensyarah, beliau juga memberi khidmatnya sebagai konsultan bebas yang mempunyai kepakaran dalam bidang penggabungan dan pengambilalihan syarikat, pengstruktur organisasi, perekaasaan proses bisnes, dan perubahan pengurusan. Beliau juga aktif dalam membentangkan kertas kerja di seminar-seminar, konvensyen, dan bengkel sama ada di dalam dan juga luar negara.

Y.Bhg. To' Puan Dr Hayati pernah berkhidmat sebagai Pengurus Besar Penyelidikan, Pendidikan, dan Latihan di Technology Park Malaysia Corporation (TPM) dan kemudiannya menjawat jawatan sebagai Pengurus Besar Teknologi Maklumat di TPMIT Sdn Bhd. Sepanjang dua tahun berkhidmat di TPM iaitu pada tahun 1998 hingga 2000, beliau telah terlibat secara langsung dalam industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pada masa kini, To' Puan Dr Hayati merupakan seorang konsultan kanan di sebuah syarikat perunding yang memberikan khidmat kepada beberapa agensi kerajaan dan swasta dalam dan juga luar negara. To' Puan Dr Hayati juga menganggotai beberapa badan profesional iaitu Association of International Management Development (IMDA), USA, Australian and New Zealand Association of Management (ANZAM), dan Pacific Basin Capital Market Research Centre (PACAP), Finance Association, USA.

### **Y.BHG. PUAN NOR SHAMSIAH BINTI YUNUS**

Y.Bhg. Puan Nor Shamsiah Yunus, telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji pada bulan Oktober 2004. Puan Nor Shamsiah ketika ini merupakan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM). Sebelum itu, beliau merupakan Pengarah Jabatan Peraturan Bank BNM.

Beliau menyertai BNM pada April 1987 dan mempunyai pengalaman luas dalam membangunkan peraturan, dasar-dasar dan garis panduan bagi sektor perbankan. Beliau adalah pemegang ijazah sarjana muda perakaunan daripada University of South Australia dan juga merupakan seorang Akuntan Bertauliah.



**Y.BHG. DATUK AZIZAN  
BIN ABDUL RAHMAN**

Y.Bhg. Datuk Azizan Abdul Rahman memulakan kerjayanya sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri. Beliau kemudiannya memasuki bidang perkapalan selama hampir sembilan tahun dengan syarikat Harper Gilfillan (M) Sdn Bhd dan Malaysian International Shipping Corporation sehingga 1982. Pada tahun 1982, Datuk Azizan berkecimpung secara terus di dalam bidang perniagaan dengan pembelian ekuiti sebanyak 30% di dalam syarikat broker saham Apex Securities Sdn Bhd dan memegang jawatan Pengarah Eksekutif. Syarikat ini telah berjaya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1990. Datuk Azizan memainkan peranan yang utama di dalam perkembangan industri sekuriti negara ketika beliau menerajui Persatuan Broker Saham Malaysia sebagai Naib Presiden dan kemudiannya sebagai Presiden selama hampir lima tahun.

Selepas menamatkan perkhidmatan sebagai Pengarah Eksekutif Apex Securities Sdn Bhd pada tahun 1994, Datuk Azizan telah memegang jawatan Penasihat dan Pengarah kepada beberapa syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur seperti Tongkah Holdings Berhad, Bina Darulaman Berhad, TSH Resources Berhad, MBf Holdings Berhad dan MBf Corporation Berhad di mana beliau memainkan peranan penting di dalam penyusunan semula struktur organisasi syarikat-syarikat tersebut.

Datuk Azizan kini memegang jawatan Timbalan Pengerusi Eksekutif, TSH Resources Berhad selain daripada jawatan Pengerusi MBf Corporation Berhad dan Pengerusi Eastern & Oriental Berhad.

**YAM. DATO' SERI SYED ANWAR  
JAMALULLAIL**

YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail, telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji pada 1 September 2001. Beliau memulakan kerjaya sebagai Akauntan Kewangan di Malaysia Airlines System Berhad pada tahun 1975. Kemudian beliau menyertai Price Waterhouse (Australia) sebagai Juruaudit Kanan, pada tahun 1979 dan tiga tahun selepas itu menyertai D&C Nomura Merchant Bank Berhad sebagai Pengurus, Pelaburan. Pada tahun 1985, beliau menyertai Amanah Merchant Bank Berhad sebagai Pengurus, Kewangan Korporat. Selepas itu YAM. Dato' Seri menjalankan perniagaan sendiri dari tahun 1989 hingga Oktober 1998 dan seterusnya menyertai Amanah Capital Partners Berhad sebagai Pengarah Urusan Kumpulan. Beliau meletak jawatan dari Amanah Capital Partners Berhad pada 1 Mac 2002.

YAM. Dato' Seri Syed Anwar adalah Pengerusi Media Prima Berhad dan Pengerusi Malaysian Resources Corporation Berhad sehinggalah beliau meletakkan jawatan pada 12 Januari 2005 dan 12 Mac 2005. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Nestle (Malaysia) Berhad, Bangkok Bank Berhad, Maxis Communications Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad lain.

**YAA. DATUK SHEIKH GHAZALI  
BIN ABDUL RAHMAN**

YAA. Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman, pada masa ini menjawat jawatan Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Sepanjang kerjaya beliau, Datuk Sheikh Ghazali banyak memegang jawatan seperti Ahli Lembaga Penasihat Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Rakyat, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Arab-Malaysian Bank Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Asean Retakaful International Ltd dan Syarikat Mayban Takaful Berhad.

Datuk Sheikh Ghazali juga aktif dalam kerja-kerja sosial melalui perlantikan beliau sebagai Ahli Majlis Perundingan Ulama Negara, Penasihat Persatuan Pegawai-Pegawai Syariah Malaysia, Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan JAKIM, Ahli Perunding Hukum Syarak JAWI, Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Ahli Panel Penasihat Penerbitan Buku Undang-Undang DBP, Ahli Jawatankuasa Istilah Undang-Undang DBP, Ahli Jawatankuasa Panduan Kriteria dan Standard Bagi Program Pendidikan Undang-Undang dan Syariah di Kementerian Pendidikan Malaysia dan Ahli Panel Penasihat Program Sarjana Muda Syariah & Undang-Undang KUIM. Sumbangan beliau terhadap pembangunan ummah telah diiktiraf dengan pengurniaan anugerah Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Wilayah Persekutuan pada 1995.



**Y.BHG. DATO' ABDUL WAHID  
BIN OMAR**

Y.Bhg. Dato' Abdul Wahid Omar, telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji pada bulan September 2001. Beliau kini menjawat jawatan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia Berhad.

Terdahulu dari itu, beliau merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif United Engineers (Malaysia) Berhad dan UEM World Berhad serta Naib Pengerusi Eksekutif PLUS Expressways Berhad. Dilantik juga sebagai Ahli Lembaga Pengarah UEM Builders Berhad, Pharmaniaga Berhad, Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad, Costain Group Plc dan beberapa buah syarikat di bawah Kumpulan UEM. Pernah berkhidmat sebagai Pengarah Khidmat Korporat Kumpulan merangkap Pengarah Bahagian, Pasaran Modal dan Sekuriti, Amanah Capital Partners Berhad. Beliau juga merupakan seorang Pengarah Bursa Malaysia Berhad dan VADS Berhad. Beliau kini turut memegang jawatan sebagai Pengerusi TM Net Sdn. Bhd., Timbalan Pengerusi Celcom (Malaysia) Berhad dan turut menjadi Pengarah dalam beberapa syarikat kumpulan Telekom (Malaysia) Berhad.

**Y.BHG. DATO' MOHD SALLEH  
BIN HARUN**

Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh Harun merupakan bekas Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1971 di Jabatan Akauntan Negara sebelum menyertai Aseambankers Malaysia Berhad pada tahun 1974. Pada Ogos 1988, beliau menyertai Maybank dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada Jun 1994.

Pada September 2000 beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Credit Guarantee Corporation. Pernah berkhidmat sebagai Pengarah Aseambankers, Mayban Securities, Maybank Assurance dan beberapa buah syarikat lain di bawah Kumpulan Maybank serta Ahli Lembaga Pengarah Bank Industri Malaysia Berhad.

Kini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Titan Chemicals Corp Berhad, RHB Bank Berhad, RHB Capital Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad, Beliau juga merupakan Pengerusi RHB Insurance Berhad.

**Y.BHG. DR. AZIUDDIN  
BIN AHMAD**

Y.Bhg Dr. Aziuddin Ahmad, memulakan kerjaya beliau di Tun Ismail Atomic Research Center (PUSPATI), yang kini ditukar nama kepada Malaysia Institute of Nuclear Technology (MINT). Dalam sektor swasta, pengalaman beliau termasuk sebagai Pengerusi Pengasas ('Founding Chairman') Intrinsic Capital Management Sdn Bhd (InCam), Pengarah Malaysian Mining Corporation Bhd (MMC), Ketua Pegawai Eksekutif Albukhary Corporation Sdn Bhd dan Penasihat Kewangan Kumpulan di Sapura Holdings Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Profesor Adjung Pusat Dialog Peradaban di Universiti Malaya.

Beliau memiliki lesen wakil Pengurus Dana di bawah S15B, Akta Industri Sekuriti 1983 sejak tahun 1994. Beliau kini adalah Pengarah Islamic Business Council Ltd dan Pengarah Pengasas ('Founding Director'), Institut Kemajuan Ummah. Beliau juga merupakan Pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Menurut Seksyen 11 (1) Lembaga Tabung Haji 1995. Lembaga Pengarah Tabung Haji diperuntukkan kuasa untuk menubuhkan satu jawatankuasa Penasihat Pelaburan yang dikenali sebagai Panel Pelaburan.

Panel Pelaburan bertanggungjawab menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tabung Haji ke atas keberkesanan aktiviti dan kawalan dalaman pelaburan Tabung Haji dalam usaha mempertingkatkan nilai pelaburannya serta memperolehi pulangan yang kompetitif.

Berikut adalah senarai Ahli Panel Pelaburan Tabung Haji sehingga tarikh Penyata Kewangan Tabung Haji 2004:

#### **Pengerusi**

YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail  
SSIS, SSPJ, SPMP

#### **Ahli**

Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh bin Harun  
DSDK

YAA. Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman  
DSDK, SDK, AMN

Y.Bhg. To' Puan Dr. Hayati binti Mohamad  
SMT

Y.Bhg. Dr Aziuddin bin Ahmad

Y.Bhg. Datin Paduka Zahridah binti Ismail  
DSSA

Y.Bhg. Dato' Abdul Wahid bin Omar  
DSAP

Y.Bhg. Datuk Azizan bin Abdul Rahman  
DMSM

Y.Bhg. Puan Nor Shamsiah binti Yunus  
(Mulai 15 Oktober 2004)

Di bawah Akta Tabung Haji 1995, Majlis Penasihat Haji dikekalkan untuk menasihati Menteri tentang kebijakan jemaah haji dan perkara-perkara yang dirujuk berhubung dengan dasar-dasar urusan haji.

Berikut adalah senarai Ahli Majlis Penasihat Haji sehingga tarikh Penyata Kewangan Tabung Haji 2004:

## **Pengerusi**

Y.Bhg. Tan Sri Dr Mohamad Yusof  
bin Noor  
PSM, SPMT, DSSA, DPMT, JMN, KMN, PPT

---

## **Pengarah Urusan Kumpulan Dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji**

Y.Bhg. Dato' Mohd Bakke bin Salleh  
DSIS, DMSM

---

## **Wakil Kementerian Kesihatan**

Y.Bhg. Dato' Ismail bin Adam  
DPMS, DIMP, JSM, SMS

---

## **Wakil Kementerian Luar Negeri**

Encik Hasnudin bin Hamzah  
AAP

---

## **Wakil Negeri**

### **Perlis**

YAB. Dato' Seri Shahidan Kassim  
SPMP, AMP

---

### **Kedah**

YB. Prof Dato' Dr Haji Othman bin Haji  
Ishak  
DSDK

---

### **Pulau Pinang**

YB. Dato' Haji Abd Rashid bin Abdullah  
DMPN, DSPN, DIMP, SAP, KMN, PKT, PJK

---

### **Perak**

YB. Dato' Haji Mohd Zaim  
bin Haji Abu Hassan  
DPMP, AMP, PPT

## **Selangor**

YB. Dato' Haji Abd Rahman bin Haji Palil  
DSSA, KMN, AMN, PPT, PJK

---

## **Negeri Sembilan**

Y.Bhg Dato' Haji Ahmad Soffian  
bin Haji Mohd Ariff  
DSDN

---

## **Melaka**

YB. Tuan Haji Wahab bin Ab Latip  
PJK, BKT

---

## **Johor**

YB. Tuan Haji Zainal Abidin  
bin Haji Osman  
KMN, PIS

---

## **Pahang**

YB. Encik Redzwan bin Harun  
PJK

---

## **Sabah**

Encik Yusof bin Abbas  
ADK

---

## **Sarawak**

YB. Tuan Haji Abdul Wahab bin Sanusi  
JBS


---

## **Lantikan Menteri**

Puan Hajjah Zaleha binti Hussin  
(Sehingga 31 Oktober 2004)

Y.Bhg. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd  
(Mulai 1 Disember 2004)  
DPMT, AMN, ASM, SMT, PJK, BLB

# CARTA ORGANISASI



# PENGURUSAN KANAN



## Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif

**1** Y.Bhg. Dato' Mohd Bakke bin Salleh

## Pengurus Besar Kanan (Haji)

**2** Y.Bhg. Dato' Dr. Haji Azmi bin Haji Ahmad

## Pengurus Besar Kanan (Sumber Manusia)

**3** Mejar (B) Haji Mohd Ramli Othman

## Ketua Audit Dalam

**4** Tuan Haji Azhar bin Nayan

## Pengurus Besar (Perundangan)

**5** Tuan Haji Noorazman bin Adnan

## Pengurus Besar Kanan (Kewangan)

**6** Puan Rozaida binti Omar

## Pengurus Besar Kanan (Pendeposit)

**7** Tuan Haji Nahar bin Mohd Yusof

## Pengurus Besar Kanan (Pelaburan)

**8** Tuan Haji Md Noor bin A. Rahman

## Pengurus Besar (Komunikasi Korporat)

**9** Tuan Haji Shahrudin bin Abu Bakar

## Pengurus Besar (Jabatan Pentadbiran)

**10** Tuan Haji Abd Halim bin Md Jamil

## Pengurus Besar (Pembangunan Pelaburan)

**11** Puan Hajah Siti Rohani binti A. Manan

## Pengurus Besar (Hartanah)

**12** Puan Hajah Norul Huda binti Mohd Sidek

## Pengurus Besar (Teknologi Maklumat)

**13** Puan Hajah Rohani binti Abu Bakar

## Pengurus Besar (Pengendalian)

**14** Tuan Haji Mohd Hafez bin Haji Talib

## Pengurus Besar (Kesihatan)

**15** Dr. Haji Shuhaimi bin Ismail

## Pengurus Besar (Simpanan & Pengeluaran)

**16** Tuan Haji Mohd Yassin bin Tahir



**Pengurus Besar (Pemasaran)**

**17** Tuan Haji Mohd Redza bin Md Zain

**Pengurus Besar (Operasi Pejabat Cawangan)**

**18** Tuan Haji Kamarudin bin Mat Ali

**Pengurus Besar (Kebajikan)**

**19** Tuan Haji Ahmad Ruzman bin Ahmad Razali

**Pengurus Besar (Perhubungan Anggota & Industri)**

**20** Tuan Haji Salleh bin Abidin

**Pengurus Besar (Pengurusan Pelaburan)**

**21** Tuan Haji Mohd Hisham bin Harun

**Pengurus Besar (Pengurusan Sumber Manusia)**

**22** Tuan Haji Mohd Badrulhisham bin Abdul Latif

**Pengurus Besar (Pakej-Swasta)**

**23** Y.Bhg. Datuk Haji Kamal bin Muhamad

**Pengurus Besar (Bimbingan)**

**24** Tuan Haji Abu Hassan bin Wahab

**Pengurus Besar (Insurans Kumpulan)**

**25** Tuan Haji Wan Yaakub bin Wan Abdul Rahman

**Pengurus Besar (Pemerosesan Pelaburan)**

**26** Tuan Haji Muhamad Rani bin Saidali

**Pengurus Besar (Urusan Pentadbiran)**

**27** Tuan Haji Mohd Rosdin bin Abd Wahid

**Pengurus Besar (Kewangan & Akaun)**

**28** Encik Adi Azuan bin Abdul Ghani

**Pengurus Besar (Pembangunan Sumber Manusia & Kualiti)**

Tuan Haji Zakariah bin Yet

*(tiada di dalam gambar)*

# URUSTADBIR Korporat

Penyata Urustadbir Korporat

Penyata Kawalan Dalaman

Laporan Jawatankuasa Audit



## KOD

Lembaga Pengarah memberikan komitmen sepenuhnya dalam memastikan supaya piawaian urustadbir korporat yang paling tinggi dan aplikasi yang efektif selaras dengan Prinsip Amalan Terbaik Urustadbir Korporat seperti yang digariskan dalam Prinsip Kod Urustadbir Korporat Malaysia (Kod) (Malaysian Code of Corporate Governance) diamalkan di seluruh Kumpulan sebagai sebahagian asas dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam mentadbir wang pendeposit dan segala urusan berkenaan operasi haji.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya memaklumkan kepada Pendeposit mengenai cara Tabung Haji menerima pakai prinsip-prinsip dan ke tahap mana ia telah mematuhi amalan terbaik seperti yang digariskan di dalam Kod tersebut.

## LEMBAGA PENGARAH

Tabung Haji mengiktiraf kepentingan peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pengarah di dalam memimpin hala tuju dan operasinya. Untuk memenuhi peranan ini Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan urustadbir korporat Kumpulan termasuk hala tuju pembangunan strategiknya serta menetapkan matlamat untuk pengurusan dan memantau pencapaian matlamat-matlamat tersebut.

### Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah diketuai oleh Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Pentadbir (Menteri Di Jabatan Perdana Menteri) dan terdiri daripada 9 ahli keseluruhannya. 7 daripada 9 ahli lembaga ini juga dilantik oleh Menteri manakala baki 2 ahli masing-masing adalah wakil daripada Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan (Kementerian Kewangan). Kesemua ahli adalah warganegara Malaysia dan beragama Islam. Tabung Haji diterajui dan diurus oleh Lembaga Pengarah yang berpengalaman dan mahir dengan pelbagai

latar belakang seperti kewangan, ekonomi, perkhidmatan awam dan perakaunan yang amat penting untuk mencapai kejayaan strategik Tabung Haji secara menyeluruh.

### Integriti Lembaga Pengarah

Keputusan Lembaga Pengarah tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dan di mana sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Pengarah yang berkenaan dikehendaki untuk mengecualikan diri dalam perbincangan (kecuali atas undangan Lembaga) dan pengundian dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan mereka, peribadi atau sebaliknya atau yang berkaitan pemegang saham yang diwakili mereka.

### Lembaga Pengarah dan Pengurusan

Terdapat pembahagian tugas yang jelas antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Lembaga Pengarah yang diketuai oleh Pengerusi mendahului dalam menetapkan arah tuju strategi dan perancangan strategik di peringkat Lembaga Pengarah sementara salah seorang Pengarah iaitu Dato' Mohd Bakke bin Salleh, yang telah dilantik oleh Menteri Pentadbir untuk memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pengarah Eksekutif, dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Tabung Haji serta melaksanakan kesemua polisi serta strategi yang ditetapkan.

Lembaga Pengarah dibantu oleh pihak Pengurusan dan Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan urustadbir korporat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Antara Jawatankuasa-jawatankuasa yang penting yang diwujudkan dalam membantu Lembaga Pengarah di dalam pentadbirannya adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Audit
- Lembaga Tender
- Jawatankuasa Urusan Haji
- Jawatankuasa Perkhidmatan
- Jawatankuasa Tatatertib
- Panel Pelaburan
- Majlis Penasihat Haji

# PENYATA URUSTADBIR KORPORAT

## Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap tiga bulan dan tiga orang ahli Lembaga Pengarah diperlukan bagi membentuk kuorum pada mana-mana mesyuarat Lembaga. Pada setiap mesyuarat, Lembaga Pengarah menimbang dan meluluskan cadangan-cadangan berkaitan operasi dan pentadbiran, polisi-polisi serta isu-isu semasa dan strategik Tabung Haji serta mengambil maklum penyata kewangan di peringkat Tabung Haji. Butiran kehadiran bagi semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

### Nama Para Pengarah

Tan Sri Dato' Zainol bin Mahmood  
 Dato' Mohd Bakke bin Salleh  
 Dato' Othman bin Jusoh  
 Dato' Haji Ab. Rahim bin Haji Ma'in  
 (dilantik pada 26/1/2004)  
 Datuk Dr Abdul Samad bin Hj Alias  
 (bersara pada 31/12/2004 & dilantik semula pada 01/01/2005)  
 Dato' Haji Muda bin Mamat  
 (dilantik pada 01/08/2004)  
 Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani  
 (dilantik pada 01/10/04)  
 Datuk Zamani Abdul Ghani  
 (dilantik pada 15/10/04)  
 Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Hj Husin  
 (dilantik pada 15/10/04)  
 Dato' Haji Kamarudin bin Hj Ambok  
 (bersara pada 31/12/2004)  
 Dato' Raja Haji Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar  
 (bersara pada 14/08/2004)  
 Dato' Haji Mohd. Zain bin Hj Omar  
 (bersara pada 14/07/2004)  
 Tuan Haji Mansor bin Hj Zakariya  
 (bersara pada 14/07/2004)  
 Datuk Muhammad b. Mohd Nor  
 (bersara pada 26/1/2004)

Kesemua Pengarah diberikan kertas-kertas kerja untuk dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah lebih awal supaya pengarah-pengarah boleh mendapatkan penjelasan lanjut jika perlu bagi membolehkan mereka mendalami isu-isu berkaitan dalam membuat keputusan yang tepat dan dapat mengambil bahagian sepenuhnya dalam mesyuarat berkenaan.

Selain daripada itu, Lembaga Pengarah boleh mendapatkan khidmat dan nasihat profesional yang bebas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang dinyatakan dalam peruntukan amalan terbaik Kod, atas perbelanjaan Tabung Haji



Perasmian Program Latihan Korporat Pengarah oleh YB. Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Program Latihan Korporat Pengarah sedang berlangsung.

### Mesyuarat yang dihadiri para Pengarah sepanjang 2004

8 daripada 8 mesyuarat  
 8 daripada 8 mesyuarat  
 8 daripada 8 mesyuarat  
 7 daripada 7 mesyuarat  
 6 daripada 8 mesyuarat  
 4 daripada 4\* mesyuarat  
 3 daripada 3\* mesyuarat  
 2 daripada 2\* mesyuarat  
 2 daripada 2\* mesyuarat  
 7 daripada 8 mesyuarat  
 2 daripada 5\* mesyuarat  
 4 daripada 4\* mesyuarat  
 2 daripada 4\* mesyuarat  
 1 daripada 1\* mesyuarat

\* menggambarkan jumlah mesyuarat yang diadakan semasa Pengarah-Pengarah memegang jawatan.

### Persaraan dan Perlantikan Semula

Akta Lembaga Tabung Haji 1995 Seksyen 6(7) telah menetapkan bahawa seseorang ahli Lembaga Pengarah hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula.

### Imbuan Lembaga Pengarah

Akta Lembaga Tabung Haji 1995 Seksyen 7 telah menyatakan bahawa ahli Lembaga Pengarah tidak berhak menerima apa-apa saraan tetapi boleh dibayar dengan honorarium (bayaran kehormat) dan elaun perjalanan dan sara hidup yang ditentukan oleh Menteri. Berikut adalah jenis-jenis bayaran yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah yang telah diluluskan oleh Menteri Pentadbir:

- Elaun Tetap Bulanan
- Elaun Bertugas Rasmi Dalam dan Luar Negeri
  1. Elaun Makan/Harian
  2. Elaun Hotel/Lojing
  3. Elaun Perjalanan
  4. Elaun Menghadiri Mesyuarat
- Elaun Pakaian Istiadat

Menurut Seksyen 12(3) Akta yang sama, hanya Pengarah yang menjawat jawatan Ketua Pegawai Eksekutif sahaja dibenarkan untuk menerima gaji dan elaun berdasarkan jumlah yang dipersetujui oleh Menteri.

Profil ahli Lembaga Pengarah dibentangkan di muka surat 12 hingga 14 dalam Laporan Tahunan



### JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah memberikan tanggungjawab kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah, yang beroperasi dengan bidang kuasa bertulis yang telah diluluskan untuk meningkatkan keberkesanan operasi Tabung Haji. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah:

#### A. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit (JKA) ditubuhkan pada 1 Januari 1989 bagi membantu Lembaga Pengarah dalam mengkaji, menilai dan melaporkan perkara-perkara berkaitan pengauditan yang merangkumi pelan audit, polisi dan prosedur dalaman, memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan sebagainya.

##### Keahlian:

##### Pengerusi

Y.Bhg. Datuk Dr Abdul Samad bin Hj Alias

##### Wakil Jabatan Perdana Menteri

Y.Bhg. Dato' Haji Ab. Rahim bin Haji Ma'in

##### Wakil Perbendaharaan

Y.Bhg. Dato' Othman bin Jusoh

Y.Bhg. Encik Ibrahim Mahaludin bin Puteh

#### B. Lembaga Tender

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi menilai, memperakukan, dan meluluskan kerja-kerja dan perkhidmatan yang diperlukan oleh Tabung Haji, bagi kontrak bernilai RM3 juta hingga RM10 juta.

##### Keahlian:

##### Pengerusi

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Zainol bin Mahmood

##### Ahli

Y.Bhg. Dato' Mohd Bakke bin Salleh

##### Wakil Perbendaharaan

Puan Rahana bte Mohd Noh

Dan,

**Pengurus Besar Kanan Kewangan dan  
Pengurus Besar Kanan Pelaburan**

# PENYATA URUSTADBIR KORPORAT

## C. Jawatankuasa Urusan Haji

Jawatankuasa ini yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kebajikan telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Urusan Tabung Haji 1969. Menurut Seksyen 18 (5) Akta tersebut, Jawatankuasa Kebajikan hendaklah dengan menurut dasar-dasar Lembaga, bertanggungjawab atas kebajikan, perlindungan, pengawalan dan kebajikan am orang-orang haji dan hendaklah mempunyai kuasa sebagaimana yang diwakilkan oleh Lembaga. Jawatankuasa tersebut juga bertanggungjawab ke atas Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia (TKJHM). Dengan berkuatkuasanya Akta Tabung Haji 1995, Jawatankuasa tersebut diteruskan berdasarkan peruntukan Seksyen 11(1).

### Keahlian:

#### Pengerusi

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Zainol bin Mahmood

#### Ahli

Y.Bhg. Dato' Haji Ab. Rahim bin Haji Ma'in

Y.Bhg. Dato' Haji Muda bin Mamat

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor

Hj. Husin

Y.Bhg. Dato' Mohd Bakke bin Salleh

Dan,

**Pengurus Besar Kanan Kewangan dan**

**Pengurus Besar Kanan Haji**

## D. Jawatankuasa Perkhidmatan

Jawatankuasa ini ditubuhkan adalah bagi melaksanakan Seksyen 13 dan 14 Akta Tabung Haji 1995 yang secara amnya berkenaan dengan perlantikan pegawai perkhidmatan, ejen, penasihat dan sebagainya serta kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan tatatertib. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggung jawab dalam penggubalan dasar serta pelaksanaannya di bawah

arahan Ketua Pegawai Eksekutif sepertimana mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga.

### Keahlian:

#### Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Haji Ab. Rahim bin Haji Ma'in

#### Ahli

Y.Bhg. Dato' Haji Kamarudin

bin Hj. Ambok

Y.Bhg. Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin

Nik Hassan Thani

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor

bin Haji Husin

Y.Bhg. Dato' Mohd Bakke bin Salleh

## E. Jawatankuasa Tatatertib

Jawatankuasa ini telah diberi tanggung jawab dalam menimbang dan menentukan hukuman tatatertib ke atas anggota-anggota yang telah melanggar syarat-syarat perkhidmatan dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, selain daripada menimbang dan meluluskan pengisytiharan harta.

### Keahlian:

**Keahlian bagi Jawatankuasa ini dan Jawatankuasa Perkhidmatan adalah sama.**

Selain daripada jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah di atas, beberapa Jawatankuasa lain yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 dan tidak melibatkan Jemaah Lembaga Pengarah juga telah diwujudkan bagi membantu di dalam pengurusan dan operasi Tabung Haji. Di antaranya ialah:



Pengarah-Pengarah dan Pengurusan Tabung Haji sedang menjalani Program Latihan Korporat Pengarah.



Pemberian cenderamata kepada YB. Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

### A. Panel Pelaburan

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam membantu Lembaga Pengarah di dalam hal-hal berkaitan pelaburan. Berikut adalah di antara tugas utama bagi Jawatankuasa ini:

1. Mengkaji dan menasihati pengurusan Tabung Haji berkenaan polisi dan tatacara pelaburan Tabung Haji.
2. Mempertimbangkan dan meluluskan cadangan berkaitan pelaburan meliputi pembelian, penambahan dan penjualan pelaburan ekuiti jangka panjang, pelaburan hartanah dan instrumen pasaran wang, pembahagian dana bagi pelaburan, pembiayaan anak syarikat, penstrukturan pelaburan sedia ada dan pelaburan-pelaburan lain selain daripada yang dinyatakan di atas.
3. Membuat kajian berkenaan keberkesanan Polisi Pembahagian Aset (Asset Allocation Policy).
4. Menimbang dan meluluskan perantikan dan penamatan Institusi Kewangan sebagai Pengurus Pelaburan
5. Mengkaji kedudukan kewangan Tabung Haji dari semasa ke semasa dan mendapatkan nasihat daripada para profesional.

#### Keahlian:

**Sila rujuk Profil Ahli Panel Pelaburan Tabung Haji di muka surat 16 hingga 18 bagi keahlian Panel Pelaburan.**

### B. Majlis Penasihat Haji

Jawatankuasa ini bertanggungjawab di dalam menasihati Menteri berkenaan kebajikan jemaah haji dan perkara-perkara yang dirujuk berhubung dengan dasar-dasar urusan haji.

Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai badan pemerhati yang bertindak memberi maklumbalas kepada pengurusan Tabung Haji

berhubung dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh jemaah haji di samping memberikan cadangan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan urusan haji yang sedia ada.

#### Keahlian:

**Sila rujuk Senarai Ahli Majlis Penasihat Haji di muka surat 20 bagi keahlian Penasihat Haji**

## AKAUNTABILITI DAN AUDIT

### Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi menyediakan penyata kewangan yang diaudit dan memastikan, setelah membuat pertanyaan yang munasabah mengikut pengetahuan dan kepercayaan mereka yang terbaik, penyata kewangan tersebut dan juga lain-lain laporan kewangan Tabung Haji disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan dan bersesuaian. Lembaga Pengarah turut memastikan kesemua laporan akaun dibentangkan secara seimbang, boleh difahami dan menyeluruh tentang kedudukan kewangan Tabung Haji dan Kumpulan kepada semua pendeposit dan juga orang ramai.

Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah berkenaan kedudukan hasil kendalian serta aliran tunai Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 Disember 2004 telah dibentangkan di bahagian Penyata Kewangan dalam Laporan Tahunan.

#### Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah telah mengambil tanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai dan mengkaji kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Kumpulan bagi mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkenaan. Maklumat berkenaan sistem kawalan dalaman Kumpulan dibentangkan di dalam Penyata Kawalan Dalaman seperti di muka surat 31 dalam Laporan tahunan yang memberikan tinjauan menyeluruh berhubung kedudukan kawalan dalaman Kumpulan.



# PENYATA URUSTADBIR KORPORAT

## LAIN-LAIN PERKARA

### Perhubungan dengan Juruaudit

Lembaga Pengarah mewujudkan satu perhubungan yang rasmi dan telus bersama Juruaudit Negara bagi Tabung Haji dan Juruaudit swasta bagi anak syarikat. Penemuan audit bagi Tabung Haji diajukan kepada Ketua Pegawai Eksekutif sebelum tindakan susulan dijalankan. Jawapan kepada penemuan audit yang penting akan dibentangkan secara rasmi di Mesyuarat Penutupan Audit (Exit Conference Meeting) dan pemantauan berterusan dijalankan oleh pegawai di setiap bahagian dan jabatan bagi teguran audit yang diterima.

Peranan Juruaudit Dalam dan Luar dibentangkan di muka surat 32 hingga 33 Laporan Tahunan ini.

### Komunikasi dengan Pendeposit

Lembaga Pengarah mengiktiraf akan pentingnya Tabung Haji dalam memberi maklumat yang tepat berkenaan prestasi dan perkara-perkara lain yang melibatkan kepentingan pendeposit dan orang-orang awam untuk perbincangan.

Antara kaedah yang digunakan oleh Tabung Haji untuk menyampaikan maklumat yang berkesan berkenaan aktiviti-aktiviti dan prestasi kewangan kepada pendeposit adalah dengan menggunakan Laporan Tahunan, Kenyataan Akhbar dan lain-lain pengumuman melalui media.

## TANGGUNGJAWAB PENGARAH-PENGARAH DALAM MEMBUAT LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah dikehendaki menyediakan Penyata Kewangan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan dan bersesuaian yang memberi gambaran benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Tabung Haji dan Kumpulan. Ini termasuk keputusan dan aliran tunai bagi Tabung Haji dan Kumpulan bagi tahun kewangan 31 Disember 2004.

Di dalam penyediaan penyata kewangan ini, Lembaga Pengarah telah:

- Menggunakan secara konsisten, polisi-polisi perakaunan yang bersesuaian.
- Membuat keputusan dan anggaran yang munasabah dan berhati-hati.
- Memastikan kesemua piawaian perakaunan yang bersesuaian dipatuhi.
- Menyediakan penyata kewangan berasaskan usaha berterusan (going concern) berdasarkan jangkaan munasabah dan pertanyaan para pengarah berkenaan sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi dalam jangkamasa tertentu terhadap Tabung Haji dan Kumpulan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam memastikan rekod perakaunan Tabung Haji memberi gambaran yang tepat berkenaan kedudukan kewangan Tabung Haji dan Kumpulan. Selain daripada itu, Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengambil langkah bagi memastikan keselamatan aset Kumpulan dan mengurangkan risiko operasi dan kewangan.





Lembaga Pengarah meletakkan kepentingan akan keperluan untuk mengekalkan keutuhan sistem kawalan dalaman untuk menjaga Wang Simpanan Pendeposit dan Aset Lembaga Tabung Haji. Lembaga Pengarah pada dasarnya bertanggungjawab untuk memastikan kemampuan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat termasuklah aspek-aspek kewangan dan bukan kewangan. Sistem kawalan dalaman yang berkesan hanya akan memberi jaminan yang berpatutan dan bukan jaminan muktamad terhadap kenyataan salah, kerugian atau penipuan. Walau bagaimanapun, sistem kawalan ini direka bentuk bagi memastikan risiko-risiko yang dihadapi oleh Lembaga dalam usaha untuk mencapai objektif penubuhan dapat dikenalpasti dan diurus pada tahap yang diketahui dan sewajarnya, namun bukan untuk sama sekali menghapuskan risiko-risiko ini.

Berikut adalah unsur-unsur penting dalam Kawalan Dalaman Tabung Haji dan Kumpulan:

- Struktur organisasi telah ditakrifkan dengan sempurna berserta dengan arah aliran tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas.
- Bahagian Audit Dalaman telah diwujudkan dan diberi tanggungjawab dalam membuat laporan terus kepada Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tugas audit atas semua jabatan dan cawangan bagi menilai keberkesanan, kecukupan dan kebolehpercayaan (reliability) kawalan dalaman dan mengetengahkan sebarang risiko yang ketara. Tugas dan tanggungjawab Bahagian Audit Dalaman telah dibentangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.
- Bagi memantau sistem kawalan dalaman anak syarikat, Tabung Haji telah mengarahkan penubuhan Jabatan atau Bahagian Audit Dalaman bagi anak syarikat utama. Selain daripada itu, Tabung Haji juga mewakilkan sekurang-kurangnya seorang Ahli Lembaga Pengarah atau pegawai daripada pengurusan Tabung Haji bagi mengawal setiap anak syarikatnya.
- Penyediaan Manual Kuasa Kewangan (MKK) bagi setiap Jabatan di Tabung Haji, meningkatkan lagi akauntabiliti dan memantapkan lagi kawalan dalaman.

Penyediaan MKK secara amnya menyatakan tentang tahap dan had kuasa pengurusan, dibentangkan dan diluluskan di Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Segala pindaan yang melibatkan polisi memerlukan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah, manakala segala pindaan berkenaan operasi pula, memerlukan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif. Bagi tujuan pematuhan MKK, pemantauan berterusan dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam. Ini bagi memastikan kawalan dalaman ini bukan sahaja wujud tetapi dilaksanakan dan berjalan secara berterusan.

- Pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa seperti Lembaga Tender, Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Panel Pelaburan dan sebagainya ditubuhkan bagi membantu pihak pengurusan dalam mengurangkan risiko operasi dan kewangan.
- Perubahan teknologi semasa telah dimanfaatkan sebaiknya dalam meningkatkan tahap kawalan dalaman yang sedia ada. Penggunaan Sistem "Mykad" di dalam operasi merupakan contoh peningkatan kawalan dalaman melalui penggunaan teknologi baru.
- Jabatan Pendeposit dan Haji telah mendapat pensijilan MS ISO 9001:2000.
- Peningkatan tahap profesionalisme di kalangan anggota Tabung Haji dikekalkan melalui proses pengambilan, latihan dan sistem penilaian prestasi bersesuaian.

Lembaga Pengarah berpuas hati dengan sistem kawalan dalaman yang telah diwujudkan sama ada di peringkat Tabung Haji atau Kumpulan dan akan meneruskan proses yang sedang dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisa dan mengurus risiko utama yang mungkin dihadapi sepanjang tahun. Proses tersebut akan selalu dikaji oleh Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan sejajar dengan Panduan Kawalan Dalaman. Sistem kawalan dalaman yang telah dilaksanakan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan dalam persekitaran.

Penyata ini telah disediakan sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 1 April 2005.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah berbesar hati untuk membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun 31 Disember 2004.

Jawatankuasa Audit ini telah ditubuhkan pada 1 Januari 1989. Rujukan dan perantikan ahli yang berkuatkuasa adalah mengikut surat Pekeliling Am Sulit Bil. 2 Tahun 1993 - Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan.

## Keahlian dan Mesyuarat

Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga Pengarah Bukan Eksekutif dan berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa dan rekod kehadiran mesyuarat sepanjang tahun 2004.

Nama/Status Jawatan	Kehadiran Mesyuarat
Y.Bhg. Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias • Pengerusi • Ahli Lembaga Pengarah • Presiden Institut Akauntan Negara	4/4
Y.Bhg. Dato' Haji Ab. Rahim bin Ma'in • Ahli Lembaga Pengarah • Wakil Jabatan Perdana Menteri	2/4
Y.Bhg. Dato' Othman bin Jusoh • Ahli Lembaga Pengarah • Wakil Perbendaharaan	4/4

## Kekerapan Mesyuarat

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun 2004. Kuorum mesyuarat ialah 2 orang ahli dan Ketua Audit Dalam sebagai Setiausaha. Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan Tabung Haji akan turut hadir atas jemputan daripada Jawatankuasa.

## Prosedur Mesyuarat

Laporan lengkap oleh juruaudit dalam dan luar dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang memperakukan untuk dilaksanakan di peringkat pengurusan. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dan kelulusan

## Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

- Menyasat semua aktiviti yang termasuk dalam bidang kuasa rujukannya.
- Memperolehi semua sumber yang diperlukan bagi menjalankan tugasnya.
- Bebas memperolehi semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti.
- Bebas berhubung terus dengan juruaudit luar dan dalam serta pihak pengurusan Lembaga Tabung Haji dan anak-anak syarikatnya.
- Mendapatkan nasihat profesional atau guaman yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan.
- Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar atau dalam dan sekiranya perlu tanpa kehadiran Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif.



### Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit kepada Lembaga Pengarah adalah untuk mengkaji, menilai dan melaporkan mengenai perkara-perkara berikut:

- Menetapkan skop audit dan rancangan audit juruaudit dalaman.
- Memastikan polisi dalaman, prosedur dan garis panduan, pengawalan audit dalam dan operasi yang mantap dilaksanakan.
- Memastikan juruaudit dalaman mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas mereka.
- Memastikan program, proses, hasil program serta penyiasatan audit dalaman dilaksanakan dan tindakan yang bersesuaian diambil berdasarkan cadangan juruaudit dalaman.
- Memastikan hasil kewangan suku tahun dan akhir tahun mematuhi piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain dengan fokusnya kepada perubahan dalam polisi perakaunan, peristiwa penting dan luar biasa.
- Memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan penilaian juruaudit dalaman dan luar terutamanya dalam surat pengurusan juruaudit luar dan maklumbalas pengurusan.
- Memastikan tiada sebarang urusanniaga yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dan keraguan kepada integriti Pengurusan Lembaga Tabung Haji.
- Mengkaji struktur Bahagian Pengurusan Audit Dalam bagi memperbaiki dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanannya dalam melaksanakan fungsi audit dalam.
- Mengkaji dan meluluskan perubahan dalam tumpuan pengauditan daripada pendekatan audit berasaskan pematuhan kepada audit berasaskan risiko. Ini termasuk mengkaji garis panduan audit dan kaedah pengauditan berasaskan risiko berdasarkan piawaian industri dan amalan sejagat yang terbaik.

- Mengkaji keperluan anggota dan peruntukan latihan yang diperlukan di Bahagian Pengurusan Audit Dalam dengan memastikan bahagian tersebut dilengkapi dengan anggota yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan bagi membolehkan bahagian berkenaan melaksanakan peranannya dengan efektif.

### Pengurusan dan Fungsi Bahagian Pengurusan Audit Dalam

Bahagian Pengurusan Audit Dalam telah diwujudkan dan diberi tanggungjawab dalam membuat laporan terus kepada Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tugas audit atas semua jabatan dan cawangan bagi menilai kecekapan, kecukupan dan kebolehpercayaan kawalan dalaman dan mengetengahkan sebarang risiko yang signifikan. Berikut adalah tanggungjawab utama bahagian tersebut:

- Menumpukan pengauditan melalui pendekatan audit berasaskan risiko. Ini termasuk mengkaji garis panduan audit dan kaedah pengauditan berasaskan risiko berdasarkan piawaian industri dan amalan sejagat yang terbaik.
- Memastikan polisi dalaman, prosedur dan garis panduan, pengawalan audit dalaman dan operasi yang mantap dilaksanakan.
- Memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan penilaian juruaudit dalaman dan luar terutamanya dalam surat pengurusan juruaudit luar dan maklum balas pengurusan.
- Memastikan tiada sebarang urusanniaga yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dan keraguan integriti Pengurusan Tabung Haji.
- Memastikan hasil kewangan bulanan dan tahunan mematuhi piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain dengan fokusnya kepada perubahan dalam polisi perakaunan, peristiwa penting dan luar biasa.

Bagi memastikan pengauditan yang menyeluruh yang lebih efektif dan cekap, Bahagian Pengurusan Audit Dalam dan juruaudit luar saling bekerjasama dan berkomunikasi tentang skop auditan mereka.



# TINJAUAN Operasi

Haji

Pendeposit

Pelaburan

Sekitar 2004

Struktur Kumpulan Tabung Haji

Sektor Perladangan

Sektor Pembinaan

Sektor Pembangunan Hartanah

Sektor Pelancongan & Perkhidmatan



## OPERASI Haji 1424 Hijrah & 1425 Hijrah

### Umum

Pada tahun 2004, Tabung Haji telah menguruskan 2 musim haji iaitu keberangkatan tiba jemaah haji (Fasa 2) 1424 Hijrah yang berakhir pada 6 Mac 2004 dan keberangkatan pergi (Fasa 1) jemaah haji 1425 Hijrah yang bermula pada 14 Disember 2004.



Suasana dalam pesawat.

Secara keseluruhannya, kedua-dua operasi haji telah dilaksanakan dengan jayanya beserta penambahbaikan dalam perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah haji. Alhamdulillah, atas usaha dan kerjasama semua pihak, masalah dan rintangan yang dihadapi terutamanya semasa kemuncak operasi, telah dapat diatasi.

### Wang Perbelanjaan Haji (WPH)

WPH jemaah haji Muassasah dewasa untuk kedua-dua tahun 1424 Hijrah dan 1425 Hijrah adalah sebagaimana berikut:-

<b>Semenanjung Malaysia</b>	RM 8,973
<b>Sabah</b>	RM 9,096
<b>Sarawak</b>	RM 9,054

Nota:-Setelah mengambilkira pengurangan 5% (subsidi) yang ditetapkan oleh Kerajaan.

### Petugas Haji

Dalam usaha memastikan kebajikan jemaah haji terpelihara, Tabung Haji telah turut menghantar serta menyediakan petugas yang secukupnya menyertai rombongan haji setiap tahun. Petugas ini merupakan petugas kebajikan, perubatan, katering, syarikat swasta dan petugasambilan tempatan. Bagi memastikan petugas ini dapat berkhidmat dengan baik, mereka telah dipilih kebanyakannya daripada anggota Tabung Haji dan petugas perubatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia yang berpengalaman. Pada masa yang sama, petugas juga dipersiapkan dengan selok-belok memberikan perkhidmatan kepada jemaah haji sebelum mereka ditugaskan ke Tanah Suci.



Penyerahan Pelekat (Stiker) Perumahan kepada Jemaah Haji.



Penyerahan Pasport Haji semasa urusan 'check in'.

### Perincian Wang Perbelanjaan Haji

Tahun	Semenanjung	Sarawak	Sabah
2000M/1420H	8,585	8,585	8,585
2001M/1421H	8,585	8,585	8,585
2002M/1422H	9,445	9,530	9,575
2003M/1423H	9,445	9,530	9,575
<b>2004M/1424H</b>	<b>8,973</b>	<b>9,054</b>	<b>9,096</b>
<b>2005M/1425H</b>	<b>8,973</b>	<b>9,054</b>	<b>9,096</b>

### Operasi Penerbangan Haji

MAS dan Saudi Arabian Airlines (SAUDIA) telah diberi kepercayaan untuk memberikan perkhidmatan penerbangan kepada jemaah haji Malaysia bagi operasi haji kedua-dua tahun 1424 Hijrah dan 1425 Hijrah.

Penerbangan pertama Fasa 1 (1424 Hijrah) bermula pada 26 Disember 2003, dan berakhir pada 25 Januari 2004. Penerbangan balik (Fasa 2) pula bermula pada 7 Februari dan berakhir pada 6 Mac 2004.

Operasi penerbangan haji Fasa 1 (1425 Hijrah) bermula dari 14 Disember 2004, dan telah dirasmikan oleh DYMM. Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong. Fasa 1 ini berakhir pada 14 Januari 2005. Fasa 2 (penerbangan balik) telah bermula pada 28 Januari 2005 dan berakhir pada 23 Februari 2005.

### Penginapan Makkah/Madinah

#### 1424 Hijrah

Jemaah haji Malaysia telah ditempatkan di 21 buah maktab yang menempatkan di antara 2,800 hingga 3,000 orang bagi setiap maktab. Bagi jemaah haji Muassasah, sebanyak 18 buah penginapan telah disediakan di Makkah dengan jarak di antara 200 meter hingga 700 meter dari Masjidil Haram.

#### 1425 Hijrah

Di Makkah, sebanyak 27 buah bangunan telah disediakan untuk penginapan jemaah haji Muassasah. Jarak jauhnya dari Masjidil Haram adalah di antara 250 meter hingga 800 meter. Kebanyakan bangunan ini adalah bangunan-bangunan baru.

# TINJAUAN OPERASI

## Haji

Sehingga kini penginapan yang berdekatan dengan Masjidil Haram adalah bangunan-bangunan yang agak lama. Keadaan ini menyebabkan Tabung Haji mengambil alternatif membenarkan jarak bangunan dipilih lebih jauh daripada tahun sebelumnya bagi menyediakan bangunan penginapan yang lebih baru dan selesa untuk jemaah haji.

Bagi jemaah haji yang memilih perkhidmatan Pakej dan Swasta pula, penginapan mereka diuruskan oleh penganjur masing-masing. Walau bagaimanapun, Tabung Haji sentiasa memantau perkhidmatan yang diberikan bagi memastikan penganjur mematuhi kriteria penginapan yang telah ditetapkan oleh Tabung Haji.

Penginapan jemaah haji di Madinah pula adalah sebagaimana tahun sebelumnya iaitu di kawasan Al-Markaziah (kawasan hotel dan apartmen mewah) yang jaraknya dengan Masjid An Nabawi di antara 50 meter hingga 300 meter.

Umumnya dari tahun ke tahun, Tabung Haji sentiasa berusaha mendapatkan penempatan yang baik untuk jemaah haji.

### Kaunter-kaunter Kewangan

Objektif Bahagian Kewangan di Tanah Suci ialah untuk mentadbir urusan kewangan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi dan memberikan perkhidmatan kewangan kepada jemaah haji di Tanah Suci.

Perangkaan perkhidmatan kaunter kewangan di Tanah Suci adalah seperti berikut:-

	1424 Hijrah	1425 Hijrah
Jumlah Petugas	39 orang	54 orang
Kaunter kewangan	34 kaunter	49 kaunter

Penyediaan khidmat kaunter kewangan ini telah memudahkan jemaah haji untuk membuat simpanan dan pengeluaran, serta bayaran dam dan korban.

### Perkhidmatan Kesihatan

Bagi menjamin perkhidmatan kesihatan kepada jemaah haji berjalan lancar, Tabung Haji telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang terancang sebelum jemaah haji berangkat ke Tanah Suci lagi.

Di antara perkhidmatan yang disediakan ialah penyediaan buku rekod rawatan, garis panduan pemeriksaan kesihatan serta memastikan jemaah haji mendapat suntikan anti-meningitis sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Pada masa yang sama, maklumat-maklumat kesihatan sentiasa ditekankan melalui kursus-kursus haji serta program-program haji yang disiarkan melalui media cetak dan elektronik.

Perkhidmatan kesihatan yang disediakan di Makkah, Madinah dan Jeddah adalah seperti berikut:-

- Makkah**  
Hospital Aziziah, Pusat Rawatan Shisya, Klinik Al Habiba dan klinik-klinik di maktab (bangunan penginapan jemaah).
- Madinah**  
Klinik Madinah dan klinik-klinik zon (bangunan penginapan jemaah).
- Jeddah**  
Klinik Malaysia KAAIA dan Klinik Malaysia, Madinatul Hujjaj.

### Perkhidmatan Dam dan Korban

#### 1424 Hijrah

Sejumlah SR3.6 juta (Saudi Riyal) kutipan dam telah diterima iaitu sebanyak 14,339 permohonan dam dengan kadar SR250 setiap bayaran dam. Manakala bagi aktiviti korban, kutipan sejumlah SR1.9 juta telah dikumpulkan bagi 5,291 permohonan korban dengan kadar SR350 bagi setiap bayaran korban.



Ambulan yang digunakan oleh Tabung Haji semasa operasi di Tanah Suci.



Petugas Kebajikan menziarahi pesakit.



Pesakit diberi rawatan kecemasan di dalam ambulan.



### 1425 Hijrah

Sejumlah SR7.6 juta telah diterima sebagai kutipan dam dan SR3.0 juta sebagai kutipan korban, pada kadar yang sama seperti 1424 H.

### Perkhidmatan Upah Haji

#### 1424 Hijrah dan 1425 Hijrah

Tabung Haji telah menerima 1,500 permohonan melaksanakan upah haji berbanding 1,000 pada tahun-tahun sebelumnya. Bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM2,500 dengan jumlah kutipan keseluruhan RM3.8 juta.

### Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Sebagai persediaan ilmiah mengerjakan haji, semua bakal haji telah disarankan menghadiri tiga jenis kursus yang dianjurkan oleh Tabung Haji iaitu Kursus Haji Bersiri, Kursus Haji Intensif dan Kursus Haji Perdana. Pada masa yang sama, Tabung Haji juga mendapat kerjasama daripada RTM dan JAKIM bagi menyiarkan rancangan bimbingan haji melalui televisyen dan radio.

Bagi membantu jemaah haji yang menghadapi kemusykilan berhubung ibadah haji, Tabung Haji telah menghantar guru-guru agama dan pakar rujuk untuk bertugas di Tanah Suci.

Dalam keadaan yang serba berlain bagi jemaah haji sama ada cuaca mahupun suasana, pelbagai tekanan dan kemungkinan gangguan emosi boleh berlaku. Atas kepekaan tersebut, Tabung Haji menyediakan perkhidmatan kaunseling untuk membantu jemaah haji supaya dapat menumpukan perhatian kepada ibadah haji. Sesi-sesi lawatan suaikenal/perjumpaan, lawatan psiko-sosial, kaunseling kelompok dan ceramah telah banyak membantu para jemaah dalam mengendalikan diri mereka sewaktu berhadapan dengan tekanan-tekanan.

### Operasi Arafah dan Mina

Operasi Arafah/Mina adalah merupakan kemuncak kepada ibadah haji.

Sistem pengangkutan "Attaraddudiah" yang telah dilaksanakan bermula 1423 Hijrah telah beroperasi dengan jayanya pada tahun 1424 dan 1425 Hijrah. Kesungguhan Kerajaan Arab Saudi serta anggota Muassasah peringkat tertinggi bagi memastikan kejayaan sistem ini dapat dilihat semasa operasi ini berjalan.

Secara keseluruhannya, pergerakan jemaah haji telah berjalan sepertimana yang dirancang. Persiapan-persiapan sebelum operasi serta penyesuaian sama ada di peringkat Tabung Haji mahupun dengan Muassasah Asia Tenggara, telah memastikan lagi kelancaran keseluruhan operasi ini.

### 1424 Hijrah

Jemaah haji mula berangkat dari Makkah ke Arafah pada jam 2.30 petang, 8 Dzulhijjah 1424 Hijrah, secara berperingkat-peringkat dan berakhir pada jam 1.00 pagi. Di bahagian ketibaan pula, bas mula tiba di Arafah pada jam 4.00 petang dan bas terakhir sampai ialah pada jam 2.00 pagi, 9 Dzulhijjah. Suhu di antara 18°C hingga 33°C yang nyaman dan cuaca yang baik membolehkan jemaah haji berwukuf dengan keadaan yang selesa.

Pergerakan jemaah haji ke Muzdalifah dan Mina turut melihatkan perancangan yang lebih baik di semua peringkat berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Secara keseluruhannya, pergerakan jemaah haji Malaysia adalah terkawal. Walaupun terdapat beberapa masalah pada beberapa pergerakan, tindakan segera dan cekap oleh petugas telah dapat memperbetulkan keadaan.



Petugas Perubatan merawat jemaah yang sakit di khemah Arafah.



Petugas Bilik Gerakan Arafah sedang menjalankan tugas.

# TINJAUAN OPERASI HAJI

## 1425 Hijrah

Pergerakan Makkah-Arafah pada 8 Zulhijjah bermula sekitar jam 2.00 petang dan berakhir sekitar 12.30 pagi. Cuaca di Arafah adalah baik dengan suhu di antara 18°C - 28°C. Secara keseluruhannya, urusan Wukuf telah berjalan dengan baik dalam keadaan cuaca yang redup dan nyaman.

Sebagaimana tahun sebelumnya, Tabung Haji telah memberikan perhatian khusus kepada jemaah haji Warga Emas sepanjang operasi Arafah/Mina ini bagi memastikan kebajikan dan kesihatan mereka terurus.

## Perkhidmatan Katering

Perkhidmatan katering kepada jemaah haji Muassasah di Makkah dan Madinah telah disediakan oleh anak syarikat Tabung Haji, iaitu Tabung Haji Travel & Services Sdn. Bhd. (THTS) dengan kerjasama rakan kongsinya di Arab Saudi.

Bagi memastikan makanan jemaah haji adalah baik dan bersesuaian dengan semua peringkat usia dan keadaan, THTS telah mendapatkan khidmat nasihat pakar dietetik Kementerian Kesihatan, Malaysia, bagi pemilihan menu makanan harian jemaah haji.

Di samping itu, pemantauan dari segi kebersihan, penyediaan dan pengedaran makanan kepada jemaah haji sentiasa dibuat oleh petugas kesihatan yang dikhususkan.

## Perkhidmatan Pakej dan Swasta

Bagi menyediakan pilihan kepada jemaah haji yang memilih perkhidmatan syarikat-syarikat swasta, Tabung Haji telah membenarkan THTS dan beberapa syarikat lain untuk bertindak sebagai pengelola jemaah haji.

Untuk memastikan kualiti perkhidmatan pakej ini sentiasa pada tahap yang tinggi, penilaian prestasi serta tahap kualiti yang tertentu telah ditetapkan. Syarikat-syarikat ini akan menerima teguran atau dihalang menguruskan jemaah haji pada tahun yang akan datang, sekiranya gagal mematuhi tahap yang telah digariskan.

THTS telah menawarkan 11 jenis pakej haji yang berharga di antara RM13 ribu sehingga RM52 ribu untuk setiap jemaah haji. Pilihan-pilihan yang ditawarkan ini memberi peluang kepada jemaah haji yang lebih berkemampuan, untuk memilih perkhidmatan-perkhidmatan tambahan di Tanah Suci semasa mereka menunaikan ibadah haji.

## Bengkel Penilaian Operasi Haji

### Bengkel Penilaian Operasi Haji 1424 Hijrah

Dalam usaha memastikan perkhidmatan pengurusan haji yang berkualiti, Tabung Haji telah mengadakan bengkel penilaian operasi haji. Bengkel yang diadakan pada 19 dan 20 April 2004 ini bertujuan mengkaji, menilai kualiti perkhidmatan, dan mencadangkan penambahbaikan untuk dilaksanakan pada musim haji yang berikutnya. Sebanyak 11 kertas kerja telah dibincangkan:-

1. Urusan Check-in di Kompleks Haji Kelana Jaya.
2. Penyeragaman Maklumat Di Tanah Suci.
3. Sistem Kawalan Maklumat Operasi Haji (SKMOH).
4. Pengurusan Jemaah Haji Warga Emas (JHWE).
5. Penempatan Jemaah Haji Swasta di Mina Muhassir.
6. Pengurusan Jemaah Haji Runcit Melalui Penerbangan MAS di Terminal Haji.
7. Pengendalian Jemaah Haji 'High-Risk' Kesihatan Semasa di Arafah / Mina.
8. Penempatan Jemaah Haji di Maktab.
9. Penerbangan Jemaah Haji dan Petugas Haji.
10. Sistem Simpanan dan Pengeluaran di Tanah Suci.
  - a. Penyelarasan resit kutipan dam dan korban.
  - b. Mewujudkan rekod pendeposit dalam Sistem Simpanan dan Pengeluaran Tanah Suci.
11. Operasi Arafah/Mina.



Jemaah haji sedang khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan.



Guru agama sedang menyampaikan ceramah.



Latihan praktikal tawaf.



Proses penyemakan pasport jemaah haji di Pejabat Muassassah.



Petugas Haji sedang menguruskan proses kemasukan jemaah haji ke tempat penginapan di Madinatul Hujjaj.

### Bengkel Penilaian Operasi Haji 1425 Hijrah

Bengkel Penilaian Operasi Haji 1425 Hijrah telah diadakan pada 9 dan 10 Mac 2005 yang dihadiri oleh petugas Tanah Air dan Tanah Suci operasi haji 1425 Hijrah. Sebanyak 8 isu utama telah dibincangkan:-

1. Masalah jemaah haji yang kurang daya ingatan.
2. Pengurusan jemaah haji di Madinah.
3. Permasalahan Warga Emas.
4. Mempertingkatkan kecekapan dan kualiti pengurusan Operasi Haji Tanah Air.
5. Pengurusan jemaah haji di Arafah / Muzdalifah / Mina.
6. Penyeragaman Infrastruktur/Prasarana Bagi Maktab.
7. Kaedah pemantauan dan penilaian syarikat Pengelola Jemaah Haji.
8. Isu dan cadangan aktiviti kewangan di Tanah Suci.

### Jawatankuasa Urusan Haji

Jawatankuasa Urusan Haji bertanggungjawab menentukan dasar perkhidmatan haji secara keseluruhan serta mengendalikan Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia. Sepanjang tahun 2004, jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali yang membincang serta membuat keputusan mengenai pengurusan haji yang berada di bawah fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa. Perangkaan kematian jemaah haji Malaysia:-

	2001	2002	2003	2004	2005
Sebelum Wukuf	48	43	37	12	30
Selepas Wukuf	128	100	55	18	91
Jumlah	176	143	92	30	121

### Warga Emas

Program Warga Emas pada musim haji 1424 Hijrah dan 1425 Hijrah merupakan program sambungan setelah dimulakan pada musim haji 1423 Hijrah. Program ini bermatlamatkan membantu Warga Emas mengerjakan haji dengan sempurna. Ia dilaksanakan dengan melaksanakan aktiviti khusus, membantu pergerakan mereka semasa Arafah/Mina serta penempatan yang bersesuaian bagi urusan Tawaf dan Saei dan bantuan-bantuan petugas rancang yang bersesuaian.

### Kematian

Di antara faktor utama kematian jemaah haji Malaysia ialah sakit jantung dan paru-paru. Perangkaan tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya menunjukkan bilangan kematian pada usia melebihi 60 tahun merupakan jumlah yang terbesar. Selain daripada itu, pada kebiasaannya jumlah jemaah haji meninggal dunia selepas hari Wukuf adalah lebih ramai berbanding sebelum Wukuf.

Di pihak Tabung Haji, usaha-usaha menjaga kebajikan dan kesihatan jemaah haji sentiasa dipentingkan dan dipertingkatkan bagi memastikan jemaah haji yang berisiko tinggi mengalami masalah kesihatan, diberikan perhatian yang sewajarnya semasa di Tanah Suci. Pada masa yang sama, peringatan-peringatan penjagaan kesihatan sentiasa ditekankan semasa jemaah haji berada di Tanah Air lagi.



Petugas Tabung Haji sedang membantu Warga Emas.

# TINJAUAN OPERASI

## PENDEPOSIT

Jabatan Pendeposit sentiasa menitikberatkan usaha-usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pendeposit Tabung Haji. Sehubungan itu aktiviti penambahbaikan sentiasa dirancang dan seterusnya dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada proses peningkatan yang berterusan.

### PENGURUSAN KAUNTER BERASASKAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2000

Mulai 01 Julai 2004 operasi kaunter di Ibu Pejabat Tabung Haji dilaksanakan berasaskan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2000. Jabatan Pendeposit telah berjaya mendapat pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM QAS INTERNATIONAL tanpa sebarang NCR (Non - Conformity Report) pada 27 Oktober 2004. Sijil ini hanya untuk tempoh selama 3 tahun sahaja dan perlu diperbaharui selepas tempoh tersebut. InsyaAllah dengan kejayaan ini Jabatan Pendeposit akan mengekalkan prestasi cemerlang ini malah berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan secara berterusan.

### SISTEM PENDEPOSIT

Kerja-kerja pembangunan Sistem Pendeposit dalam Projek IT Blueprint sedang giat dilaksanakan dan dijangka dapat beroperasi sepenuhnya secara 'live' pada penghujung 2005.

Sistem baru ini adalah lebih mantap dan efisien di mana ia menggunakan teknologi terkini dan mengikut amalan terbaik industri bank (best banking practices) serta mempunyai komponen penting seperti berikut:

- Ciri-ciri kawalan yang mantap seperti pengwujudan 'check-digit' dalam nombor akaun Tabung Haji dan penerapan teknologi biometric.
- Konsep 'uniteller/multifunctions' bagi membolehkan teller yang sama mengendalikan aktiviti Simpanan, Pengeluaran dan Haji pada satu-satu masa.

- Mengurangkan karenah kemasukan data yang berulang kali (single point of entry)
- Pengendalian skrin yang ringkas, efisien dan efektif.
- Aplikasi yang berasaskan kehendak dan kawalan pengguna (user driven)
- Konsep Perkhidmatan Setempat 'one stop centre' untuk setiap perkhidmatan Tabung Haji yang ditawarkan kepada pelanggan.
- Sistem yang bersepadu (Integrated System)

Projek ini akan memberi banyak penambahbaikan bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan Tabung Haji kepada pelanggan terutama sekali dengan terlaksananya nanti Konsep Perkhidmatan Setempat (one stop centre) di Pejabat Cawangan Tabung Haji. Melalui perkhidmatan ini pelanggan tidak lagi perlu berurusan dengan Ibu Pejabat.

### TAMBAHAN EJEN KUTIPAN TABUNG HAJI

Tabung Haji telah melantik 3 buah bank lagi iaitu Public Bank, AmBank dan EON Bank sebagai ejen kutipan Tabung Haji. Dengan perlantikan ini, bermakna Tabung Haji mempunyai 9 ejen kutipan sehingga 31 Disember 2004. Ejen kutipan yang telah dilantik sebelum ini adalah Pejabat Pos, Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Islam (BIMB), Maybank (MBB), Bumiputra Commerce Bank (BCB) dan RHB Bank Bhd. Caj Perkhidmatan yang minimum dikenakan kepada pendeposit yang menyimpan melalui saluran ini.



Pegawai-pegawai di Jabatan Pendeposit ditemubual semasa sesi Audit Pematuhan oleh Pasukan Audit SIRIM.



Pemenang hadiah Skim Hadiah Galakan Sekolah-Sekolah Malaysia.

### SKIM HADIAH GALAKAN SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA (SHGSSM)

Skim ini dilancarkan pada tahun 1988 bertujuan untuk menanam sifat berjimat cermat dan menabung di kalangan murid, guru serta kakitangan sekolah. Berikut adalah maklumat SHGSSM tahun 2004 berbanding tahun 2003:

PENYERTAAN	2004	2003	% KENAIKAN / (PENURUNAN)
Bilangan Sekolah	1,840	1,764	4.3 %
Jumlah Guru dan Kakitangan	49,355 orang	38,731 orang	27.4 %
Jumlah Murid	91,973 orang	98,572 orang	-6.7%
Kutipan Simpanan (RM 'juta)	184	170	7.6%

Bagi tahun 2004 hadiah SHGSSM berupa buku ilmiah berasaskan sains dan English diberikan kepada pemenang. Hadiah berupa buku diberikan atas persetujuan Kementerian Pendidikan selaras dengan kempen semasa Kementerian berkenaan.

Hadiah buku merupakan salah satu saluran pemasaran secara langsung bagi mendekati golongan pelajar sekolah dengan Tabung Haji.

#### PEJABAT CAWANGAN Tabung Haji

Kedudukan bilangan pejabat dan cawangan Tabung Haji adalah seperti berikut:

TAHUN	2000	2001	2002	2003	2004
Pejabat Negeri	14	14	14	14	14
Pejabat Daerah	69	71	73	73	73
Pejabat Mini	22	28	31	31	32
Kaunter Ibu Pejabat	1	1	1	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>106</b>	<b>114</b>	<b>119</b>	<b>119</b>	<b>120</b>

### PERSIDANGAN PENGARAH NEGERI DAN PENGURUS DAERAH

Persidangan Pengarah Negeri dan Pengurus Daerah bersama Pengurusan Tabung Haji diadakan setiap tahun. Tujuan persidangan ini adalah untuk memaklumkan perancangan dan hala tuju Pengurusan Tabung Haji serta memaklumkan maklumat dan status semasa Tabung Haji. Antara perkara yang diketengahkan ialah perlunya usaha berterusan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada pendeposit.



Pengerusi Tabung Haji mengucapkan tahniah kepada pemenang SHGSSM.

Sebagai perancangan masa hadapan Tabung Haji akan terus melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan bagi memantap dan memperkasakan lagi perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan agar ia sentiasa relevan dan memenuhi kehendak semasa mereka.



# TINJAUAN OPERASI

## PELABURAN

Untuk tahun ketiga berturut-turut, ekonomi Malaysia menunjukkan peningkatan yang lebih baik. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2004 mengukuh kepada 7.1% berbanding 5.3% pada tahun 2003. Sektor pembuatan dan perkilangan masih merupakan penyumbang terbesar kepada perkembangan ini diikuti oleh sektor perkhidmatan dan perladangan. Prestasi pasaran saham juga menggalakkan dengan Indeks Komposit Bursa Malaysia meningkat 14.3% kepada 907.43 mata.

### PENGURUSAN PELABURAN

Selaras dengan kesinambungan dari pengstruktur semula aktiviti pelaburan Tabung Haji yang dilaksanakan pada 2003, pengurusan pelaburan memberi tumpuan sepenuhnya ke atas pemantauan syarikat pelaburan Tabung Haji dalam mencapai objektif penubuhannya, perancangan korporat, sistem kawalan dan prosedur pengurusan syarikat.

Prosedur pengurusan pelaburan dikemaskini untuk memantapkan proses pengawasan. Seiringan dengan pemantapan prosedur, kordinasi dengan pihak pengurusan syarikat dilaksanakan dalam perancangan dan strategi korporat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang agar sentiasa bertepatan dengan misi dan visi Tabung Haji iaitu melabur dalam sektor ekonomi yang diluluskan Syariah di samping beriktikad untuk memberikan pulangan yang kompetitif dengan pasaran.

Seminar Pengarah Korporat telah dihadiri oleh wakil-wakil Tabung Haji yang dilantik sebagai pengarah-pengarah syarikat pelaburan Tabung Haji. Pendedahan ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat terkini berhubung urustadbir korporat dan kesedaran terhadap peranan serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai Pengarah Syarikat demi menjaga kepentingan Tabung Haji dalam syarikat yang dilabur. Ini adalah bersesuaian dengan keadaan semasa di mana urustadbir korporat amatlah diutamakan. Kesedaran ini bertujuan untuk menjadi pemangkin dalam memainkan peranan yang lebih aktif dan sifat tanggungjawab yang lebih tinggi untuk memantau dan memastikan bahawa syarikat-syarikat kepentingan Tabung Haji sentiasa mengurus perniagaan mereka dengan baik dan

terjamin.

### PELABURAN EKUITI

Sepanjang tahun 2004 sejumlah 76 syarikat baru telah disenaraikan di Bursa Malaysia melalui terbitan saham awal (IPO) telah diterima. Daripada jumlah ini sebanyak 24 tawaran telah dilanggan melibatkan pelaburan berjumlah RM190 juta.

Pada 31 Disember 2004, Tabung Haji mempunyai pegangan dalam 363 buah syarikat. Daripada jumlah ini 304 adalah syarikat tercatat, 44 tidak tercatat dan 15 anak syarikat. Perincian pegangan pada nilai buku (kos) selepas peruntukan rosotnilai adalah seperti berikut:

	2004		2003	
	Nilai Buku Bersih (RM 'juta)	%	Nilai Buku Bersih (RM 'juta)	%
Syarikat Ekuiti*	3,881.4	73.5	3,696.2	74.2
Syarikat Bersekutu	1,047.5	19.8	877.7	17.6
Anak Syarikat	351.6	6.7	410.1	8.2
Jumlah	5,280.5	100.0	4,984.0	100.0

\* Termasuk Pelaburan Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia

### KUALA LUMPUR COMPOSITE INDEX (KLCI) (JAN 04 - DIS 04)





Pemandangan Ladang di PT Multigambut, Indonesia.



Kilang pemerosesan kelapa sawit

Pendapatan daripada dividen dan keuntungan jualan saham bagi tahun 2004 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya masing-masing sebanyak 28% dan 65%. Keadaan ini adalah sejajar dengan prestasi menggalakkan syarikat-syarikat pelaburan Tabung Haji dan Bursa Malaysia. Perincian pendapatan daripada pelaburan ekuiti adalah seperti berikut:

#### PELABURAN SEKURITI

Jenis Pelaburan Saham	Dividen Kasar (RM 'juta)	%	Keuntungan Jualan Saham (RM 'juta)	%
Syarikat Ekuiti*	151	58.9	212	98.6
Syarikat Bersekutu	36	14.1	2	0.9
Anak Syarikat	69	27.0	1	0.5
Jumlah	<b>256</b>	<b>100.0</b>	<b>215</b>	<b>100.0</b>

\* Termasuk Pelaburan Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia

#### PENDAPATAN TETAP

Pada tahun 2004, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap telah menunjukkan prestasi yang meningkat. Pendapatan daripada pelaburan ini meningkat 6% kepada RM238 juta berbanding tahun 2003. Ini merupakan peningkatan berbanding tahun 2003 di mana 2 pelaburan baru telah dibuat melibatkan pelaburan berjumlah RM40 juta sahaja.

Perincian pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap setelah mengambilkira rosot nilai dan hapuskira pada tahun berakhir 2004 dan 2003 adalah seperti berikut:

	Jumlah Pelaburan Pada 31 Disember 2004		Jumlah Pelaburan Pada 31 Disember 2003	
	Amaun (RM 'juta)	%	Amaun (RM 'juta)	%
Pembiayaan Anak Syarikat	1,420	48.7	1,285	44.4
Bon				
– Jangka Panjang	771	26.4	859	29.7
– Jangka Pendek	213	7.3	148	5.1
Pembiayaan Korporat	375	12.9	345	11.9
NIDC	112	3.8	100	3.4
Lain-lain	28	0.9	159	5.5
Jumlah	<b>2,919</b>	<b>100.0</b>	<b>2,896</b>	<b>100.0</b>

# TINJAUAN OPERASI

## PELABURAN

### PELABURAN HARTANAH

Pada tahun 2004, Lembaga Pengarah Tabung Haji telah bersetuju dengan cadangan Pengurusan Tabung Haji untuk menstruktur semula portfolio pelaburan hartanah Tabung Haji agar alokasi asetnya tidak melebihi kadar 20% daripada jumlah keseluruhan aset Tabung Haji. Hanya bangunan-bangunan dan hartanah yang strategik dan menguntungkan sahaja dikekalkan. Pelaburan hartanah juga hendaklah ditumpukan kepada hartanah jenis perniagaan dan pejabat sahaja. Pelaburan dalam bangunan industri dan kediaman hendaklah disemak semula dan dijual jika pulangnya didapati tidak memuaskan.

Sehingga 31 Disember 2004, pelaburan Tabung Haji dalam sektor hartanah bernilai bersih sebanyak RM1.89 billion. Pelaburan ini meliputi pemilikan bangunan pejabat, rumah kedai, kilang, kompleks haji, kediaman dan tanah kosong. Selaras dengan dasar yang telah ditetapkan, Tabung Haji akan menjual rumah kediaman di Taman Setapak dan Pangsapuri Bandar Tasik Selatan serta bangunan kilang di Gebeng dalam tahun 2005.

Bilangan bangunan Tabung Haji telah bertambah daripada 275 buah bangunan pada 2003 kepada 276 buah bangunan pada 2004 iaitu dengan pembelian sebuah bangunan baru di KL Sentral berjumlah RM162 juta. Bangunan 30 tingkat ini masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada November 2006.

KATEGORI BANGUNAN	BILANGAN
Menara Pejabat	8
Pejabat	32
Kedai pejabat	182
Kilang	18
Kompleks Haji	3
Kediaman	25
Apartmen	8
<b>Jumlah</b>	<b>276</b>

Aktiviti pemasaran ruang untuk disewa ditingkatkan dan kadar sewa yang ditawarkan adalah kompetitif berbanding pasaran. Terdapat peningkatan pendapatan sewa sebanyak RM9 juta (22.5%) daripada RM40 juta pada tahun 2003 kepada RM49 juta tahun 2004. Bilangan penyewa meningkat daripada 675 penyewa kepada 727 penyewa iaitu peningkatan sebanyak 52 penyewa baru atau 7.7%. Peratusan ruang yang disewa juga meningkat iaitu sebanyak 80% berbanding 78% tahun lalu. Kadar peratusan sewaan ini adalah lebih tinggi berbanding kadar sewaan nasional yang berada pada kadar 76%. Rujuk jadual di bawah:

PERKARA	TAHUN		PENINGKATAN	
	2004	2003	JUMLAH	%
Bilangan Bangunan	<b>276</b>	275	1	0.4
Bilangan Penyewa	<b>727</b>	675	52	7.7
Kutipan Sewa (RM 'juta)	<b>49</b>	40	9	22.5
Ruang Disewa (%)	<b>80</b>	78	2	2.6

Bahagian Hartanah akan terus berusaha meningkatkan lagi peratus sewaan Hartanah Tabung Haji. Di antara langkah yang diambil adalah dengan meningkatkan usaha pemasaran, mengkaji kadar sewa dan sebagainya. Di samping itu, status bangunan yang mempunyai pulangan rendah dan tidak menguntungkan akan dikaji semula. Tumpuan akan diberikan kepada pelaburan hartanah yang boleh memberi pulangan yang kompetitif. Selain daripada itu, Kompleks Haji juga akan dinaiktaraf dalam usaha untuk mendapatkan hasil yang lebih baik.



Illustrasi bangunan baru Tabung Haji di KL Sentral



Post Mortem Haji 1424H.



Operasi Haji Tanah Air 1424H.

Penyampaian cenderamata kepada salah seorang peserta Bengkel Post Mortem Haji 1424H.



Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-20.



Lawatan Menteri Hal Ehwal Agama dan Zakat Pakistan, September 2004.



Lawatan dari Saluran Al-Alam (Islamic Republic International Network) bagi pembikinan dokumentari pada bulan Mac 2004.

Lawatan Kerja Timbalan Menteri Ghana Mr. Anthony Akota Osei pada bulan Mac 2004.



Mufti Besar Bosnia, Mustafa Cerić melancarkan organisasi mirip TH di Bosnia.



Lawatan kerja YB. Dato' Dr. Abdullah Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada bulan April 2004.



Cenderamata dari kerajaan Bosnia sempena pelancaran sebuah organisasi mirip TH di Bosnia.



Lawatan dari Ghana pada Mac 2004.



Majlis Penyampaian Hadiah Skim Hadiah Galakan Sekolah-sekolah Malaysia pada bulan Mei 2004.



Majlis Penyerahan Sumbangan Hadiah Sahabat Korporat TH, Musim Haji 1425H pada bulan Disember 2004.

Majlis Penyerahan Zakat Tabung Haji kepada DYMM Tuanku Sultan Kedah



Sumbangan Derma Tsunami di Masjid Negara pada bulan Disember 2004.





Pertandingan "Kawalan Mutu Kerja" Peringkat Kebangsaan.



Majlis Pelancaran Minggu Kualiti TH 2004.



TH Pahang, Pemenang Anugerah Kualiti Perdana TH 2004.



Lawatan TYT Dr. Iyad Ameen Madani, Menteri Haji Arab Saudi





Suasana di dalam Dewan Berlepas, Operasi Haji Fasa I Musim Haji 1425H.



Penyampaian cenderamata di Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji Musim Haji 1425H.

# STRUKTUR KUMPULAN TABUNG HAJI





# TINJAUAN OPERASI

## SEKTOR PERLADANGAN

### KUMPULAN PERLADANGAN

#### Latar Belakang

Penglibatan Tabung Haji di dalam sektor perladangan bermula dengan penubuhan Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji sebuah anak syarikat milik 100% pada 28 Ogos, 1972 dengan modal berbayar sebanyak RM50 juta kini dikenali sebagai TH Plantations Sdn. Bhd. (THP).

#### Kegiatan Utama

Teras perniagaan Kumpulan Perladangan Tabung Haji ialah pembangunan dan pengurusan perladangan kelapa sawit serta pemerosesan dan penjualan minyak kelapa sawit dan isirong kelapa sawit.

#### Keluasan Kawasan

Aktiviti perladangan dan pengilangan kelapa sawit serta perladangan penanaman jati Kumpulan Perladangan Tabung Haji bertumpu di atas kawasan seluas 138,258 hektar di mana 13% terletak di Semenanjung Malaysia, 28% di Sabah & Sarawak dan 59% di Indonesia.

Sila rujuk muka surat 52 bagi lokasi ladang-ladang Kumpulan Perladangan Tabung Haji di Malaysia dan Indonesia.

#### Struktur Korporat

Pelaburan Tabung Haji di dalam sektor perladangan diterajui oleh 6 syarikat perladangan milik penuh serta 9 syarikat usahasama. Antara rakan-rakan kongsi bagi syarikat usahasama Kumpulan perladangan Tabung Haji ialah Pertubuhan Peladang Terengganu, Semai Mekar Sdn. Bhd., Musman Holdings Sdn. Bhd. dan United Sabah Islamic Association.

Pada tahun 2004, pihak Tabung Haji telah melaksanakan proses rasionalisasi ke atas syarikat-syarikat perladangan miliknya di Malaysia. Proses rasionalisasi ini adalah sebahagian daripada proses pengstrukturkan semula aktiviti-aktiviti syarikat perladangan Tabung Haji supaya lebih efisien dan fokus.

#### Ladang

Sehingga tahun 2004, Kumpulan Perladangan Tabung Haji mempunyai 12 ladang kelapa sawit di Semenanjung Malaysia, 6 ladang kelapa sawit di Sabah, 3 ladang jati di Sabah, 2 ladang kelapa sawit di Sarawak dan 24 ladang kelapa sawit di Indonesia melalui pelaburan di dalam PT Multigambut Industri (PTMGI) dengan jumlah kawasan bertanam sekitar 100,000 hektar.

Daripada jumlah kawasan yang bertanam ini, 14% mewakili kawasan di Semenanjung Malaysia, 18% di Sabah & Sarawak dan 68% di Indonesia.

Dengan pelaksanaan pengurusan perladangan yang sistematik dan pemantauan yang cekap oleh pihak pengurusan ladang, hasil yang baik dapat direalisasikan.

#### Kilang

Kumpulan Perladangan Tabung Haji mempunyai 3 buah kilang kelapa sawit di Malaysia iaitu Kilang Sawit Bukit Lawiang yang berkapasiti 40 metrik tan sejam terletak di Negeri Johor; Kilang Sawit Kota Bahagia berkapasiti 30 metrik tan sejam di Negeri Pahang dan Kilang Sawit Tenegang berkapasiti 30 metrik tan sejam terletak di Sabah. Selain daripada itu, sebuah kilang kelapa sawit berkapasiti 10 metrik tan sejam di Negeri Sembilan telah siap dibina dan mula beroperasi pada awal 2005.

Manakala di Indonesia, terdapat 2 buah kilang yang sudah beroperasi iaitu Kilang Sawit Pulai dengan kapasiti 120 metrik tan sejam dan Kilang Sawit Suntain 10 metrik tan sejam, dan 2 buah lagi sedang di dalam proses pembinaan. Kilang-kilang ini telah mencatatkan prestasi kadar perahan minyak yang memuaskan dan setanding dengan kadar perahan minyak kilang-kilang kelapa sawit lain.



Di antara ladang-ladang milik Kumpulan Perladangan Tabung Haji.



Kilang sawit Suntain di Indonesia.

**Projek Terbaru**

Antara projek-projek terbaru Kumpulan Perladangan Tabung Haji adalah pembangunan perladangan kelapa sawit seluas 1,178 hektar secara usahasama dengan Syarikat Jasa Bakti Sdn. Bhd. di Mukim Besul, Daerah Dungun, Terengganu.

Di samping itu pembinaan Kilang Sawit Ladang Pasir Besar dengan kapasiti 10 metrik tan sejam dan Kilang Sawit Nyato dengan kapasiti 60 metrik tan sejam di Indonesia, dilengkapi dengan teknologi terkini iaitu sistem "Continuous Sterilization" yang dapat meningkatkan kadar efisiensi dalam pemerahan minyak sawit mentah dan isirong.

**Pencapaian dan Anugerah**

Pada 8 Januari 2004, Kilang Sawit Bukit Lawiang telah menerima anugerah akreditasi ISO 9001:2000 Sistem Pengurusan Kualiti daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

**Status Pelaburan Tabung Haji Dalam Sektor Perladangan**

Nilai pasaran Kumpulan Perladangan Tabung Haji sehingga tahun 2004 adalah sekitar RM2.1 bilion dengan jumlah pelaburan sekitar RM1.4 bilion. Kumpulan Perladangan juga telah menyumbangkan dividen sekitar RM639 juta kepada Tabung Haji semenjak 1983.



Kilang sawit Bukit Lawiang.



**Ejen Pengurusan**

Tabung Haji melantik THP sebagai ejen pengurusan bagi syarikat-syarikat perladangannya yang merangkumi operasi perladangan dan pengilangan kelapa sawit di Malaysia, operasi perladangan jati di Sabah, operasi perladangan dan pengilangan kelapa sawit di Riau, Indonesia.


Perlantikan THP sebagai ejen pengurusan adalah untuk merasionalisasikan segala aktiviti operasi perladangan, menyeragamkan dasar-dasar perladangan, polisi pentadbiran dan kewangan supaya menjadi lebih fokus, mengelakkan pertindihan sumber dan meningkatkan efisiensi dan daya saing.

**Penutup**

Kumpulan Perladangan Tabung Haji yakin dengan pengurusan perladangannya yang mantap dan profesional akan dapat mencapai matlamat dan objektifnya dengan jaya, sejajar dengan penglibatannya di dalam sektor perladangan iaitu suatu sektor yang berpotensi tinggi serta mengeluarkan produk untuk pasaran eksport yang terbukti kemantapannya dari segi keuntungan serta pulangan.

**Keluasan Kawasan Kumpulan Perladangan Tabung Haji Sehingga Disember 2004**


Semenanjung Malaysia	17,974	hektar
Sabah & Sarawak	38,712	hektar
Indonesia	81,572	hektar
<b>Jumlah Keluasan Kawasan : 138,258 hektar</b>		



# TINJAUAN OPERASI

## SEKTOR PERLADANGAN

### Lokasi Ladang-ladang di Malaysia



### Lokasi Ladang Tabung Haji di Sumatera, Indonesia



### TH TECHNOLOGIES

#### Latar Belakang

TH Technologies Sdn Bhd (THT) ditubuhkan pada tahun 1993.

Dalam penyusunan semula anak-anak syarikat Tabung Haji, THT diberi mandat untuk menerajui sektor pembinaan. Sehubungan dengan ini, THT pada 18 Mac 2002, telah mengambilalih pengurusan dan sebahagian daripada skop kerja projek-projek pembinaan TH Universal Builders Sdn Bhd (juga merupakan anak syarikat milik penuh Tabung Haji) seperti berikut:

1. Menara Tabung Haji di Johor Bahru, Johor Darul Takzim;
2. Kem Tentera Di Gemas, Negeri Sembilan Darul Khusus; dan
3. Hospital Sungai Petani di Kedah Darul Aman.

Projek Menara Tabung Haji di Johor Bahru dan Kem Tentera di Gemas masing-masing telah disiapkan pada 31 Oktober 2003 dan 3 September 2004.

Memandangkan persaingan yang sengit di dalam industri pembinaan dengan kadar keuntungan yang rendah, THT bercadang untuk menceburi sektor hartanah sebagai kontraktor secara usahasama dengan syarikat-syarikat hartanah dan mencari peluang pelaburan yang dapat menghasilkan pendapatan anuiti yang berpanjangan. Selain daripada itu, THT juga bergiat di dalam industri teknologi maklumat dan farmasi melalui anak syarikatnya, iaitu THT Integrated Solutions Sdn. Bhd.

#### Projek-Projek Semasa

Projek-projek yang sedang dijalankan oleh THT adalah seperti berikut:

1. Projek membaikpulih dan menaiktaraf Jalan Persekutuan 5; Kapar – Sabak Bernam & Klang – Banting (Fasa B) (RM79.7 juta)
2. Projek membaikpulih dan menaiktaraf Jalan Muar-Melaka-Alor Gajah-Simpang Empat (RM114.8 juta)
3. Cadangan pembinaan Hospital Sungai Petani (498 katil) di Bandar Aman Jaya, Sungai Petani, Kedah Darul Aman (RM170.8 juta)
4. Cadangan pembinaan Hospital PUSRAWI di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur (RM72.5 juta)
5. Projek Jalanraya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang (Pakej 5: dari Chiku ke Aring, Kelantan) (RM114.8 juta)

THT juga mempunyai pelaburan sebanyak 28% (RM2.8 juta) di dalam Roadcare (M) Sdn Bhd (Roadcare), iaitu sebuah syarikat yang memegang konsesi selama 15 tahun (sehingga tahun 2016) di dalam projek penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan Semenanjung Malaysia (zon tengah/timur – Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan). Bagi tahun kewangan 2004, THT telah menerima jumlah dividen bersih sebanyak RM11.2 juta daripada Roadcare.



Hospital Sungai Petani.



Projek Jalanraya Simpang Pulai-Lojing Gua Musang-Kuala Berang.

Pembinaan Hospital PUSRAWI di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.



# TINJAUAN OPERASI

## SEKTOR PEMBINAAN

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis 2004 RM 'juta	Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis 2003 RM 'juta	Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis 2002 RM 'juta
Pendapatan Kasar	259.0	314.1	68.8
Untung sebelum Cukai/zakat	24.6	48.0	18.9
Untung selepas Cukai/zakat	16.7	33.9	12.5



Menara TH di Johor Bharu.

### Maklumat Kewangan Syarikat

THT telah merekodkan keuntungan sejak tahun 1990. Prestasi kewangan THT bagi tiga (3) tahun terkini adalah seperti di gambar rajah di atas.

Jumlah pulangan dividen yang telah dibayar oleh THT semenjak 2001 kepada Tabung Haji sehingga 31 Disember 2004 adalah sebanyak RM33.0 juta.

Kedudukan kewangan THT pada akhir tahun 2004:

<b>Modal Berbayar</b>	RM30.0 juta
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	RM48.1 juta
<b>Nilai Aset Ketara Bersih</b>	RM78.1 juta
<b>Wang Tunai dan Baki di Bank</b>	RM63.9 juta

### Pencapaian sehingga kini

Antara pencapaian terkini THT adalah seperti berikut:

1. THT telah dianugerahkan MS ISO 9001:2000 pada 9 Februari 2001.

2. Telah berjaya menyiapkan beberapa subsistem bagi Projek 'Total Airport Management System (TAMS)' untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada tahun 1999.

3. Telah berjaya menyiapkan Projek Menara Pejabat/Komersil 18 tingkat di Johor Bahru untuk Tabung Haji. Projek yang bernilai RM68.4 juta ini telah disiapkan pada 31 Oktober 2003.

4. Telah berjaya menyiapkan Projek membaikpulih dan menaiktaraf Jalan Persekutuan 5: Kapar – Sabak Bernam & Klang – Banting (Fasa A) pada 31 Mac 2004. Projek ini bernilai RM58.6 juta.

5. Telah berjaya menyiapkan Projek Kem Tentera di Gemas, Negeri Sembilan untuk Kementerian Pertahanan Malaysia. Projek ini merangkumi pembinaan Pusat Latihan Tentera di tanah seluas 25,000 ekar: la bernilai RM418.0 juta dan telah berjaya disiapkan pada 3 September 2004.

Bagi menyokong Misi Tabung Haji untuk memperkukuhkan pulangan yang berdaya saing untuk para pendepositnya, THT terus berusaha untuk meningkatkan keuntungan syarikat.



Kem Tentera Di Gemas.

### TH PROPERTIES

TH Properties Sdn Bhd (THProp) adalah merupakan sebuah anak syarikat Tabung Haji yang menumpukan aktiviti utamanya di dalam pembangunan hartanah.

Pada masa ini, pembangunan adalah tertumpu kepada dua buah projek hartanah bersepadu di Negeri Sembilan Darul Khusus iaitu Bandar Enstek (@enstek) dan Bandar Warisan Puteri.

Warisan Puteri merangkumi keluasan lebih 490 ekar di Seremban yang dibangunkan sepenuhnya oleh THProp.

Manakala @enstek merupakan sebuah projek hartanah bersepadu yang dibangunkan oleh anak syarikat THProp; TH-NSTC Sdn Bhd di mana THProp memiliki ekuiti sebanyak 70% dan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) selebihnya iaitu 30%. Ianya meliputi kawasan melebihi 5,000 ekar yang terletak berhampiran KLIA dan Litar Lumba F1 di Sepang. Projek ini mula dilancarkan pada tahun 1999.

Selain daripada dua buah perbandaran tersebut, THProp juga terlibat di dalam pembangunan di Sri Manjung, Perak dan Taman Berjaya Permai di Kuantan, Pahang.

### Aktiviti-aktiviti Pembangunan THProp Dalam Tahun 2004

#### Kediaman

Melalui fasa pertama pembangunan @enstek, THProp telah mendirikan sejumlah 679 unit rumah kediaman yang terdiri daripada rumah jenis teres setingkat, satu setengah tingkat, dua tingkat, rumah berkembar dua tingkat dan rumah banglo dua tingkat. Kesemua unit kediaman tersebut telahpun siap dan kelompok terakhir kediaman telah berjaya diserahkan kepada pembeli pada pertengahan 2004.



Projek pembangunan hartanah di Bandar Enstek (@enstek).

Pelan pembangunan Bandar Warisan Puteri di Negeri Sembilan.



Pelancaran fasa kedua pembangunan; jentayu@enstek yang mengandungi 170 unit rumah banglo, rumah berkembar dan lot banglo telah dilaksanakan pada Disember 2004. Kediaman yang merangkumi enam rekabentuk ini memberikan pilihan yang berbeza kepada setiap pembeli di atas tanah seluas 30 ekar ini berhadapan dengan tasik dan dirancang sebagai projek kediaman eksklusif.

Berikutan pelancaran jentayu@enstek ini, THProp telah merangka strategi pemasaran dengan meningkatkan usahanya di dalam menyediakan pelbagai pakej menarik di antaranya kemudahan kad diskaun perjalanan rel KLIA transit dari KL Sentral ke KLIA melalui kerjasama yang termeterai dengan Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) pada Januari 2005.

Bagi melengkapkan lagi kemudahan pengangkutan ke @enstek, perkhidmatan bas akan juga disediakan bermula pada pertengahan 2005, oleh Eco-Coach (M) Sdn Bhd yang menghubungkan @enstek dan KLIA. Eco-Coach (M) Sdn Bhd juga menyediakan perkhidmatan bas di Putrajaya dan Cyberjaya.

Selain daripada perkhidmatan pengangkutan, THProp juga telah menjalinkan kerjasama dengan TM Net untuk menyediakan perkhidmatan Internet jalur lebar (Streamyx) untuk penduduk-penduduk di @enstek yang telah beroperasi sepenuhnya pada Mac 2005. Pakej jualan jentayu@enstek juga termasuk pelan pelaburan percuma dalam amanah saham Public Mutual Fund dan sistem keselamatan CHUBB.

Manakala di Warisan Puteri, THProp telah melaksanakan pembangunan rumah kediaman yang mengandungi 106 unit rumah teres dua tingkat yang dikenali sebagai "Puteri Emas".

Pelancaran Puteri Emas dilaksanakan secara berperingkat di mana peringkat pertama yang mengandungi 44 unit rumah teres dua tingkat telah habis dijual dan telah diserahkan pada Disember 2004.

Manakala peringkat kedua yang mengandungi 62 unit rumah kediaman dua tingkat telah dibuka untuk jualan pada April 2004 dengan harga bermula dari RM118,520.

# TINJAUAN OPERASI

## SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH

### Institusi Pendidikan dan Pusat Latihan

Sebagai sebuah pembangunan hartanah bersepadu, THProp telah menyediakan hampir 1,500 ekar tanah di @enstek untuk dibangunkan sebagai institusi pendidikan dan pusat latihan. Sehingga 2004, THProp telah berjaya menjual seluas 1,055 ekar tanah kepada pelbagai pihak termasuk:

- Jabatan Audit Negara yang sedang membina Akademi Audit Negara di atas tanah seluas 20 ekar yang dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan 2005.
- Kementerian Pendidikan Malaysia yang akan membangunkan sebuah institusi pendidikan di atas tanah seluas 1,000 ekar.
- Industri Tech Sdn Bhd yang akan membangunkan Cempaka Ladies College di atas tanah seluas 35 ekar.

Di samping itu, Universiti Teknologi Malaysia juga telah bersetuju untuk menempatkan Pusat Chemical Engineering Pilot Plant (CEPP) di kompleks pejabat @enstek bermula suku kedua 2005.

### Perindustrian

Di @enstek juga, telah dirancang dan diperuntukkan lebih 700 ekar tapak pembangunan yang dikenali sebagai techpark@enstek dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur untuk ditawarkan kepada sektor perindustrian. Antara sektor perindustrian yang telah menjadi sebahagian daripada pemangkin ekonomi @enstek sepanjang 2004 termasuk:

- Stevian Biotechnology Corporation Sdn Bhd yang telah memulakan operasi penghasilan produk bio-kimia dan pemanis buatan berasaskan herba pada awal 2004 di atas tanah seluas 2.47 ekar.
- Felda Agricultural Services Sdn Bhd yang bersetuju untuk menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan di atas tanah seluas 12.13 ekar.

- YHI Manufacturing (M) Sdn Bhd yang bersetuju untuk membina kilang pengeluaran bagi rantau Asia Tenggara. Operasi kilang dijangka bermula pada 2006 dengan jumlah pengeluaran tahunan dijangka mencecah 180,000 unit.
- Tropical Botanics Sdn Bhd yang bersetuju untuk mendirikan pusat kajian dan pembangunan di atas tanah seluas 3.5 ekar bagi mengkomersialkan produk "Alterni" yang berasaskan herba seperti daun pegaga ke seluruh dunia.
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang bersetuju untuk mendirikan pusat kajian, pembangunan dan latihan di atas tanah seluas 20 ekar.

Manakala di Sri Manjung, THProp telah berjaya menarik minat UMW Toyota untuk menempatkan Pusat Jualan, Servis dan Alat Ganti (3S) di atas tanah seluas 3 ekar.

### Perancangan THProp untuk Tahun 2005

Perancangan teliti telah dibuat dan akan dilaksanakan untuk memastikan prestasi pada tahun 2005 akan bertambah baik berbanding tahun 2004.

Antara perancangan yang dibuat adalah seperti pelancaran produk rumah teres yang akan dikenali sebagai cenderawasih@enstek dan produk bangunan komersial yang akan dikenali sebagai village@enstek bagi melengkapkan lagi pilihan kediaman dan kemudahan yang bersesuaian untuk segenap peringkat. Di samping itu, perancangan juga telah diatur untuk melancarkan produk rumah teres di Warisan Puteri serta produk bangunan komersial.

Selain daripada produk kediaman, perbincangan juga telah diusahakan dengan pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa, selain daripada jabatan-jabatan Kerajaan untuk menempatkan operasi mereka di techpark@enstek. Sesungguhnya 2005 bakal memberikan kejayaan yang lebih besar, InsyaAllah.



Projek pembangunan hartanah di Bandar Enstek (@enstek).



Pelan pembangunan Bandar Enstek (@enstek).

### TH TRAVEL & SERVICES

TH Travel & Services Sdn Bhd (THTS) telah ditubuhkan bagi menawarkan perkhidmatan pakej premium haji and umrah

#### Haji

Bagi tahun 2004, THTS telah berkesempatan mengendalikan operasi haji bagi dua musim; Musim Haji 1424H dan 1425H yang merangkumi Pakej Haji, Perkhidmatan Haji dan Katering Haji.

#### ■ Pakej Haji

Bilangan jemaah haji yang mengikuti kedua-dua musim haji 1424H dan 1425H adalah masing-masing 3,201 dan 3,648.

Jenis Pakej yang disediakan oleh THTS bagi kedua-dua musim adalah seperti berikut:-

#### MUSIM HAJI 1424 H

Jenis Pakej	Harga (RM)
Pakej Delima	12,990
Pakej Fairuz	13,990
Pakej Firdous	15,990
Pakej Nilam	25,990
Pakej Zamrud	29,990
Pakej Dar Eiman (B3)	51,800
Pakej Dar Eiman (A2)	54,800

#### MUSIM HAJI 1425 H

Jenis Pakej	Harga (RM)
Pakej Delima	13,990
Pakej Intan	14,790
Pakej Fairuz	15,990
Pakej Baiduri	16,090
Pakej Baiduri Khas	19,990
Pakej Firdous	17,090
Pakej Firdous Khas	19,990
Pakej Nilam	30,990
Pakej Zamrud	34,990
Pakej Dar Eiman (B3)	46,990
Pakej Dar Eiman (A2)	49,990

Pengurusan telah berusaha untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan pakej bagi memberi keselesaan dan kepuasan jemaah menunaikan fardu haji.

Beberapa strategi penambahbaikan telah dilaksanakan, merangkumi perkara-perkara berkaitan dengan;

- muatan bilik penginapan jemaah yang selesa
- sajian makanan ala Malaysia
- ceramah agama yang bermodul
- perkhidmatan pelanggan, menggunakan modul 'Standard People Practice'
- penyeragaman saluran maklumat
- penubuhan jawatankuasa kebajikan jemaah
- kawalan dalaman pengurusan kewangan operasi

#### ■ Perkhidmatan Haji

Syarikat penerbangan Malaysia MAS dan SAUDIA telah membawa jemaah haji Malaysia untuk menunaikan fardu haji bagi musim 1424H dan 1425H.

Operasi untuk kedua-dua fasa, Fasa 1 (keberangkatan pergi) dan Fasa 2 (keberangkatan balik) bagi Musim 1424H dan 1425H berjalan dengan baik dan dari segi ketetapan masa adalah memuaskan.

Urusan-urusan lain seperti pemerosesan passport, penyediaan 'manifest', pengangkutan bas ke lapangan terbang, sambutan dan ketibaan tidak menghadapi sebarang masalah yang besar.

#### ■ Katering Haji

Bagi musim 1424H dan 1425H, THTS telah menyediakan dua bentuk perkhidmatan, Katering Jemaah Haji Pakej dan Katering Jemaah Haji Muassasah.



Perkhidmatan Katering Haji oleh THTS



## TINJAUAN OPERASI

### SEKTOR PELANCONGAN & PERKHIDMATAN

Untuk mengusahakan kedua-dua bentuk perkhidmatan tersebut, THTS telah menjalin usahasama dengan beberapa kontraktor Arab Saudi di Makkah, Madinah dan Jeddah seperti berikut:

#### Musim Haji I424H

Jemaah Haji	Makkah	Madinah	Jeddah
Muassasah	4	2	1
Pakej Haji	1	1	Tiada (Bufet Hotel)

#### Musim Haji I425H

Jemaah Haji	Makkah	Madinah	Jeddah
Muassasah	9	3	1
Pakej Haji	1	1	Tiada (Bufet Hotel)

Bagi jemaah haji pakej THTS sajian sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam disediakan secara bufet. Di samping itu, minuman panas dan roti juga disediakan sepanjang masa. Manakala bagi jemaah Haji Muassasah, sajian makanan secara 'pack' disediakan untuk makan tengahari dan makan malam.

#### Umrah

Prestasi pakej umrah bagi tahun 2004 memperlihatkan pencapaian yang positif.

Dalam usaha memantapkan tahap perkhidmatan pakej umrah bagi musim ini, pengurusan THTS bersama operator Umrah di Arab Saudi telah mengusahakan beberapa penambahbaikan, merangkumi pemilihan hotel penginapan jemaah yang lebih selesa, perkhidmatan catering yang lebih efisien dan pemantapan saluran maklumat dan program promosi yang agresif.



Rombongan Haji DYMM.TuanKu Sultan Selangor bersama-sama jemaah Haji Malaysia di Arafah Musim Haji I425H.

Pakej Umrah yang disediakan pada tahun 2004 adalah seperti berikut:

- Pakej Umrah 2004
- Pakej Umrah Ramadan, Awal, Pertengahan dan Akhir serta sebulan
- Pakej Umrah Plus, ke Turki, Syria, dan Iran
- Pakej Umrah Kembara Matahati
- Pakej Umrah Kursus Haji

Semua pakej-pakej umrah THTS dibahagikan kepada tiga kategori; Delima, Fairuz dan Zamrud.



Destinasi pelancongan THTS.



### Pelancongan

Prestasi bahagian pelancongan di THTS bagi tahun 2004 telah menunjukkan pencapaian yang menggalakkan.

Beberapa pakej pelancongan domestik dan luar negeri telah diperkenalkan dalam tahun 2004.

Di antara pakej pelancongan domestik ialah Pakej Kepulauan seperti Pulau Pinang, Langkawi, Pangkor dan Tioman Pakej Warisan di Perak dan Pakej Budaya di Sarawak.

Beberapa pakej pelancongan luar negeri yang telah mendapat sambutan baik dan menggalakkan ialah Pakej Indonesia, China dan Thailand.

Dalam masa yang sama, THTS juga menyediakan pakej pelancongan ke Eropah, Vietnam, Korea, Afrika, Australia, New Zealand dan Negara-negara di Timur Tengah.

Setiap pakej THTS menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti serta peradaban Muslim seperti makanan halal dan mengambilkira waktu solat.

### Penjualan Tiket Kapal terbang

THTS adalah 'bona fide accredited IATA agent' yang menjual terus tiket kepada pelanggan dari pejabat dengan kemudahan yang disediakan oleh syarikat penerbangan.

THTS mempunyai 6 cawangan yang memberi kemudahan penjualan tiket kapal terbang ke dalam dan luar negeri termasuk penyediaan perkhidmatan pakej haji, umrah serta pelancongan:-

1. Cawangan Kuala Lumpur
2. Cawangan Pulau Pinang
3. Cawangan Kota Bharu
4. Cawangan Johor Bahru
5. Cawangan Kota Kinabalu
6. Cawangan Kuching

Cawangan THTS di Kuala Lumpur telah dianugerahkan "Golden Award 2003/2004 - Outstanding Sales Achievement" oleh MAS pada 6 Disember 2004. Anugerah ini diberikan oleh MAS kepada agensi penerbangan yang berjaya memperolehi jualan tiket penerbangan MAS melebihi RM4 juta dalam tempoh satu bulan.




Tengku Mahkota Kelantan semasa menunaikan haji bersama pakej haji THTS


# Statistik




Bilangan Pendeposit




Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit






Simpanan Dan Pengeluaran Semasa Musim Haji



Simpanan Dan Pengeluaran




Pendeposit Baru






Perincian Pendapatan

Keuntungan Penjualan Saham	RM 215.5 juta
Pelaburan Kewangan dan Al Mudharabah	RM 150.3 juta
Dividen Saham	RM 255.7 juta
Sewa	RM 48.9 juta
Keuntungan Pembiayaan Anak-anak Syarikat	RM 137.6 juta
Pelbagai Pendapatan	RM 29.8 juta
Jumlah	RM 837.8 juta




# STATISTIK



## Perincian Pelaburan

Pelaburan Ekuiti	RM 3,881.4 juta
Syarikat Bersekutu	RM 1,047.5 juta
Anak Syarikat	RM 351.6 juta
Pembiayaan kepada Anak Syarikat	RM 1,419.7 juta
Pelaburan Mudharabah	RM 1,983.1 juta
Pelaburan Kewangan	RM 1,658.8 juta
Hartanah	RM 1,851.4 juta
Jumlah	RM 12,193.5 juta





# P E N Y A T A Kewangan

## Kandungan Penyata Kewangan


- 64 Sijil Ketua Audit Negara
- 65 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- 66 Pengakuan oleh Pegawai Utama Pengurusan Kewangan

## Penyata Kewangan

- 67 Lembaran Imbangan yang Disatukan
- 69 Penyata Pendapatan yang Disatukan
- 70 Penyata Perubahan Rizab yang Disatukan
- 72 Penyata Aliran Tunai yang Disatukan
- 74 Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## Financial Statements

- 110 Consolidated Balance Sheet
- 112 Consolidated Income Statements
- 113 Consolidated Statement of Changes In Equity
- 115 Consolidated Cash Flow Statements
- 117 Notes to The Financial Statements



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA TABUNG HAJI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji bagi tahun berakhir 31 Disember 2004. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 Disember 2004, hasil operasi serta aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Lembaga Tabung Haji dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.

  
(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL )  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
19 MEI 2005




# Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004


Kami, **TAN SRI DATO' ZAINOL BIN MAHMOOD** dan **DATO' MOHD BAKKE BIN SALLEH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan di muka surat 67 hingga 108 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 Disember 2004 dan hasil kendaliannya serta aliran tunai Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,



**TAN SRI DATO' ZAINOL BIN MAHMOOD**  
**PENGERUSI**



**DATO' MOHD BAKKE BIN SALLEH**  
**PENGARAH URUSAN KUMPULAN**  
**DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

Tarikh: 25 April 2005

Tarikh: 25 April 2005

Lembaga Tabung Haji  
201, Jalan Tun Razak  
Peti Surat 11025  
50732 KUALA LUMPUR

Lembaga Tabung Haji

# Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke atas Pengurusan Kewangan Lembaga Tabung Haji

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004

Saya **ROZAIDA BINTI OMAR**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **LEMBAGA TABUNG HAJI** dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 di muka surat 67 hingga 108 mengikut sebaik-baik pengetahuan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
 diakui oleh penama di atas )  
 di Kuala Lumpur )  
 pada : 25 April 2005 )

  
**PENGURUS BESAR KANAN**  
 Jabatan Kewangan  
 LEMBAGA TABUNG HAJI

Di hadapan saya

  
 W 269  
 Ahmed Khalil b. Mohamed Ali  
 PESURUHJAYA SUMPAAH

Balai Permodalan Nasional Berhad  
 201A, Jalan Tun Razak  
 50400 Kuala Lumpur.

## Lembaran Imbangan Yang Disatukan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004

	Nota	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
		2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	2	2,802,107	2,663,618	1,885,899	1,855,433
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	3	–	–	351,580	410,049
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	4	1,281,179	1,071,623	1,047,510	877,727
Pembiayaan kepada anak-anak syarikat	5	–	–	1,419,635	1,284,958
Entiti dikawal bersama	6	9,595	8,934	–	–
Pelaburan ekuiti	7	3,772,604	3,587,316	3,881,413	3,696,183
Pelaburan kewangan	8	1,440,800	1,623,524	1,440,800	1,623,199
Tanah untuk pembangunan hartanah	9	1,858	4,692	–	–
Kos pembangunan hartanah	10	147,454	132,664	–	–
Perbelanjaan pembangunan ladang	11	325,931	441,814	–	–
Cukai tertunda	12	31,663	33,087	–	–
		<b>9,813,191</b>	<b>9,567,272</b>	<b>10,026,837</b>	<b>9,747,549</b>
<b>Aset Semasa</b>					
Inventori	13	46,165	26,327	–	–
Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak	14	12,925	50,200	–	–
Kos pembangunan hartanah	10	42,678	36,114	–	–
Pelaburan kewangan jangka pendek	15	217,997	147,707	217,997	147,707
Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang	16	471,654	468,038	340,365	299,485
Tunai dan bersamaan tunai	17	2,484,339	2,039,532	2,185,647	1,652,696
		<b>3,275,758</b>	<b>2,767,918</b>	<b>2,744,009</b>	<b>2,099,888</b>
<b>Tanggungjawab semasa</b>					
Pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang	18	635,535	468,643	331,172	211,921
Jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak	14	30,380	13,909	–	–
Pajakan kewangan	19	301	800	–	–
Pembiayaan	20	2,039	19,585	–	–
Peruntukan cukai		7,993	25,820	–	–
		<b>676,248</b>	<b>528,757</b>	<b>331,172</b>	<b>211,921</b>
<b>Aset semasa bersih</b>		<b>2,599,510</b>	<b>2,239,161</b>	<b>2,412,837</b>	<b>1,887,967</b>
		<b>12,412,701</b>	<b>11,806,433</b>	<b>12,439,674</b>	<b>11,635,516</b>

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Lembaran Imbangan Yang Disatukan (sambungan)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004

	Nota	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
		2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
<b>Dibiayai oleh :</b>					
<b>Rizab</b>					
Rizab		203,392	402,216	340,854	335,166
Kumpulan wang simpanan pendeposit	21	12,085,422	11,286,641	12,085,422	11,286,641
		12,288,814	11,688,857	12,426,276	11,621,807
Kepentingan pihak minoriti		75,111	65,249	—	—
<b>Tanggungan jangka panjang dan pendapatan tertunda</b>					
Pajakan kewangan	19	296	646	—	—
Pembiayaan	20	10,053	12,092	—	—
Cukai tertunda	12	24,011	24,862	—	—
Pendapatan tertunda	22	14,416	14,727	13,398	13,709
		48,776	52,327	13,398	13,709
		12,412,701	11,806,433	12,439,674	11,635,516

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 74 hingga 108 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

## Penyata Pendapatan Yang Disatukan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004

	Nota	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
		2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Hasil		1,460,024	1,443,348	807,949	665,980
Kos jualan		(764,156)	(809,150)	–	–
<b>Keuntungan kasar</b>	23	<b>695,868</b>	634,198	<b>807,949</b>	665,980
Perbelanjaan pentadbiran		(185,707)	(176,418)	(155,647)	(139,046)
Pelbagai perbelanjaan operasi		(74,769)	(63,225)	(50,853)	(41,415)
Pendapatan lain		51,021	71,776	29,809	21,973
<b>Keuntungan operasi</b>	24	<b>486,413</b>	466,331	<b>631,258</b>	507,492
Kos kewangan		(4,493)	(611)	–	–
Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu		109,783	129,987	–	–
Bahagian keuntungan dalam entiti dikawal bersama	6	661	558	–	–
Peruntukan dan hapuskira	25	(138,196)	(74,288)	(100,926)	(76,403)
<b>Keuntungan sebelum cukai dan zakat</b>		<b>454,168</b>	521,977	<b>530,332</b>	431,089
Cukai	26	(24,183)	(51,460)	–	–
Zakat	27	(33,314)	(16,886)	(30,711)	(14,477)
<b>Keuntungan selepas cukai dan zakat</b>		<b>396,671</b>	453,631	<b>499,621</b>	416,612
Kepentingan pihak minoriti		(8,651)	(14,285)	–	–
<b>Keuntungan bersih bagi tahun semasa</b>		<b>388,020</b>	439,346	<b>499,621</b>	416,612

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 74 hingga 108 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Penyata Perubahan Rizab Yang Disatukan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004

Kumpulan	Nota	Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan		Jumlah RM'000
		Rizab modal RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Rizab tersimpan TKJHM dan TWT RM'000	Rizab tukaran asing RM'000	Keuntungan tersimpan RM'000	
<b>Baki pada 1 Januari 2003</b>		573	908	63,039	42,325	221,265	328,110
Kesan amalan dasar perakaunan MASB 32	33	–	–	–	–	(2,505)	(2,505)
		<b>573</b>	<b>908</b>	<b>63,039</b>	<b>42,325</b>	<b>218,760</b>	<b>325,605</b>
Defisit bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	28	–	–	(3,031)	–	–	(3,031)
Keuntungan bersih tahun semasa		–	–	–	–	439,346	439,346
Bonus dikreditkan kepada pendeposit	29	–	–	–	–	(411,472)	(411,472)
Perbezaan tukaran wang asing*		–	–	–	51,768	–	51,768
<b>Baki pada 31 Disember 2003</b>		<b>573</b>	<b>908</b>	<b>60,008</b>	<b>94,093</b>	<b>246,634</b>	<b>402,216</b>
Defisit bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	28	–	–	(11,777)	–	–	(11,777)
Keuntungan bersih tahun semasa		–	–	–	–	388,020	388,020
Bonus dikreditkan kepada pendeposit	29	–	–	–	–	(482,156)	(482,156)
Perbezaan tukaran wang asing*		–	–	–	(92,911)	–	(92,911)
<b>Baki pada 31 Disember 2004</b>		<b>573</b>	<b>908</b>	<b>48,231</b>	<b>1,182</b>	<b>152,498</b>	<b>203,392</b>

\* Keuntungan/kerugian tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan

TKJHM merujuk kepada Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia dan TWT merujuk kepada Tabung Warga Tua.

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 74 hingga 108 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

## Penyata Perubahan Rizab

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004

Lembaga Tabung Haji	Nota	Rizab tersimpan TKJHM dan TWT (Tidak boleh diagihkan) RM'000	Keuntungan tersimpan (Boleh diagihkan) RM'000	Jumlah RM'000
<b>Baki pada 1 Januari 2003</b>		<b>63,039</b>	<b>270,018</b>	<b>333,057</b>
Defisit bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	28	(3,031)	–	(3,031)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		–	416,612	416,612
Bonus dikreditkan kepada pendeposit	29	–	(411,472)	(411,472)
<b>Baki pada 31 Disember 2003</b>		<b>60,008</b>	<b>275,158</b>	<b>335,166</b>
Defisit bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	28	(11,777)	–	(11,777)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		–	499,621	499,621
Bonus dikreditkan kepada pendeposit	29	–	(482,156)	(482,156)
<b>Baki pada 31 Disember 2004</b>		<b>48,231</b>	<b>292,623</b>	<b>340,854</b>

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 74 hingga 108 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
<b>Aliran tunai dari aktiviti operasi</b>				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	454,168	521,997	530,332	431,089
Pelarasan untuk:				
Susutnilai	93,050	73,866	40,646	31,925
Keuntungan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	(3,004)	(38,882)	(161)	(38,624)
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	3	216	–	–
Dividen bersih syarikat bersekutu	–	–	(26,847)	(28,757)
Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu	(109,783)	(129,987)	–	–
Bahagian keuntungan dalam entiti dikawal bersama	(661)	(558)	–	–
Keuntungan daripada jualan pelaburan saham	(216,596)	(131,338)	(215,473)	(131,338)
Keuntungan pembiayaan kepada anak syarikat	–	–	(137,535)	(113,081)
Peruntukan rosotnilai pelaburan kewangan	11,174	8,650	11,174	8,650
Peruntukan rosotnilai pelaburan saham	39,285	38,433	39,285	38,433
Peruntukan rosotnilai hartanah	17,488	–	16,272	–
Pelaburan dihapuskira	29,343	25,391	32,671	28,734
Peruntukan rosotnilai saham diambil semula	(2,498)	(31,996)	(2,498)	(31,996)
Peruntukan rosotnilai hartanah diambil semula	(579)	–	–	–
Pelunasan pendapatan tertunda	(311)	(1,851)	(311)	(1,851)
Keuntungan tukaran wang asing	(5,870)	(6,916)	(5,692)	(6,673)
Pelunasan premium sekuriti hutang Islam	5,229	–	5,229	–
Kos kewangan	4,493	611	–	–
Keuntungan operasi sebelum pergerakan dalam modal kerja (Penambahan)/Pengurangan dalam modal kerja:	314,931	327,636	287,092	186,511
Inventori	(19,837)	1,501	–	–
Pelaburan kewangan jangka pendek	(70,290)	(20,180)	(70,290)	(20,180)
Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang	(3,616)	102,119	(49,867)	286,525
Pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang	166,891	(261,119)	104,600	(209,400)
Tunai diperolehi dari aktiviti operasi	388,079	149,957	271,535	243,456
Bayaran bonus kepada pendeposit	(482,156)	(411,472)	(482,156)	(411,472)
Bayaran zakat	(16,999)	(16,886)	(16,062)	(14,477)
Bayaran cukai	(48,419)	(24,884)	–	–
Perbelanjaan pembangunan ladang	(46,748)	(46,520)	–	–
Perbelanjaan pembangunan hartanah	(48,032)	65,974	–	–
Bayaran kerja dalam pembinaan	(96,815)	(510,387)	–	–
Bayaran kemajuan	150,561	471,902	–	–
Hasil daripada jualan tanah untuk pembangunan hartanah	6,194	–	–	–
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi</b>	<b>(194,335)</b>	<b>(322,316)</b>	<b>(226,683)</b>	<b>(182,493)</b>

## Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan (sambungan)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2004

	Nota	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
		2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
<b>Aliran tunai dari aktiviti pelaburan</b>					
Hasil dari jualan hartanah, loji dan peralatan		26,862	50,577	3,280	49,161
Hasil dari jualan syarikat bersekutu		4,525	55,320	4,525	55,320
Hasil dari jualan anak syarikat		–	–	54,748	–
Belian hartanah, loji dan peralatan		(193,955)	(113,472)	(90,712)	(61,401)
Pelaburan dalam anak-anak syarikat		–	–	–	(4,593)
Pelaburan dalam syarikat bersekutu		(30,533)	(22,582)	(30,533)	(22,582)
Pelaburan bersih dalam saham		(177,139)	(110,466)	(177,139)	(110,466)
Pelaburan kewangan		164,596	(54,325)	164,596	(54,325)
Pembiayaan kepada anak syarikat		–	–	2,127	(177,530)
Dividen dari syarikat bersekutu		26,847	37,911	26,847	28,757
Perbezaan tukaran wang asing		46,663	(21,785)	5,692	6,673
Hasil pelaburan Mudharabah TWT		85	79	85	79
Kos kewangan		(4,493)	(611)	–	–
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(136,542)</b>	<b>(179,354)</b>	<b>(36,484)</b>	<b>(290,907)</b>
<b>Aliran tunai dari aktiviti kewangan</b>					
Kumpulan simpanan wang pendeposit		798,781	1,016,236	798,781	1,016,236
Bayaran balik pembiayaan (Pembayaran)/Penerimaan dari overdraf		(7,555)	(17,190)	–	–
Pembayaran pajakan kewangan		(12,030)	1,136	–	–
		(849)	(1,554)	–	–
<b>Tunai bersih diperolehi dari aktiviti kewangan</b>		<b>778,347</b>	<b>998,628</b>	<b>798,781</b>	<b>1,016,236</b>
<b>Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai (Pengurangan) / Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai TKJHM</b>		<b>447,470</b>	<b>496,958</b>	<b>535,614</b>	<b>542,836</b>
		<b>(2,663)</b>	<b>888</b>	<b>(2,663)</b>	<b>888</b>
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun</b>	17	<b>2,039,532</b>	<b>1,541,686</b>	<b>1,652,696</b>	<b>1,108,972</b>
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun</b>	17	<b>2,484,339</b>	<b>2,039,532</b>	<b>2,185,647</b>	<b>1,652,696</b>
Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:					
Baki tunai dan di bank	17	388,538	315,343	202,524	108,336
Pelaburan dalam simpanan jangka pendek	17	2,095,801	1,724,189	1,983,123	1,544,360
		<b>2,484,339</b>	<b>2,039,532</b>	<b>2,185,647</b>	<b>1,652,696</b>

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 74 hingga 108 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

### I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting

Kegiatan-kegiatan utama Lembaga Tabung Haji ("LTH") adalah menjalankan pengurusan segala operasi haji, menerima dan mengurus wang simpanan daripada para pendeposit, memegang pelaburan dan menyewa bangunan. Manakala kegiatan-kegiatan utama anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3 kepada penyata kewangan. Tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara di dalam kegiatan-kegiatan utama ini di sepanjang tahun kewangan.

LTH ialah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia, Akta 8 Lembaga Urusan dan Tabung Haji, 1969, Akta A168 Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973 dan Akta 535 Tabung Haji, 1995.

Lokasi utama perniagaan terletak di Bangunan Tabung Haji, 201 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Bilangan pekerja Kumpulan pada akhir tahun kewangan adalah seramai 18,582 orang (2003 - 16,713 orang) manakala bilangan pekerja bagi LTH adalah 1,581 orang (2003 - 1,542 orang).

Penyata kewangan ini telah diterima dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 25 April 2005.

Dasar-dasar perakaunan yang diamalkan oleh Kumpulan dan LTH di nota (a) hingga (x) adalah sejajar dengan dasar-dasar yang diamalkan pada tahun-tahun yang lalu. Dasar baru yang diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") yang diterima pakai dan dasar baru yang diamalkan oleh Kumpulan dan LTH mulai tahun 2004 adalah seperti berikut:

- (a) MASB 32, "Property Development Activities" yang dikenakan secara retrospektif. Angka perbandingan telah dinyatakan semula supaya selari dengan perubahan dasar perakaunan Kumpulan; dan
- (b) Dasar pelaburan terhadap sekuriti hutang Islam.

#### (a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan LTH telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang telah diluluskan di Malaysia serta diubahsuai menurut kehendak hukum-hukum syarak.

#### (b) Asas penyatuan

Anak syarikat adalah perusahaan-perusahaan di bawah kawalan LTH. Kawalan wujud apabila LTH mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah perusahaan dengan tujuan untuk mendapat faedah daripada aktiviti perusahaan tersebut. Penyata kewangan anak syarikat diambillikira ke dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh berkuatkuasa kawalan sehingga ke tarikh berkuatkuasa kawalan berakhir. Anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan untuk pengambilalihan.

Sesebuah anak syarikat dikeluarkan dari penyatuan apabila kawalan hanya untuk sementara waktu jika anak syarikat itu diambilalih dan dipegang secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual pada masa hadapan yang terdekat dan tidak disatukan sebelumnya atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang menjejaskan dengan ketara keupayaannya untuk memindahkan dana kepada syarikat. Anak-anak syarikat yang dikeluarkan berdasarkan alasan ini diambillikira sebagai pelaburan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (b) Asas penyatuan (sambungan)

Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih anak syarikat ini dikira sebagai muhibah atau rizab penyatuan, mana-mana yang bersesuaian.

Mengikut kaedah perakaunan untuk pengambilalihan, kedudukan kewangan anak syarikat yang diambilalih atau dijual bagi sepanjang tahun perakaunan diambilkira dari tarikh pengambilalihan atau sehingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama ke atas aset bersih anak syarikat ditentukan dan nilai ini diambilkira ke dalam penyata kewangan Kumpulan.

Semua urusan dan baki di antara syarikat-syarikat dan sebarang keuntungan belum realis yang terbit dari urusan tersebut dihapuskan dalam penyatuan. Kerugian yang belum direalisasi yang terhasil daripada urusan dalam Kumpulan juga dihapuskan kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

Pada pendapat Para Pengarah salah satu anak syarikat, TH Agro Sdn. Bhd., tidak lagi mempunyai kawalan efektif ke atas aset dan pengurusan anak syarikatnya, Tabung Haji-Janoub Phils Plantation Inc., walaupun ia memegang kesemua ekuitinya. Oleh itu, Tabung Haji-Janoub Phils Plantation Inc. telah diambilkira sebagai pelaburan.

#### (c) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah perusahaan-perusahaan yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi perusahaan-perusahaan berkenaan.

Penyata kewangan yang disatukan mengambilkira jumlah keuntungan dan kerugian yang diiktiraf oleh syarikat bersekutu dengan menggunakan kaedah ekuiti bermula dari tarikh pengaruh penting wujud secara efektif sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir secara efektif.

Keuntungan belum realis yang wujud daripada urusan di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu yang termasuk di dalam nilai aset dan tanggungan berkaitan yang dibawa, sebahagiannya adalah dihapuskan mengikut kadar kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut. Kerugian belum direalisasi daripada urusan sedemikian juga dihapuskan sebahagiannya kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

Muhibah dari penyatuan dikira berdasarkan nilai saksama aset bersih yang diambilalih.

#### (d) Entiti dikawal bersama

Entiti dikawal bersama adalah satu perjanjian yang diikat di mana Kumpulan dan pihak-pihak lain mempunyai kawalan bersama ke atas entiti ekonomi.

Bagi kepentingan di dalam entiti dikawal bersama, Kumpulan menggunakan kaedah ekuiti untuk mengambilkira kepentingannya di dalam entiti dikawal bersama.

Keuntungan atau kerugian belum realis yang wujud daripada urusan di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat usahasama hanya diiktiraf mengikut kadar keuntungan atau kerugian yang menyumbang kepada kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat usahasama tersebut. Kerugian belum realis diiktiraf secara penuh apabila urusan itu menunjukkan pengurangan dalam nilai boleh realis bersih aset semasa atau kerugian rosotnilai.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (e) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan kecuali tanah milikbebas dan kerja dalam pembinaan dinyatakan pada kos/penilaian ditolak susutnilai terkumpul.

Hartanah, loji dan peralatan yang tidak lagi digunakan secara aktif dan dipegang untuk dijual semula dinyatakan pada nilai terendah antara nilai buku dan nilai boleh diperolehi.

Tanah milikpajak jangka panjang bagi salah satu anak syarikat telah dinilai semula buat pertama kalinya oleh para Pengarah dalam tahun 1992 berdasarkan nilai pasaran semasa untuk tujuan usahasama. Para Pengarah berpendapat bahawa polisi perakaunan yang wajar untuk tanah milikpajak jangka panjang yang digunakan untuk perladangan kelapa sawit tersebut adalah pada nilai kos. Dengan itu, penilaian semula dalam tahun 1992 adalah dianggap sebagai kos.

Para Pengarah berpendapat bahawa nilai pasaran semasa bagi tanah milikpajak jangka panjang yang telah dinilai semula adalah melebihi nilai buku bersihnya.

Lebih yang wujud daripada penilaian semula bagi salah satu anak syarikat yang lalu diambilkira ke dalam rizab penilaian semula. Sebarang defisit yang timbul dihapuskan di dalam rizab penilaian semula terhadap kepada penambahan nilai aset yang sama di masa lepas. Di dalam keadaan lain, penurunan dalam nilai dibawa akan dikenakan ke penyata pendapatan.

#### Susutnilai

(i) Tanah milikbebas dan kerja dalam pembinaan tidak dilunaskan. Kaedah garis lurus digunakan untuk menghapuskan kos aset yang lain bagi tempoh usia guna pada asas kadar tahunan berikut:

Bangunan	
- Kilang kelapa sawit	2%
- Lain-lain	2% - 20%
Pembaikan dan pengubahsuaian bangunan	14% - 15%
Jentera, loji, kelengkapan dan kenderaan	10% - 25%

(ii) Hak guna tanah dilunaskan mengikut kadar yang sama setiap tahun dan dalam tempoh antara 30 hingga 97 tahun.

(iii) Ladang mengandungi kesemua perbelanjaan pembangunan dan penanaman yang berkaitan dengannya dan dilunaskan dalam tempoh 21 hingga 25 tahun berdasarkan anggaran keluaran tahunan.

(iv) Tanah milikpajak dilunaskan mengikut kadar yang sama setiap tahun sepanjang tempoh pajakan di antara 20 hingga 999 tahun.

#### (f) Aset tak ketara

Muhibah

Muhibah adalah merupakan lebih dari kos pengambilalihan ke atas nilai saksama aset bersih yang diperolehi. Muhibah atas penyatuan telah dihapuskan ke dalam penyata pendapatan.

## I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

### (g) Pajakan kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan LTH menanggung kebanyakan risiko dan ganjaran pemilikan aset adalah pajakan kewangan. Aset yang diperolehi melalui pajakan kewangan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai saksama dan nilai kini bagi pembayaran minima pada tarikh permulaan pajakan tersebut, ditolak susutnilai terkumpul.

Untuk mengira nilai kini bayaran minima pajakan, kadar diskaun adalah kadar faedah tersirat di dalam pajakan; sekiranya praktikal, jika tidak, kadar tambahan pembiayaan Kumpulan akan digunakan.

### (h) Pelaburan

Pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos, tolak peruntukan rosotnilai apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud penurunan bukan bersifat sementara terhadap nilai pelaburan tersebut.

Pelaburan dalam saham tercatat dan saham tidak tercatat dinyatakan pada kos, tolak peruntukan rosotnilai apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud penurunan bukan bersifat sementara terhadap nilai pelaburan tersebut.

Dalam tahun semasa, LTH telah mengubah dasar perakaunannya terhadap pelaburan sekuriti hutang Islam. Pengamalan dasar ini tidak mendatangkan kesan yang ketara kepada penyata kewangan tahun-tahun terdahulu, maka angka perbandingan tidak dinyatakan semula. Dasar perakaunan baru terhadap pelaburan sekuriti hutang Islam adalah seperti berikut:

Pelaburan dalam sekuriti hutang Islam yang dipegang untuk tempoh jangka panjang dinyatakan pada kos (diselaras dengan pelunasan terhadap premium dan tambahan terhadap diskaun dengan kaedah kadar tetap efektif hingga tarikh matang), tolak peruntukan rosotnilai apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud penurunan bukan bersifat sementara terhadap nilai pelaburan tersebut.

### (i) Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang

Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang dinyatakan pada kos, selepas ditolak peruntukan hutang ragu.

### (j) Pemiutang

Pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang dinyatakan pada kos.

### (k) Tanah untuk pembangunan hartanah

Tanah untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah atau sebahagian daripada tanah yang mana tiada aktiviti pembangunan telah dijalankan atau yang mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan. Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasikan sebagai aset jangka panjang dan dinyatakan pada kos tolak rosotnilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasikan semula sebagai kos pembangunan tanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan apabila dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan tersebut dapat disiapkan dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan.

Kos yang berkaitan dengan pembelian tanah adalah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (l) Kos pembangunan tanah

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada kos yang berkaitan dengan pembelian tanah dan kesemua kos yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang dapat diuntukkan kepada aktiviti-aktiviti terbabit menggunakan kaedah yang munasabah.

Kos yang dibelanjakan ke atas projek pembangunan yang mana aktiviti pembangunan tersebut dijangka akan siap dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan selama 2 atau 3 tahun diklasifikasikan sebagai aset semasa. Kos umum diuntukkan ke projek pembangunan masa hadapan yang berada dalam lokasi geografi yang sama dengan projek pembangunan sediaada diklasifikasikan sebagai aset jangka panjang.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh diperolehi.

Lebih pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas jumlah yang dituntut daripada pembeli dinyatakan sebagai bil terakru dalam penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang, manakala lebih jumlah yang dituntut daripada pembeli ke atas jumlah pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan dinyatakan sebagai bil kemajuan dalam pemiutang perniagaan dan pelbagai penghutang.

#### (m) Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak

Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak bagi kontrak pembinaan dinyatakan pada kos ditambah keuntungan yang diperolehi, ditolak kerugian yang dijangka dan ditolak bil kemajuan. Kos yang diambilkira termasuk semua kos pembinaan langsung dan lain-lain kos yang berkaitan. Apabila bil kemajuan melebihi jumlah yang terhutang daripada pelanggan kontrak ditambah keuntungan yang diperolehi dan ditolak kerugian yang dijangka, baki kredit bersih dalam setiap kontrak tersebut ditunjukkan dalam pelbagai pemiutang sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak.

#### (n) Inventori

##### (i) Pembangunan hartanah

Hartanah yang telah siap dan dipegang untuk dijual semula dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh diperolehi. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah pengenalan khusus dan ianya termasuk tanah, semua kos langsung bangunan dan lain-lain kos pembangunan yang berkaitan.

##### (ii) Lain-lain inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih dengan menggunakan kaedah purata wajar sebagai asas utama pengiraan kos.

Kos bagi stok barangan minyak sawit mentah ditentukan dengan menggunakan asas purata timbangan dan untuk stok pengeluaran, ianya menggunakan purata timbangan kos pengeluaran di ladang dan termasuk caj-caj pengilangan, pemprosesan dan pengangkutan, yang mana sesuai.

Barang-barang stor dinyatakan pada kos berdasarkan nilai yang diinvois oleh pembekal.

Stok ternakan dinilai pada kos. Kos merupakan nilai yang diinvois oleh pembekal dan kos penjagaan ternakan.

Tapak semeaian dinyatakan pada kos. Kos merupakan perbelanjaan penanaman dan penyelenggaraan anak pokok kelapa sawit sebelum dipindahkan ke ladang.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (o) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai. Untuk tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dinyatakan bersih dari overdraf bank dan deposit dicagarkan.

#### (p) Rosotnilai

Nilai dibawa bagi aset-aset Kumpulan dan LTH selain daripada inventori, aset cukai tertunda, aset yang wujud daripada kontrak pembinaan dan aset kewangan (selain dari pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat usahasama), disemak semula pada setiap tarikh lembaran imbangan untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk adanya rosotnilai. Jika petunjuk tersebut wujud, amaun penampungan tersebut akan dianggarkan. Kerugian rosotnilai akan diiktiraf apabila nilai dibawa bagi aset atau unit yang menghasilkan aliran tunai melebihi amaun penampungannya. Kerugian rosotnilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sebarang kenaikan dalam amaun penampungan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Amaun penampungan adalah lebih besar antara harga jualan bersih aset tersebut dan nilaigunaannya. Dalam menentukan nilaigunaan, anggaran nilai tunai masa depan akan didiskaunkan kepada nilai terkini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa tunai dan risiko-risiko khusus atas aset tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunai yang tersendiri, amaun penampungan ditentukan untuk unit yang menghasilkan aliran tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosotnilai akan diambilkira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun penampungan.

Kerugian rosotnilai hanya akan diambilkira semula jika terdapat perubahan dalam anggaran untuk amaun penampungan dan hanya akan diambilkira semula ke tahap nilai dibawa aset tersebut dan tidak melebihi nilai dibawa seperti jika tiada kerugian rosotnilai diiktiraf, setelah ditolak susutnilai atau pelunasan.

#### (q) Kos pembiayaan yang dipermodalkan

Kos pembiayaan yang terlibat dalam kerja kontrak dalam pembinaan, kos pembangunan hartanah dan jumlah kasar terhutang daripada pelanggan kontrak adalah dipermodalkan. Kos pembiayaan yang dipermodalkan akan berakhir apabila aset tersebut telah bersedia untuk digunakan bagi tujuan yang sepatutnya.

Kadar permodalan yang digunakan untuk menentukan jumlah kos pembiayaan yang layak untuk dipermodalkan ialah purata wajar kos pembiayaan yang berkaitan dengan pembiayaan anak syarikat yang masih belum dibayar sepanjang tahun, selain daripada pembiayaan yang dibuat khusus untuk membiayai kerja kontrak dalam pembinaan, hartanah dalam pembangunan, dan jumlah kasar terhutang daripada pelanggan kontrak, di mana dalam situasi ini kos pembiayaan sebenar yang terlibat dalam pembiayaan tersebut ditolak sebarang pendapatan dari pelaburan sementara ke atas pembiayaan tersebut, akan dipermodalkan.

Seandainya kerja-kerja aktif pembangunan tersebut tergendala, permodalan kos pembiayaan akan dihentikan sementara bagi sepanjang tempoh tersebut.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (r) Percukaian

Cukai di dalam penyata pendapatan mengandungi cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali ianya berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktiraf terus dalam rizab di mana ianya akan diiktiraf dalam rizab.

Perbelanjaan cukai semasa di dalam penyata pendapatan adalah jumlah cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh lembaran imbalan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu. Lembaga Tabung Haji dikecualikan dari cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 hingga tahun taksiran 2011.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah tanggungan untuk semua perbezaan masa yang terhasil di antara nilai dasar cukai aset serta tanggungan dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Perbezaan bersifat sementara tidak diiktiraf terhadap muhibah yang tidak dibenarkan bagi tujuan percukaian dan pada permulaan pengiktirafan aset atau tanggungan, di mana pada masa transaksi ianya tidak memberi kesan kepada keuntungan berkanun dan keuntungan yang boleh dikenakan cukai. Jumlah cukai tertunda yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada jangkaan cara realisasi atau penyelesaian bagi nilai dibawa aset atau tanggungan menggunakan kadar cukai diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh lembaran imbalan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap berkemungkinan terdapatnya keuntungan yang boleh dikenakan cukai di masa hadapan boleh diperolehi dari aset yang digunakan.

#### (s) Manfaat pekerja

##### (i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan-kakitangan Kumpulan dan LTH. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan yang akan meningkatkan kelayakan kakitangan ke atas cuti berbayar hadapan, dan cuti berbayar jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila cuti berlaku.

##### (ii) Pelan sumbangan persaraan

Kumpulan dan LTH membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen yang diiktiraf untuk kakitangan. Sumbangan ini merupakan pelan sumbangan tetap yang mana sumbangan ini diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

#### (t) Matawang asing

##### (i) Urusniaga matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga tersebut. Aset dan tanggungan matawang pada nilai matawang asing pada tarikh lembaran imbalan diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh tersebut. Perbezaan tukaran asing yang timbul akibat terjemahan, diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Aset dan tanggungan bukan matawang pada nilai matawang asing yang dinyatakan pada kos sejarah diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh urusniaga tersebut.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (t) Matawang asing (sambungan)

##### (ii) Penyata kewangan operasi asing

Operasi asing Kumpulan tidak dikira sebagai sebahagian daripada operasi penting LTH. Dengan itu, aset dan tanggungan operasi asing, termasuk muhibah dan nilai saksama yang telah diselaraskan dari penyatuan, diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran pada tarikh lembaranimbangan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar purata tukaran yang boleh digunakan sepanjang tahun. Perbezaan tukaran asing yang timbul dari terjemahan matawang asing diiktiraf terus ke dalam rizab.

Kadar penutupan yang digunakan dalam terjemahan aset dan tanggungan matawang asing dan penyata kewangan operasi asing adalah seperti berikut:

1 Rial Saudi	RM1.03	(2003 : 1 Rial Saudi	RM1.03)
1,000 Rupiah Indonesia	RM0.42	(2003 : 1,000 Rupiah Indonesia	RM0.45)
1 Dollar Amerika	RM3.80	(2003 : 1 Dollar Amerika	RM3.80)

#### (u) Pendapatan

##### (i) Pendapatan dari pelaburan

Pendapatan dari pelaburan yang menurut hukum-hukum syarak diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila ianya terakru.

Pendapatan daripada sumber bukan mengikut Syariah tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan, sejajar dengan garis panduan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

##### (ii) Barangan jualan dan perkhidmatan

Pendapatan daripada penjualan barangan dikira pada nilai saksama pendapatan yang akan diterima dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila semua risiko dan ganjaran hakmilik telah dipindahkan kepada pembeli.

Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan telah dilaksanakan. Apabila hasil dari urusaniaga itu tidak dapat dianggarkan secara tepat, pendapatan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang diiktiraf yang dapat diperolehi semula.

##### (iii) Kontrak pembinaan

Pendapatan daripada kontrak pembinaan yang berharga tetap diiktiraf menggunakan kaedah peratusan siap, dikira berpandukan bahagian kos kontrak yang dikenakan untuk kerja-kerja kontrak yang telah dilakukan sehingga kini yang menunjukkan kerja yang telah dilakukan berbanding jumlah anggaran kos kontrak.

Apabila hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan, pendapatan diiktiraf terhadap kepada kos kontrak yang dikenakan yang berkemungkinan akan dapat ditampung dan kos kontrak adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh masa ianya berlaku.

Kerugian yang dijangka ke atas sesuatu kontrak diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### I. Kegiatan-kegiatan utama dan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (iv) *Pembangunan hartanah*

Keuntungan dari pembangunan hartanah diiktiraf menggunakan kaedah peratusan siap yang diukur dengan merujuk kepada bahagian kos pembangunan hartanah yang terlibat dalam kerja-kerja yang dijalankan ke atas anggaran keseluruhan kos pembangunan hartanah.

Apabila kesan kewangan daripada aktiviti pembangunan hartanah tidak dapat dianggarkan secara kebolehpercayaan, pendapatan pembangunan hartanah diiktiraf hanya pada tahap di mana kos pembangunan hartanah terlibat mempunyai kemungkinan akan diperolehi semula, dan kos pembangunan hartanah ke atas unit pembangunan yang dijual adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku.

Sebarang kerugian yang dijangka akan berlaku, termasuk kos yang akan terlibat semasa tempoh kecacatan, akan dikenakan kepada penyata pendapatan secara serta-merta.

#### (v) *Pendapatan dividen*

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran dapat disahkan.

#### (v) *Perbelanjaan*

##### *Kos pembiayaan*

Semua kos pembiayaan dan lain-lain kos yang berkaitan dengan pembiayaan diambilkira di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku kecuali kos pembiayaan yang dipermudahkan seperti dinyatakan di dalam nota 1(q).

#### (w) *Perbelanjaan pembangunan ladang*

Semua perbelanjaan berkaitan dengan pembangunan dan kemajuan ladang kelapa sawit dan ladang jati telah dikumpulkan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang. Bagi ladang kelapa sawit, anak syarikat akan melunaskan perbelanjaan ini apabila dipermudahkan dalam hartanah, loji dan peralatan sebagai kos ladang apabila ladang mula mengeluarkan hasil sepenuhnya. Perbelanjaan pembangunan ladang untuk ladang jati pula akan dilunaskan dengan sepenuhnya apabila kerja-kerja pembalakan bermula.

#### (x) *Pendapatan tertunda*

Pemberian langsung oleh kerajaan berkaitan dengan pembelian dan pembinaan aset serta untuk perbelanjaan penanaman semula kelapa sawit adalah dikategorikan dalam tanggungan jangka panjang sebagai pendapatan tertunda.

##### (i) *Pembangunan ladang*

Pendapatan tertunda bagi pembangunan ladang adalah bantuan kerajaan yang digunakan untuk perbelanjaan penanaman semula kelapa sawit dan ianya dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Ianya dilunaskan dalam tempoh 21 hingga 25 tahun berasaskan anggaran keluaran tahunan (seperti Nota 1(e)(iii)) apabila perbelanjaan penanaman semula dipindahkan ke dalam hartanah, loji dan peralatan sebagai kos ladang (Nota 1(v)).

##### (ii) *Kumpulan wang pembangunan*

Pendapatan tertunda bagi kumpulan wang pembangunan adalah pemberian langsung oleh kerajaan untuk projek-projek pembinaan Kompleks Jemaah Haji dan ianya dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Ianya dilunaskan dalam tempoh 50 tahun berasaskan anggaran usia guna Kompleks Jemaah Haji berkenaan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

2. Hartanah, loji dan peralatan

<u>Kumpulan</u> Kos	Tanah milik		Tanah milik		Tanah milik		Hak guna		Ladang		Bangunan		Pembinaan & kelengkapan dan		Kerja		Jumlah RM'000	
	Tanah milik bebas RM'000	pajak jangka panjang RM'000	Tanah pajak jangka panjang RM'000	Hak guna tanah RM'000	Ladang RM'000	Bangunan RM'000	Bangunan pengubahsuaian RM'000	Jentera, loji, dan kenderaan RM'000	pembinaan RM'000	Kerja dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000							
Pada 1 Januari 2004	704,938	127,184	69,720	518,242	1,213,077	75,167	236,454	133,146	3,077,928									
Belian/Penambahan	37	10,430	—	3,214	17,553	17,362	48,133	87,834	184,563									
Dihapuskira	—	—	—	—	(331)	(12)	(1,938)	—	(2,281)									
Jualan	(3,114)	(7,096)	—	(9,554)	(3,716)	—	(7,254)	(69)	(30,803)									
Pemindahan daripada perbelanjaan pembangunan ladang (nota 11)	—	—	—	145,074	—	—	—	—	145,074									
Pengkelasan	5,896	(1,248)	—	—	70,163	—	2,556	(78,615)	(1,248)									
Perbezaan tukaran asing	—	—	(5,138)	(31,812)	(9,113)	—	(9,812)	(2,979)	(58,854)									
Pada 31 Disember 2004	707,757	129,270	64,582	625,164	1,287,633	92,517	268,139	139,317	3,314,379									
<b>Susutnilai / Rosotnilai terkumpul</b>																		
Pada 1 Januari 2004	—	11,804	7,806	78,302	173,166	24,780	118,452	—	414,310									
Susutnilai tahun semasa	—	1,873	1,038	24,643	33,212	10,571	27,764	—	99,101									
Rosotnilai tahun semasa	—	—	—	—	17,488	—	—	—	17,488									
Rosotnilai diambil semula	—	—	—	—	(579)	—	—	—	(579)									
Dihapuskira	—	—	—	—	(308)	(4)	(1,844)	—	(2,156)									
Jualan	—	(218)	—	(101)	(458)	—	(6,168)	—	(6,945)									
Pengkelasan	—	(299)	—	—	—	—	—	—	(299)									
Perbezaan tukaran asing	—	—	(661)	(3,770)	(1,634)	—	(2,583)	—	(8,648)									
Pada 31 Disember 2004	—	13,160	8,183	99,074	220,887	35,347	135,621	—	512,272									
<b>Nilai buku bersih</b>																		
Pada 31 Disember 2004	707,757	116,110	56,399	526,090	1,066,746	57,170	132,518	139,317	2,802,107									
Pada 31 Disember 2003	704,938	115,380	61,914	439,940	1,039,911	50,387	118,002	133,146	2,663,618									
Susutnilai untuk tahun berakhir 31 Disember 2003	—	1,272	1,440	15,327	30,978	5,306	24,047	—	78,370									
Rosotnilai untuk tahun berakhir 31 Disember 2003	—	—	—	—	579	—	16	—	595									

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 2. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Lembaga Tabung Haji Kos	Tanah milik		Pembinaan & Kelengkapan		Jentera, loji, dan peralatan		Kerjasama dalam pembinaan	Jumlah
	Tanah bebas milik RM'000	Tanah pajak jangka panjang RM'000	Bangunan RM'000	Pengubahsuaian bangunan RM'000	Kenderaan dan kelengkapan RM'000	RM'000		
Pada 1 Januari 2004	704,937	76,836	1,046,287	72,859	40,776	97,814	2,039,509	
Belian/Penambahan	37	978	8,672	17,335	26,085	37,814	90,921	
Jualan	(3,113)	—	—	—	(3,947)	—	(7,060)	
Pengkelasan	5,896	—	70,026	—	—	(75,922)	—	
Pada 31 Disember 2004	707,757	77,814	1,124,985	90,194	62,914	59,706	2,123,370	
<b>Susutnilai / Rosotnilai terkumpul</b>								
Pada 1 Januari 2004	—	6,635	128,695	24,098	24,648	—	184,076	
Susutnilai tahun semasa	—	661	22,392	10,260	7,747	—	41,060	
Rosotnilai tahun semasa	—	—	16,272	—	—	—	16,272	
Jualan	—	—	—	—	(3,940)	—	(3,940)	
Pelarasan	—	3	—	—	—	—	3	
Pada 31 Disember 2004	—	7,299	167,359	34,358	28,455	—	237,471	
<b>Nilai buku bersih</b>								
Pada 31 Disember 2004	707,757	70,515	957,626	55,836	34,459	59,706	1,885,899	
Pada 31 Disember 2003	704,937	70,201	917,592	48,761	16,128	97,814	1,855,433	
Susutnilai untuk tahun berakhir 31 Disember 2003	—	693	21,156	5,306	5,111	—	32,266	
Rosotnilai untuk tahun berakhir 31 Disember 2003	—	—	—	—	—	—	—	

Termasuk di dalam nilai buku bersih hartanah, loji dan peralatan di atas adalah kelengkapan dan kenderaan milik TKJHM berjumlah RM1,249,211 (2003 : RM1,459,426).

Termasuk di dalam susutnilai di atas adalah susutnilai bagi kelengkapan dan kenderaan milik TKJHM berjumlah RM414,304 (2003 : RM341,419).

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 2. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Susutnilai bagi tahun semasa diagihkan seperti berikut :

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Perbelanjaan pembangunan ladang (Nota 11)	4,934	3,456	–	–
Kerja kontrak dalam pembinaan (Nota 14)	703	707	–	–
Penyata pendapatan (Nota 24)	93,050	73,866	40,646	31,925
Rizab tersimpan TKJHM dan TWT	414	341	414	341
	<b>99,101</b>	<b>78,370</b>	<b>41,060</b>	<b>32,266</b>

#### *Hartanah, loji dan peralatan di bawah sewabeli dan pajakan kewangan*

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan yang dibeli di bawah perjanjian sewabeli dan pajakan kewangan pada kos adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Kenderaan	1,587	2,664

Sebahagian tanah milikpajak jangka panjang dan bangunan telah dicagarkan untuk kemudahan pembiayaan jangka panjang.

Tanah milikbebas dan bangunan bagi salah satu anak syarikat telah dinilai semula dalam tahun 1997 oleh sebuah firma jurunilai profesional yang bebas mengikut dasar nilai pasaran terbuka. Anak syarikat ini menuruti peruntukan ketika peralihan piawaian perakaunan antarabangsa No. 16 iaitu hartanah, loji dan peralatan seperti yang diluluskan oleh MASB. Peruntukan ketika peralihan itu membenarkan anak syarikat tersebut mengekalkan nilai yang dibawa oleh aset tersebut berdasarkan penilaian yang dibuat sebelumnya, tertakluk kepada penerusan dasar susutnilainya dan keperluan untuk menurunkan nilai aset tersebut kepada nilai realis bersihnya. Berikutan itu, penilaian di atas masih tidak dikemaskinikan. Nilai buku bersih bagi tanah milikbebas dan bangunan tersebut adalah RM1,084,313 (2003 - RM1,113,213) dan sekiranya dinyatakan pada kos, nilai buku bersihnya adalah RM491,610 (2003 - RM520,510).

Hakguna tanah bagi salah satu anak syarikat terletak di Riau, Indonesia meliputi kawasan seluas 85,167 hektar. Hakguna tanah sebanyak 82,148 hektar telah mendapat kebenaran daripada Jabatan Tanah di Indonesia. Hakguna tanah ini akan berakhir antara tahun 2052 hingga 2059.

Perbezaan tukaran asing timbul akibat dari terjemahan hartanah, loji dan peralatan yang dinyatakan di dalam matawang asing bagi anak syarikat yang beroperasi di Indonesia.

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 3. Pelaburan dalam anak-anak syarikat

	Lembaga Tabung Haji	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Saham tak tercatat, pada kos	362,406	431,090
Tolak : Peruntukan rosotnilai pelaburan terkumpul	(8,228)	(8,228)
Hapuskira pelaburan tahun semasa		
- memberi kesan kepada penyata pendapatan	(2,598)	(2,613)
- tiada kesan kepada penyata pendapatan *	—	(10,200)
	<b>351,580</b>	<b>410,049</b>

\*Tiada hapuskira yang tidak memberikan kesan kepada penyata pendapatan dibuat untuk tahun 2004 bagi pelaburan dalam anak syarikat berbanding dengan RM10,200,000 untuk tahun 2003.

Butiran mengenai anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Kegiatan utama	% Pegangan ekuiti	
		2004	2003
<b>Diperbadankan di Malaysia</b>			
i) TH Plantations Sdn. Bhd. <i>dan anak-anak syarikatnya:</i>	Perladangan kelapa sawit, pengilangan minyak sawit dan memegang pelaburan.	100	100
TH Peladang Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	51	51
Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	—	100
Ladang Bangka Ulu Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	51	—
ii) TH Indopalms Sdn. Bhd.	Memegang pelaburan	100	100
iii) TH Travel & Services Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengangkutan kepada jemaah haji, pakej haji dan umrah, agensi tiket penerbangan serta perkhidmatan keselamatan.	100	100
iv) TH Global Services Sdn. Bhd.	Operasi dihentikan dalam tahun 2002	100	100
v) TH Properties Sdn. Bhd. <i>dan anak-anak syarikatnya:</i>	Pembangunan hartanah	100	100
TH - NSTC Sdn. Bhd.	Pembangunan hartanah	70	70
Labuan Pearl Resort Sdn. Bhd.	Belum beroperasi	100	100
THP - SBB JV Sdn. Bhd.	Pembangunan perumahan	60	60
Tok Alang Development Sdn. Bhd.	Belum beroperasi	100	100
Darul Naim Realty Sdn. Bhd.	Belum beroperasi	100	100

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

3. Pelaburan dalam anak-anak syarikat (sambungan)

Nama syarikat	Kegiatan utama	% Pegangan ekuiti	
		2004	2003
<b>Diperbadankan di Malaysia</b>			
vi) TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya:	Perladangan kelapa sawit, pengilangan minyak sawit dan memegang pelaburan.	100	100
Syarikat Sabaco Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	59	59
Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd.	Perladangan pokok jati	83	83
Derujaya Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Halus Riang Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Ibuhasil Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Jembi Mewah Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Kuni Riang Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Lebikaya Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Manisraya Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Pinekey Enterprise Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Tacajasa Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Teguria Jaya Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Trurich Resources Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	100
Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	70	–
Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	100	–
TH Usia Jatimas Sdn. Bhd.	Perladangan pokok jati	70	–
TH Bonggaya Sdn. Bhd.	Perladangan pokok jati	100	–
vii) TH Estates (Holdings) Sdn. Bhd. dan anak syarikatnya:	Memegang pelaburan	100	100
Ladang Bangka Ulu Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	–	51
viii) TH Computers Sdn. Bhd.	Operasi dihentikan dalam tahun 2002	97	97
ix) TH Technologies Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya:	Konsesi prasarana dan perundingan pengurusan pembinaan.	100	100
THT-HCM JV Sdn. Bhd.	Pembinaan jalan raya	60	60
THT Integrated Solutions Sdn. Bhd.	Pembekal kepada industri penjagaan kesihatan dan pertanian.	100	100
Sambungan Transit Antarakota Sdn. Bhd.	Belum beroperasi	100	100

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 3. Pelaburan dalam anak-anak syarikat (sambungan)

Nama syarikat	Kegiatan utama	% Pegangan ekuiti	
		2004	2003
<b>Diperbadankan di Malaysia</b>			
x) TH Agro Sdn. Bhd.	Memegang pelaburan	100	100
xi) TH Universal Builders Sdn. Bhd.	Pembinaan	100	100
xii) Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit	–	70
xiii) TH Usia Jatimas Sdn. Bhd.	Perladangan pokok jati	–	70
xiv) TH Bonggaya Sdn. Bhd.	Perladangan pokok jati	–	100
xv) THC International Sdn. Bhd.	Perdagangan am dan perkhidmatan runding cara.	60	60
<b>Diperbadankan di Indonesia</b>			
PT Multigambut Industri (anak syarikat TH Indopalms Sdn. Bhd.)	Perladangan kelapa sawit dan pengilangan minyak sawit.	90	70
<b>Diperbadankan di Filipina</b>			
Tabung Haji-Janoub Phils Plantation Inc. * (anak syarikat TH Agro Sdn. Bhd.)	Perladangan kelapa sawit (Menghentikan operasi pada tahun 2002)	100	100

\* Mengikut perjanjian usahasama yang bertarikh 25 November 1996, anak syarikat iaitu TH Agro Sdn. Bhd. akan memegang saham sebanyak 60% dalam Tabung Haji-Janoub Phils Plantation, Inc. ("TH-JPPI") di Filipina, manakala bakinya akan dipegang oleh Janoub Philipines Development Corporation Inc. ("JPDCI"). Walaubagaimanapun, sehingga akhir tahun kewangan yang lalu, kesemua saham masih dipegang oleh anak syarikat. TH-JPPI di Filipina akan hanya menerbitkan saham kepada JPDCI setelah milikpajaknya diberi penilaian seperti perjanjian di atas. Penyata kewangan TH-JPPI tidak disatukan bermula dari 1 Januari 2002 kerana Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan efektif ke atas aset dan pengurusan TH-JPPI.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 4. Pelaburan dalam syarikat bersekutu

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
<b>Tercatat</b>				
Saham pada kos	478,120	499,972	478,120	499,972
<b>Tak tercatat</b>				
Saham pada kos	603,753	403,101	599,126	393,974
Tolak : Peruntukan rosot nilai pelaburan terkumpul	(22,105)	(8,588)	(22,105)	(8,588)
Hapuskira pelaburan tahun semasa	(7,631)	(7,631)	(7,631)	(7,631)
	574,017	386,882	569,390	377,755
Tambah : Bahagian dalam syarikat bersekutu				
Keuntungan terkumpul *	228,773	184,500	–	–
Rizab modal	269	269	–	–
	229,042	184,769	–	–
	1,281,179	1,071,623	1,047,510	877,727
Harga pasaran pelaburan tercatat	424,156	456,477	424,156	456,477

Ahli Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rosot nilai saham tercatat adalah bersifat sementara. Oleh itu, tiada peruntukan rosot nilai diperuntukkan.

\* Jumlah ini termasuk RM31.07 juta (2003 - RM31.07 juta) yang merupakan keuntungan sebelum tarikh pengambilalihan bagi syarikat-syarikat yang diperolehi pada akhir tahun 1980-an dan awal 1990-an yang mana tidak dapat disahkan.

Butiran mengenai syarikat bersekutu yang kesemuanya ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

#### Pegangan Secara Langsung

No.	Nama syarikat	Kegiatan utama	% Pegangan ekuiti	
			2004	2003
<b>Saham tercatat</b>				
i)	BIMB Holdings Berhad	Perbankan Islam dan Takaful	30	30
ii)	Computers Forms Malaysia Berhad	Pengeluaran kertas komputer	26	26
iii)	Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad	Minyak dan gas	21	22
iv)	LKT Industrial Berhad	Pembuatan komponen semikonduktor	25	25
v)	SDKM Fibres Wire Cable Berhad	Pembuatan dan penjualan komponen elektronik	30	30
vi)	Ornapaper Berhad *	Pembuatan papan dan kotak kadbod elektrik.	–	23

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 4. Pelaburan dalam syarikat bersekutu (sambungan)

No.	Nama syarikat	Kegiatan utama	% Pegangan ekuiti	
			2004	2003
vii)	KESM Industries Berhad *	Pembuatan barangan elektronik	–	20
viii)	Englotechs Holding Bhd.	Pengeluaran dan pengedaran sarung tangan benang	26	26

\* Peratus pegangan LTH dalam Ornapaper Berhad dan KESM Industries Berhad telah menurun kepada 19% dalam tahun semasa. Oleh itu, pelaburan LTH dalam syarikat-syarikat ini tidak disatukan bagi tahun semasa dan telah diambilkira sebagai pelaburan.

#### Saham tak tercatat

i)	ASMTH Sdn. Bhd.	Pengurusan hartanah	49	49
ii)	Bata (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan kasut	20	20
iii)	Boral Plasterboard (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran barangan 'Gypsum' untuk industri pembinaan.	30	30
iv)	CCM Fertilizers Sdn. Bhd.	Pengeluaran baja	50	50
v)	Coats Thread (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran dan pengedaran benang kain	38	38
vi)	East Johor Marine Farms Sdn. Bhd.	Menternak udang harimau	34	34
vii)	Gallant Precision Tool & Engineering Enterprise (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan komponen elektronik	25	25
viii)	Kulim Advance Education Corporation Sdn. Bhd.	Pendidikan pengajian tinggi	40	40
ix)	LBI Sdn. Bhd.	Pembekalan tenaga elektrik	45	30
x)	Maju TH Sdn. Bh.	Pengurusan hartanah	49	49
xi)	Marconi (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan alat talian komunikasi digital dan kejuruteraan elektrik	23	23
xii)	Nihon Canpack (Malaysia) Sdn. Bhd.	Barangan perusahaan	40	40
xiii)	Perumahan Kinrara Bhd.	Pemaju hartanah	25	25
xiv)	PMS Concrete Products Sdn. Bhd.	Pembinaan	20	20
xv)	Prizevest Sdn. Bhd.**	Pengurusan hartanah	30	30
xvi)	Sincere Match & Tobacco Factory Sdn. Bhd.	Pengeluaran mancis	30	30
xvii)	Swasta Setia Holdings Sdn. Bhd.	Pengurusan hartanah	30	30
xviii)	Taiping Advertising Matches Sdn. Bhd.	Pengeluaran mancis	30	30
xix)	TAFI Industries Berhad	Pembuatan perabot	20	–
xx)	T.A. Furniture Industries Sdn. Bhd.	Pembuatan perabot	–	20
xxi)	T.A. System Furniture Sdn. Bhd.	Pembuatan perabot	–	20
xxii)	Techsteel Corporation Berhad	Pembuatan perabot	30	30
xxiii)	Tiram Kimia Sdn. Bhd.	Operasi dihentikan dalam tahun semasa	–	30

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 4. Pelaburan dalam syarikat bersekutu (sambungan)

No.	Nama syarikat	Kegiatan utama	% Pegangan ekuiti	
			2004	2003
xxiv)	Top Priority Sdn. Bhd. **	Pengurusan hartanah	30	30
xxv)	Victec Enterprise Sdn. Bhd.**	Pengurusan hartanah	30	30
xxvi)	Express Rail Link Sdn. Bhd.	Merekabentuk, membina, mengendali dan menyelenggara sistem keretapi.	40	40
xxvii)	NTS Technology Sdn. Bhd.	Belum beroperasi	23	–
<b>Pegangan Secara Tidak Langsung</b>				
i)	HCM-TH Technologies Sdn. Bhd.	Menaikkan taraf Jln. Persekutuan 5 dari Sabak Bernam ke Kapar dan dari Klang ke Banting	30	30
ii)	HCM-TH Technologies JV	Menaikkan taraf jalan Muar ke Simpang Ampat	40	40
iii)	Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd.	Pengilangan kelapa sawit	24	24
iv)	Roadcare (M) Sdn. Bhd.	Memperbaiki Jalan Persekutuan untuk kawasan tengah (Selangor; Pahang, Terengganu dan Kelantan).	28	28

\*\* LTH tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi perusahaan-perusahaan berkenaan kerana telah diletakkan di bawah penyeliaan Penerima dan Pengurus ('Receiver & Manager') Ernst & Young, walaupun LTH masih memegang sebahagian daripada ekuiti perusahaan-perusahaan berkenaan. Oleh itu, perusahaan-perusahaan berkenaan tidak disatukan dan telah diambilkira sebagai pelaburan.

### 5. Pembiayaan kepada anak-anak syarikat

	Lembaga Tabung Haji	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Pembiayaan kepada anak-anak syarikat	1,464,075	1,305,643
Tolak : Hapuskira pelaburan tahun semasa	(730)	(730)
Peruntukan cukai pegangan terkumpul	(43,710)	(19,955)
	<b>1,419,635</b>	<b>1,284,958</b>

Termasuk di dalam pembiayaan kepada anak-anak syarikat ialah pembiayaan yang diberikan kepada sebuah anak syarikat di Indonesia untuk membangunkan ladang kelapa sawit di Riau, Indonesia. Pembiayaan tersebut adalah bercagar, dikenakan margin keuntungan sebanyak 7.22% hingga 14.32% dan mempunyai tempoh bayaran balik sehingga tahun 2022.

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 6. Entiti dikawal bersama

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Kos	1,554	1,554
Bahagian keuntungan selepas tarikh pengambilalihan	8,041	7,380
	<b>9,595</b>	<b>8,934</b>

Kepentingan Kumpulan di dalam aset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan entiti dikawal bersama adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2004	2003
	RM'000	RM'000
Aset jangka panjang	179	441
Aset semasa	40,189	63,871
Tanggungan semasa	(30,773)	(55,378)
Aset bersih	<b>9,595</b>	<b>8,934</b>
Pendapatan	<b>66,727</b>	72,950
Perbelanjaan	<b>(66,066)</b>	(72,392)
	<b>661</b>	<b>558</b>

Butiran mengenai entiti dikawal bersama adalah seperti berikut :

Nama syarikat	Kegiatan utama	% Pegangan ekuiti	
		2004	2003
TH Universal Builders - Durable Concrete JV	Mendalam dan memperbaiki Sungai Kelang	<b>60</b>	60
TH Universal Builders - Bina Darulaman Berhad JV	Membina dan melengkapkan peralatan bagi Hospital Sungai Petani	<b>70</b>	70

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 7. Pelaburan ekuiti

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
<b>Tercatat</b>				
Saham pada kos	3,611,308	3,246,183	3,719,877	3,354,752
Tolak : Peruntukan rosotnilai pelaburan terkumpul	(103,910)	(95,765)	(103,670)	(95,467)
Hapuskira pelaburan tahun semasa	(7,565)	(6,235)	(7,565)	(6,235)
	<b>3,499,833</b>	3,144,183	<b>3,608,642</b>	3,253,050
Akaun modal dengan pengurus tabungan	170,600	153,905	170,600	153,905
Tolak : Peruntukan rosotnilai pelaburan terkumpul	(540)	(820)	(540)	(820)
	<b>170,060</b>	153,085	<b>170,060</b>	153,085
<b>Tak tercatat</b>				
Saham pada kos	128,425	304,636	126,543	302,754
Tolak : Peruntukan rosotnilai pelaburan terkumpul	(15,589)	(4,463)	(13,707)	(2,581)
Hapuskira pelaburan tahun semasa	(10,125)	(10,125)	(10,125)	(10,125)
	<b>102,711</b>	290,048	<b>102,711</b>	290,048
	<b>3,772,604</b>	3,587,316	<b>3,881,413</b>	3,696,183
Harga pasaran saham tercatat	<b>4,043,925</b>	3,705,367	<b>4,043,727</b>	3,705,198

### 8. Pelaburan kewangan

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Amanah saham	150,664	150,289	150,664	149,089
Tolak : Peruntukan rosotnilai pelaburan terkumpul	–	(875)	–	–
	<b>150,664</b>	149,414	<b>150,664</b>	149,089
Pembiayaan korporat Bai Bithaman Ajil	392,394	353,449	392,394	353,449
Tolak : Peruntukan rosotnilai pelaburan terkumpul	(17,300)	(8,650)	(17,300)	(8,650)
	<b>375,094</b>	344,799	<b>375,094</b>	344,799
Unit tabungan "Islamic Development Bank"	22,446	21,041	22,446	21,041
Pelaburan nota korporat	–	138,332	–	138,332
Pelaburan bon jangka panjang	818,501	884,147	818,501	884,147
Tambah : Peningkatan diskaun	1,653	–	1,653	–
Tolak : Pelunasan premium	(21,148)	–	(21,148)	–
	<b>799,006</b>	884,147	<b>799,006</b>	884,147
Tolak : Peruntukan rosotnilai pelaburan terkumpul	(27,760)	(25,236)	(27,760)	(25,236)
	<b>771,246</b>	858,911	<b>771,246</b>	858,911
Pelaburan NIDC	91,637	99,827	91,637	99,827
Tambah : Peningkatan diskaun	19,913	–	19,913	–
	<b>111,550</b>	99,827	<b>111,550</b>	99,827
Pelaburan pengurus tabungan	11,200	12,600	11,200	12,600
Tolak : Hapuskira pelaburan tahun semasa	(1,400)	(1,400)	(1,400)	(1,400)
	<b>9,800</b>	11,200	<b>9,800</b>	11,200
	<b>1,440,800</b>	1,623,524	<b>1,440,800</b>	1,623,199

Lembaga Tabung Haji  
(Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995)  
Dan Anak-Anak Syarikatnya

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 9. Tanah untuk pembangunan hartanah

	Kumpulan	
	2004 RM'000	2003 RM'000
<b>Kos</b>		
